

PEMAKAIAN MASLAHAH DALAM PRODUK TAKAFUL
KELUARGA DI PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

NIK ASMA' ADAWIYAH BINTI NIK DIN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

**PEMAKAIAN MASLAHAH DALAM PRODUK
TAKAFUL KELUARGA DI PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL BERHAD**

NIK ASMA' ADAWIYAH BINTI NIK DIN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**PEMAKAIAN MASLAHAH DALAM PRODUK TAKAFUL
KELUARGA DI PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD**

NIK ASMA' ADAWIYAH BINTI NIK DIN

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

PEMAKAIAN MASLAHAH DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

ABSTRAK

Takaful keluarga merupakan salah satu instrumen perlindungan risiko. Di Malaysia oleh kerana operasi takaful keluarga diurus oleh institusi kewangan yang berentiti perniagaan, justeru timbul andaian yang menyatakan bahawa modus operandinya masih belum menepati *maqāṣid al-shari‘ah* yang sebenar. Kepelbagaiannya inovasi yang dilakukan terhadap takaful keluarga telah menimbulkan persoalan berkaitan dengan modus operandi sebenar takaful ini. Konsep *tabarru’* yang menjadi akad pendasar dalam takaful keluarga dikatakan masih kabur apabila syarikat pengendali takaful mengambil peluang meraih pulangan melalui pelan-pelan takaful yang ditawarkan. Seterusnya, terma dan syarat yang merupakan sebahagian daripada produk takaful keluarga turut menimbulkan persoalan berkaitan *maṣlahah* yang diterima pakai dalam produk tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen *maṣlahah* yang diterima pakai dalam produk takaful keluarga dan menilai sejauh manakah produk ini bertepatan dengan *maṣlahah* yang sebenar. Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan metode perpustakaan, analisis dokumen dan temubual bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan takaful. Metode penganalisaan data pula dijalankan menerusi metode induktif, deduktif, dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa elemen *maṣlahah* sememangnya diterima pakai dalam produk takaful keluarga. Namun, terdapat beberapa elemen *maṣlahah* yang dikesampingkan misalnya dalam isu berkaitan dengan perkongsian lebihan dana takaful dan ejen takaful.

Kata Kunci: Takaful Keluarga, *Maṣlahah*, *Tabarru’* dan *Wakālah bi al-ajr*

THE APPLICATION OF MASLAHAH IN FAMILY TAKAFUL PRODUCT IN PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

ABSTRACT

Family takaful is one of the risk protections instruments. In Malaysia, this kind of policy is handled by business-oriented financial institution therefore, there are some hearsays in which the modus operandi or the procedures have not yet fulfilled the *maqāṣid al-shari‘ah* compliances. Various innovation that have been done on the family takaful has raised up the concerned related to the actual modus operandi. The *tabarru’* concept which has become the underlying contract in family takaful is said to be unclear whereby takaful operator companies took the opportunity to achieve profits through the takaful plans offered by them. Furthermore, the terms and conditions which are part of the family takaful product also has raised question about the issues related to the *maṣlahah* that has been applied in the product. Therefore, the study aims to investigate the elements of *maṣlahah* applied in family takaful and to see to what extent does the policy comply with the actual *maṣlahah*. In order to obtain the information regarding the takaful plan, this study applied qualitative methodology consisting of library based, texts analysis and interviews. As for data analysis, the researcher used inductive, deductive and content analysis methods. The study found out that the elements of *maṣlahah* are clearly applied in family *takaful* products. However, there seems to be few elements of *maṣlahah* that have been neglected such as on the issue related to the surplus sharing of takaful funds and takaful agents.

Keywords: Takaful Keluarga, *Maṣlahah*, *Tabarru’* dan *Wakālah bi al-ajr*

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalāmu‘alaikum wa rahmatullahi wabarakātuh. Segala puji kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Di sini ingin penyelidik zahirkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana dapat menyiapkan disertasi ini. *Jazākumullahu khayr al-jazā’* kepada penyelia-penyelia yang dihormati, Dr Ridzwan Ahmad dan Dr Nor Fahimah Mohd Razif atas bimbingan nasihat, tunjuk ajar, dan idea yang diberikan dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada ucapan jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan Fiqh dan Usul Dr Luqman Abdullah, para pensyarah dan setiausaha jabatan.

Setinggi penghargaan buat seluruh ahli keluarga khususnya untuk Che dan Ayah tercinta, Hjh. Aminah Che Mud dan Hj. Nik Din Nik Mat. Ucapan terima kasih juga ditujukan khusus kepada adik-beradik yang dikasihi iaitu Nik Muniyati, Nik Munirah, Nik Muniyana, Nik Mohd Kifayatullah, Nik Murshidah, Nik Mawaddah, Nik Abdul Aziz, Nik Mohd Dhiyafullah, Nik Mahabbah Khairiah dan Nik Ahmad Mumtaz, serta tidak dilupakan buat ipar-ipar yang tidak putus-putus mendoakan, memberi dorongan dan semangat dalam menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah swt sahaja yang mampu membalaunya. Seterusnya, ribuan terima kasih kepada para informan atas kerjasama dan maklum balas yang telah diberikan dalam membantu penyelidik menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa maklumat dan kerjasama daripada kalian tidak mungkin penyelidikan ini mampu disiapkan. Semua guru-guru dan sahabat-sahabat yang jauh dan dekat juga tidak pernah penyelidik lupakan, terima kasih atas ingatan dan doa kalian.

Untuk pengakhiran, maaf dipinta seandainya terdapat kekurangan dan kesilapan yang tidak disedari dalam penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberikan input yang berguna kepada para penyelidik lain dan semoga usaha ini diberkati oleh Allah S.W.T. Wassalam.

Nik Asma' Adawiyah Binti Nik Din
Lot 1696 Kampung Pulau Melaka,
Sering 16150 Kota Bharu Kelantan.
19 Ramadhan 1440H
nik.asma2401@gmail.com

DAFTAR KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
DAFTAR KANDUNGAN	vi
JADUAL TRANSLITERASI	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB SATU: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan Dan Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Sorotan Literatur	9
1.8 Metodologi Kajian	22
1.9 Kerangka Kajian	28

BAB DUA: KONSEP TAKAFUL DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN AKAD YANG DIAPLIKASIKAN

2.1 Pendahuluan	30
2.2 Definisi dan Dalil Asas Takaful	30
2.3 Prinsip Asas Takaful	38
2.4 Sistem Takaful Moden di Negara-negara Islam	41
2.5 Akad-akad asas yang diaplikasikan dalam operasi Takaful Keluarga	46
2.5.1 Akad antara sesama peserta	47
2.5.2 Akad antara kumpulan peserta dan pengendali Takaful	52
2.5.3 Akad yang diaplikasikan dalam produk Takaful Keluarga di PruBSN	59

2.5.3.1 <i>Iltizām bi al-tabarru'</i>	59
2.5.3.2 <i>Wakālah bi al-ajr</i>	60
2.6 Kesimpulan	70

BAB TIGA: PRODUK-PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

3.1 Pendahuluan	72
3.2 Latar belakang syarikat Prudential BSN Takaful Berhad	73
3.3 Pelan-pelan dalam produk Takaful Keluarga di PruBSN Takaful	75
3.3.1 Pelan Asas Takaful Keluarga	76
3.3.1.1 PruBSN <i>FirstLink</i>	77
3.3.1.2 PruBSN <i>TakafulLink</i>	79
3.3.1.3 PruBSN <i>SmartLink</i>	81
3.3.2 Pelan Tambahan Takaful Keluarga	83
3.3.2.1 Takaful Kemalangan	85
3.3.2.2 Takaful Perubatan dan kesihatan	86
3.3.2.3 Takaful Penyumbang (<i>Contributor</i>)	87
3.4 Kesimpulan	90

BAB EMPAT: ANALISIS PEMAKAIAN *MAŞLAHAH* DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA

4.1 Pendahuluan	91
4.2 Definisi <i>Maşlahah</i>	91
4.2.1 (a) <i>Maşlahah</i> dari sudut bahasa	92
4.2.1 (b) <i>Maşlahah</i> dari sudut istilah	93
4.2.2 Pembahagian <i>maşlahah</i>	95
4.2.2.1 <i>Maslahah</i> dari aspek kepentingan, keutamaan dan kekuatan pemakaian	95
4.2.2.2 <i>Maslahah</i> dari aspek tujuan asal dan tujuan sampingan	100
4.2.2.3 <i>Maslahah</i> dari aspek kesyumulan pemeliharaan (umum dan khusus)	101
4.2.2.4 Pembahagian <i>Maslahah</i> Dari Sudut Keperluan	102

4.3 Analisis pemakaian <i>maṣlahah</i> dan <i>mafsadah</i> berkaitan dengan produk takaful keluarga	103
4.3.1 Elemen <i>maṣlahah</i> dalam produk takaful keluarga Prudential BSN Takaful104	
4.3.1.1 Perlindungan <i>maṣlahah</i> nyawa melalui penawaran takaful manfaat penyakit kritikal dan manfaat takaful perubatan dan kemasukan ke hospital	107
4.3.1.2 Perlindungan <i>maṣlahah</i> akal melalui manfaat takaful pendidikan	115
4.3.1.3 Perlindungan <i>maṣlahah</i> harta melalui manfaat takaful kematian	120
4.3.2 <i>Maṣlahah</i> dan <i>mafsadah</i> dalam isu berkaitan dengan akad dalam Takaful Keluarga di Prudential BSN Takaful	124
4.3.2.1 <i>Maṣlahah</i> dan <i>mafsadah</i> berkaitan dengan isu perkongsian lebihan pengunderaitan (<i>underwriting surplus sharing</i>) di Prudential BSN Takaful	125
4.3.2.2 <i>Maṣlahah</i> dan <i>mafsadah</i> berkaitan dengan isu penglibatan ejen takaful dalam takaful keluarga di Prudential BSN Takaful	135
4.4 Kesimpulan	141

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	142
5.2 Rumusan Kajian	142
5.3 Saranan dan Cadangan	156
5.4 Penutup	158
BIBLIOGRAFI	159

JADUAL TRANSLITERASI

1- Konsonan

Huruf Arab	Roman	Huruf Arab	Roman
ا	a	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ء	,
ض	ḍ	ة	h,t

2- Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
(Fatḥah)	a	فَتَّة	<i>Qanata</i>
(Dammah)	i	سَلْمٌ	<i>Salima</i>
(Kasrah)	u	جُعْلٌ	<i>Ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا، ي	ā	كَبِيرٌ، بَابٌ	<i>bāb / kubrā</i>
ي	ī	وَكِيلٌ	<i>wakīl</i>
و	ū	سُورَةٌ	<i>sūrah</i>

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أو	aw	قَوْلٌ	<i>qawla</i>
أي	ay	خَيْرٌ	<i>khayra</i>
وَ	uww	فُؤُودٌ	<i>quwwah</i>
يَ	iy/ ī	عَرَبِيًّا	<i>'arabiyy/ ī</i>

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kepanjangan
AAIOFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
IFSA 2013	Islamic Financial Services Act 2013
ISRA	International Shariah Research Academy for Islamic Finance
MPS	Majlis Penasihat Syariah
BNM	Bank Negara Malaysia
Et al	<i>et alii / alia</i> (dan yang lain-lain yang melebihi dua)
IBFIM	Islamic Banking and Finance Institute Malaysia
s.a.w	Şallallāhu ‘Alaihi Wasallam
s.w.t	Subḥānahu Wa Ta‘āla
IUA	Investment Unitize Account
PUA	Participant Unitize Account
PruBSN	Prudential BSN Takaful Berhad
TPD	Total Permanent Disability
TOF	Takaful Operational Framework
t.t	tanpa tahun
t.p.	tanpa penerbit
t.t.p.	tanpa tempat penerbit

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah	Halaman
Rajah 1.1: Metodologi Kajian	23
Rajah 2.1: Akad Antara Sesama Peserta Dengan Dana Takaful	50
Rajah 2.2: Akad Antara Peserta Dengan Pengendali Takaful	53
Rajah 2.3: Ilustrasi Carta Aliran Akad <i>Wakālah bi al-ajr</i> dalam produk Takaful Keluarga di PruBSN	61
Rajah 2.4: Ilustrasi Struktur Hubungan <i>Wakālah bi al-ajr</i> antara PruBSN dengan Ejen Takaful	67
Rajah 3.1: Pelan Asas Takaful Keluarga PruBSN	77
Rajah 3.2: Pelan Rider PruBSN	84
Rajah 3.3: Senarai 36 Penyakit Kritikal	87

BAB SATU: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan Dan Latar Belakang Kajian

Objektif Syariah (*maqāṣid al-shari‘ah*) adalah untuk mencapai *al-falah* di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Bertitik tolak atas dasar itu segala hukum yang diijtihadkan oleh para ulama seharusnya tidak terkeluar daripada konsep *jalb al-maṣāliḥ wa dār al-mafāsid al-nās*¹ (pencapaian *maṣlahah* dan penolakan kemudaratannya terhadap manusia) yang menjadi intipati pemakaian *maṣlahah* sebenar dalam syariat Islam, serta termasuklah dalam aktiviti ekonomi seperti kewangan, perbankan dan takaful serta aktiviti sosial². Oleh hal demikian, lima perkara asas yang disebut sebagai *al-darūriyyāt al-khams* yang menjadi intipati utama *maqāṣid al-shari‘ah* iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta hendaklah dipelihara dan diberi perhatian serius supaya dapat menjamin kehidupan yang sejahtera dunia dan akhirat. Kegagalan memelihara lima perkara asas ini akan membawa kepincangan kepada umat Islam baik di dunia maupun di akhirat. Kerana itu setiap perkara yang dilakukan mestilah mendatangkan *maṣlahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (keburukan) kerana konsep tersebut merupakan matlamat syariah yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada manusia.

Menurut penulisan para ulama muktabar antaranya al-Ghazzālī³, al-Shāṭibī⁴ dan ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām⁵, *maṣlahah* merupakan piawaian utama dalam penentuan hukum semasa dan setempat. Atas premis bahawa *maṣlahah* mempunyai kedudukan utama maka muncul pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan *maṣlahah* dalam pelbagai aspek termasuk dalam sistem ekonomi dan kewangan. Namun demikian,

¹ Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazzālī, *Al-Muṣṭaṣfa min ‘Ilmi al-Uṣūl*, (Beirut, Lubnān: Dār Ṣādir, 1431h/2010), cet. 1, 1: 258.

² Syahida Abdullah, "The Objective of Takaful and Shariah: Towards The Achievement of Maqasid Shariah," *Jurnal ISRA* 8, no. 1 (January-June 2015), 93-104.

³ Al-Ghazzālī, *Al-Muṣṭaṣfa*, 1:257-258

⁴ Abū Ishaq al-Shāṭibī, *al-Muwāṣaqt Fī Uṣūl al-Shari‘ah* (Saudi: Dār Ibn ‘Affān, 1997), 3:53&76.

⁵ ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Salām, *Qawā‘id al-Aḥkām Fī Maṣāliḥ al-Anām* (Kaherah: Dār al-Shirq Li Al-Tabā‘ah, 1986), 1:11.

pemakaian *maṣlahah* dalam insurans Islam atau lebih dikenali sebagai takaful khususnya yang melibatkan pelan-pelan yang ditawarkan serta pemakaianya terhadap akad-akad yang diterima pakai masih kurang diperincikan oleh pengkaji semasa.

Sistem takaful dalam muamalah Islam berdiri atas prinsip tanggungjawab, saling berkerjasama dan saling melindungi daripada sebarang bencana dan kesusahan⁶. Oleh hal yang demikian, objektif inilah yang membezakan takaful dengan insurans konvensional⁷ yang telah difatwakan haram oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 15 Jun 1972 kerana ia mengandungi *gharār* (ketidakpastian), *ribā* dan *maysir* (perjudian)⁸ dan merupakan sesuatu muamalah yang *fasād* (rosak/ tidak sah) di samping akadnya tidak sesuai dengan prinsip Islam⁹. Hasilnya syarikat takaful yang berdasarkan konsep *tabarru'* dan *muḍārabah* telah ditubuhkan di Malaysia setelah diluluskan oleh Parlimen pada 15 November 1984 di bawah Akta Takaful 1984. Setelah lebih 30 tahun usia industri takaful di Malaysia, kini terdapat 15 buah syarikat pengendali takaful berdaftar¹⁰ sedang beroperasi. Terdapat dua jenis produk takaful yang ditawarkan dan salah satunya ialah takaful keluarga. Dalam produk ini risiko yang dilindungi apabila ditimpa musibah atau kesusahan termasuklah kematian, keilatan kekal atau penyakit kritikal¹¹.

⁶ Mohd Fadzli Yusuf, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2006), 13

⁷ Mohamad Akram Laldin, “Takaful dan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu Serta Fatwa Pilihan” (makalah, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam KLIFF 2007, Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 19 November 2007), 8.

⁸ Utusan Malaysia, “Haram Pilih Insurans Konvensional” Laman Sesawang, dicapai pada 16 Ogos 2016 http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140601/dn_30/Haram-pilih-insurans-konvensional

⁹ Fadillah Mansor dan Azman Ismail, “Konsep Takaful dan Amalannya di Malaysia” dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mukmin Ab. Ghani et al. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2006), 97; Mohd Hisyam, “Perbandingan Kontrak Takaful”, dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2008), 19.

¹⁰ Bank Negara Malaysia (BNM), “Operator Takaful bagi Takaful Keluarga dan Takaful Am”, laman sesawang, dicapai pada 22 April 2019, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&fund=0&cu=0>

¹¹ Asmak Ab Rahman et al. “Kepentingan Takaful Sebagai Instrumen Simpanan dan Perlindungan” dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2008), 55.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Kemunculan takaful lebih tiga dekad yang lalu telah mencetuskan trend yang baru dalam industri kewangan Islam di Malaysia. Ia merupakan suatu instrumen kewangan yang boleh disertai oleh individu, kumpulan peserta atau organisasi bagi tujuan untuk mengurus risiko sekiranya menghadapi musibah seperti sakit, kemalangan, kematian, kecurian, kehilangan harta benda dan lain-lain¹². Menerusi penubuhan dan kewujudan syarikat-syarikat pengendali takaful di Malaysia dan salah satunya ialah Prudential BSN Takaful (PruBSN), prinsip-prinsip Syariah dijadikan sebagai teras utama dalam memperkenalkan pelbagai inovasi baru dalam produk takaful keluarga¹³. Perkembangan positif ini dilihat dapat memberikan kebaikan kepada umat Islam untuk tidak lagi memilih insurans konvensional yang berasaskan prinsip yang tidak patuh Syariah.

Namun begitu, kepelbagaian inovasi yang dilakukan terhadap takaful keluarga telah menimbulkan andaian yang menyatakan bahawa modus operandinya masih belum sepenuhnya bertepatan dengan *maqāṣid al-shari‘ah* disebabkan ianya diurus oleh institusi kewangan yang berentiti perniagaan¹⁴. Selain itu, pengoperasiannya juga masih tidak dapat lari daripada bayangan insurans konvensional meskipun aspek pematuhan syariah sentiasa dititikberatkan¹⁵. Konsep *tabarru’* yang menjadi akad pendasar dalam takaful keluarga juga dikatakan agak lari apabila syarikat pengendali takaful mengambil peluang meraih pulangan melalui pelan-pelan takaful yang ditawarkan¹⁶. Misalnya, struktur produk takaful keluarga yang mana manfaat perlindungan asas takaful (manfaat kematian, hilang upaya kekal dan menyeluruh) mengandungi instrumen pelaburan dan dijadikan sebagai pelan asas utama dengan menonjolkan kelebihan pelaburan

¹² Hendon Redzuan et al., *Risiko dan Insurans* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia, 2005), 4

¹³ Halimatussaadiah Hairudin dan Mat Noor Mat Zain, “Aplikasi Prinsip dalam Kontrak dan Keuntungan Produk Takaful Keluarga di Syarikat-Syarikat Takaful di Malaysia: Satu Sorotan Literatur”, dalam *Prosiding Kolokium Siswazah Jabatan Syariah 2013*, ed. Anwar Fakhri Omar, (Bangi: Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 257.

¹⁴ Roslinah, “Maqasid al-Shariah and Takaful Practices”, Artikel ICMIF Takaful no. 25 (November 2009).

¹⁵ Akram Laldin, “Takaful dan Takaful Semula”, 10.

¹⁶ *Ibid.*, 8.

berbanding perlindungan diri yang seharusnya dijadikan sebagai matlamat sebenar takaful¹⁷. Manakala manfaat perlindungan diri seperti manfaat penyakit kritikal, manfaat kemalangan, manfaat perubatan, dan lain-lain pula dijadikan sebagai pelan takaful tambahan¹⁸. Oleh itu, sekiranya peserta mahu manfaat takaful perlindungan diri seperti mana yang telah disebutkan di atas, maka peserta perlu menambahnya bersama-sama dengan takaful asas. Berdasarkan contoh struktur produk takaful keluarga yang disebutkan di atas, timbul persoalan adakah pelaburan dan simpanan menjadi fokus utama takaful keluarga berbanding manfaat perlindungan diri yang sepatutnya menjadi matlamat dan *maṣlahah* sebenar takaful keluarga ditawarkan. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada akad yang diaplikasikan dalam takaful merupakan akad *tabarru'* atau *tabarru' ma‘a mu‘āwaḍah*¹⁹.

Beginu juga dengan terma dan syarat yang merupakan sebahagian daripada produk takaful keluarga turut menimbulkan persoalan berkaitan *maṣlahah* di dalamnya. Adakah ianya mengutamakan *maqṣad al-aṣliyyah* atau *maqṣad tab‘iyyah* dalam mendatangkan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah* terhadap pihak yang terlibat. Misalnya, isu pengagihan semula lebihan dana *tabarru'* yang dikongsikan antara peserta dengan pengendali takaful. Pengagihan semula lebihan merupakan salah satu ciri yang membezakan antara takaful dengan insurans konvensional²⁰. Dalam operasi insurans konvensional lebihan dana insurans menjadi milik syarikat insurans yang dianggap

¹⁷ Tidak dinafikan pelaburan dan keuntungan daripadanya memberi kebaikan dan kemaslahatan kepada orang ramai yang menyertai takaful keluarga, namun ianya bukan objektif sebenar takaful keluarga. Hakikatnya takaful keluarga diadakan adalah supaya setiap musibah yang menimpa dapat sama-sama dilindungi melalui sumbangan yang dibayar oleh setiap peserta.

¹⁸ Manfaat-manfaat tambahan dikenali sebagai pelan *rider*. Sila lihat laman sesawang Prudential BSN Takaful Berhad, dicapai 18 Januari 2018, <https://www.prbsn.com.my/ms/our-products/rider-plans/>

¹⁹ Pelan takaful berkaitan pelaburan yang dikenali sebagai *investment-linked* takaful di mana sebahagian besar struktur produk takaful menyediakan saluran untuk pelaburan. Sebahagian besar jumlah keseluruhan sumbangan dikhurasukan kepada pelaburan dan sebahagian kecilnya disalurkan kepada akaun *tabarru'*. Di antara kontrak utama yang menghubungkan di antara pengendali takaful dan peserta merangkap pelabur ialah *muḍarabah* atau *wakalah bi ajr*. Kedua-dua kontrak ini adalah *mu‘āwaḍah*. Sila lihat Azman Mohd Noor, “Takaful: Analisis ke Atas Konsep dan Aqad” (makalah, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4, Hotel Nikko Kuala Lumpur, 2 November 2009), 15.

²⁰ AAIOFI, *Shariah Standard* 2010, (Standard no. 26) Appendix B: Basis of The Shari‘ah Rulings, 475-476.

sebagai imbalan kepada perlindungan yang ditawarkan. Manakala dalam operasi takaful pula, takaful lebihan dana *tabarru'* dianggap hak milik kumpulan peserta takaful, di mana sekiranya ada ianya akan diagihkan semula kepada peserta²¹. Walau bagaimanapun, sebahagian pengendali takaful merasakan mereka juga sepatutnya berhak untuk mendapat atas lebihan tersebut. Antara hujah yang diberikan adalah pengurusan yang cekap dan baik oleh pengendali takaful khususnya yang melibatkan proses pengunderaitan dan penilaian risiko menjadi salah satu faktor penyumbang kepada lebihan tersebut. Justeru itu, seharusnya mereka layak untuk turut mendapat lebihan tersebut sebagai insentif dan ganjaran kepada prestasi cemerlang yang ditonjolkan²². Justeru itu, sekiranya berlaku lebihan dana *tabarru'* selepas berakhir aktiviti takaful pada setiap akhir tahun kewangan, ia akan diagihkan semula sama rata kepada para peserta takaful dengan pihak pengendali takaful. Lima puluh peratus (50%) diagihkan kepada peserta termasuk keuntungan pelaburan yang terbit daripada dana *tabarru'*. Manakala, baki 50% daripada lebihan tersebut pula akan diagihkan kepada pengendali takaful²³. Berdasarkan kepada pernyataan berkaitan dengan perkongsian pengagihan lebihan dana *tabarru'* di atas timbul persoalan apakah elemen *maṣlahah* yang diterima pakai dalam perkongsian lebihan dan adakah ia bertepatan dengan *maṣlahah*?

Di samping itu, pada masa kini boleh dikatakan kebanyakan syarikat pengendali takaful di Malaysia melantik ejen takaful yang akan menghubungkan syarikat dengan peserta²⁴. Antara peranan dan tugas ejen takaful ialah menjadi wakil kepada PruBSN mempromosi dan mengajak masyarakat menyertai takaful keluarga. Pada kebiasaannya

²¹ *Ibid.*, 476.

²² Mohd Kamil Ahmad, ‘Hibah Bert’liq dan Potensi Penggunaannya Dalam Takaful: Kajian dari Perspektif Fiqh (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2017), 204; Engku Rabiah Adawiah Engku Ali dan Hassan Scoot P. Odierno, *Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance)*, (Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd, 2008), 50-51.

²³ Terdapat klausa berkaitan dengan perkongsian agihan lebihan dana *tabarru'* antara peserta dengan pihak PruBSN.

²⁴ Mohd Faiz Hafizi Manap (Pengurus Senior Produk, Bahagian Pemasaran) dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017.

ejen akan bergerak di lapangan bagi memperkenalkan produk-produk takaful yang ditawarkan oleh pihak syarikat takaful yang melantik mereka. Ringkasnya, ejen takaful adalah pihak pertama yang akan turun padang bertemu masyarakat bagi menerangkan tentang produk dan pelan takaful keluarga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan seseorang individu. Ejen takaful juga bertindak sebagai orang tengah yang menguruskan berkaitan dengan prosedur pendaftaran penyertaan pelan takaful bagi pihak peserta. Selain itu, ejen takaful juga berperanan sebagai pemudah cara kepada peserta takaful sekiranya hendak membuat tuntutan manfaat takaful. Misalnya, sekiranya peserta perlu membuat tuntutan manfaat takafulnya, maka ejen takaful akan menjadi perantara yang menghubungkan peserta dengan pengendali takaful. Peserta takaful juga tidak perlu bersusah payah untuk datang ke syarikat takaful memandangkan ejen takaful telah memainkan peranan sebagai wakil menguruskan urusan tuntutan manfaat takaful bagi pihak peserta. Apabila seseorang ejen berjaya mendapatkan penyertaan peserta, ejen akan dibayar komisen sebagai upah. Berdasarkan kepada contoh berkaitan dengan peranan ejen takaful yang dijelaskan di atas timbul persoalan apakah akad yang diaplikasikan antara PruBSN ejen takaful? Adakah penglibatan ejen takaful dalam operasi takaful keluarga bertepatan dengan *maslahah*?

Sehubungan itu, berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dinyatakan di atas kajian ini akan menjelaskan tentang akad yang diaplikasikan dalam produk takaful keluarga serta mengenalpasti elemen-elemen *maslahah* menerusi manfaat dalam produk-produk takaful yang ditawarkan. Di samping itu kajian ini juga akan menganalisis sejauhmanakah produk takaful keluarga terutamanya yang melibatkan isu berkaitan dengan perkongsian lebihan dana *tabarru'* dan isu ejen takaful bertepatan dalam meraikan *maslahah* setiap pihak yang terlibat agar ianya tidak diabaikan.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah akad yang diaplikasikan dalam produk takaful keluarga?
2. Apakah elemen-elemen *maṣlaḥah* yang diterima pakai dalam produk takaful keluarga?
3. Adakah produk takaful keluarga yang ditawarkan PruBSN Takaful bertepatan dengan *maṣlaḥah*?

1.4 Objektif Kajian

1. Menjelaskan akad yang diaplikasikan dalam produk takaful keluarga.
2. Mengenal pasti elemen-elemen *maṣlaḥah* yang diterima pakai dalam produk takaful keluarga PruBSN.
3. Menilai sejauhmanakah produk takaful keluarga PruBSN bertepatan dengan *maṣlaḥah*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai pemakaian *maṣlaḥah* dalam produk takaful keluarga di Prudential BSN Takaful ini penting untuk dikaji supaya sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada semua pihak yang terlibat seperti pihak industri, orang awam dan peserta takaful. Melalui kajian ini diharapkan akan dapat menyumbang kepada industri takaful di Malaysia dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik di samping dapat mengukuhkan pertumbuhan ekonomi umat Islam. Ini kerana kajian ini dapat meyakinkan orang awam dalam memilih produk-produk takaful keluarga yang dapat mendatangkan *maṣlaḥah* seiring dengan matlamat sebenar takaful keluarga diwujudkan. Di samping itu juga kajian ini diharapkan dapat menukar persepsi orang awam terhadap produk takaful yang patuh Syariah berbanding memilih produk insurans konvesional.

Selain itu kajian ini dapat memberi input baru kepada peserta berkaitan dengan kriteria-kriteria yang menjadikan produk takaful itu patuh syariah seperti konsep *tabarru' wa ta'āwun* dan *wakālah* sebagaimana menurut perspektif syariah, dan seterusnya dapat menjawab persoalan semasa yang berkaitan dengan pertuduhan dan dakwaan yang mengatakan produk-produk Islam lebih mahal dan bersifat mengaut keuntungan.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini adalah berkisarkan tentang pemakaian *maṣlahah* produk-produk takaful keluarga yang menumpukan kepada beberapa produk takaful asas dan takaful tambahan yang ditawarkan oleh syarikat Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Kajian berkaitan dengan takaful keluarga dipilih kerana takaful ini merupakan pelan perlindungan diri individu, manakala takaful am pula merupakan pelan perlindungan bagi kerugian berkaitan dengan harta benda seperti bangunan dan kenderaan. Selain itu, PruBSN juga hanya menawarkan produk berkaitan dengan takaful keluarga. Terdapat empat jenis pelan takaful yang dinamakan sebagai Pelan Simpanan, Perlindungan, Pelan Pendidikan, Pelan Korporat serta satu pelan tambahan yang dinamakan sebagai Pelan Rider ditawarkan di PruBSN.

Perbincangan dalam kajian ini juga melihat dari aspek pengaplikasian akad dan pengenalpastian elemen-elemen *maṣlahah* serta pemakaianya dalam produk takaful keluarga. Namun begitu disebabkan kekangan masa kajian yang agak terbatas, kajian ini tidak memilih semua pelan takaful yang ditawarkan. Kajian ini hanya akan menfokuskan kepada produk takaful di bawah Pelan Perlindungan dan Pelan Pendidikan sahaja, iaitu yang terdiri daripada pelan asas dan beberapa pelan tambahan atau pelan *rider*.

Selain itu, kajian ini menumpukan kepada akad-akad yang diaplikasikan dalam produk takaful keluarga. Di samping itu, kajian ini juga turut membincangkan berkaitan dengan *maṣlaḥah* ejen takaful dan *maṣlaḥah* perkongsian pengagihan lebihan dana *tabarru*. Tujuan PruBSN dipilih sebagai sampel kajian adalah kerana syarikat takaful ini pernah menerima anugerah pengendali takaful terbaik Asia di International Takaful Awards 2018 serta penerima empat belas anugerah, termasuk salah satu pengendali terbaik untuk agensi bagi perniagaan takaful keluarga²⁵. Di samping itu, ketersediaan maklumat yang telah dimiliki oleh pengkaji memandangkan pengkaji dan beberapa orang kenalan merupakan salah seorang peserta takaful di syarikat ini. Justeru itu sebahagian daripada maklumat yang diperlukan seperti dokumen-dokumen penerangan produk, sijil takaful, borang penyertaan dan sebagainya telah pengkaji peroleh. Selain itu, kemudahan kepada pengkaji untuk berhubung dengan wakil pihak syarikat untuk ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan juga turut menjadi antara faktor pemilihan syarikat takaful ini dipilih.

1.7 Sorotan Literatur

Insurans Islam merupakan salah satu cabang daripada sistem kewangan Islam. Terdapat empat komponen utama dalam sistem kewangan Islam iaitu pasaran modal Islam, pasaran wang Islam, industri perbankan Islam dan industri insurans Islam²⁶. Perkembangan insurans Islam dipercayai telah bermula sejak sebelum zaman nabi Muḥammad SAW lagi. Apabila Islam datang dan tertegaknya kerajaan Islam di Madīnah lanjutan daripada hijrah Rasūlullah S.A.W maka beberapa sistem yang

²⁵ Prudential BSN Takaful Berhad, “Lakaran Sejarah”, laman seswang, dicapai 23 Mei 2019, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-company/our-brand/milestones/>.

²⁶ Tobias Frenz dan Younes Soualhi, *Takaful and Retakaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010), 47.

diamalkan mengikut adat resam masyarakat Arab sebelum ini terus dikekalkan oleh Baginda termasuklah takaful²⁷.

Kajian berkenaan dengan takaful sebagai disiplin ilmu telah dilakukan dengan agak menyeluruh meliputi teori takaful, sejarah perkembangan takaful serta pandangan Islam terhadap takaful. Penulisan berkenaan teori takaful telah dipelopori oleh ‘Abdullāh Nāṣīḥ ‘Ulwan pada tahun 1980 yang bertajuk *Hukm al-Islām fī al-Ta‘mīn al-Sukārah*²⁸ dan *al-Takaful al-Ijtima‘i fī al-Islām* pada tahun 1983²⁹, seterusnya diikuti oleh Muṣṭafa Aḥmad Zarqā³⁰, Rabi‘ Maḥmūd al-Rūbī³¹, Sulaymān bin Ibrāhīm³², Husayn Shihātah³³, dan ramai lagi. Kebanyakan daripada fuqaha tersebut berpandangan bahawa insurans adalah harus selagimana tidak terdapat sebarang unsur-unsur yang dilarang oleh hukum syarak seperti *gharār*, *ribā* dan *maysir*. Dalam erti kata lain, *al-ta‘min al-tijāri* (insurans konvensional) yang berasaskan keuntungan dan mengandungi unsur-unsur *gharār*, *ribā* dan judi hukumnya adalah haram, manakala *al-ta‘min al-ta‘awuni* (insurans yang berasaskan kerjasama) yang berkONSEPkan *tabarru’* pula hukumnya adalah harus kerana bebas daripada unsur-unsur yang dilarang oleh syarak³⁴. Penulisan-penulisan tersebut membantu pengkaji memahami perbezaan antara insurans yang diharamkan oleh Islam dan insurans yang diharuskan.

Perbincangan dan penulisan khusus mengenai insurans di Malaysia juga telah dilakukan dengan agak banyak merangkumi sejarah, pentadbiran dan pengurusan, kajian tempatan dan sebagainya. Namun begitu penulisan mengenai insurans Islam atau

²⁷ Fadzli, *Takaful Sistem Insurans*, 9.

²⁸ ‘Abd Allah Nāṣīḥ ‘Ulwan, *Hukm al-Islām fī al-Ta‘mīn (al-Sukārah)* (Beirut: Dar al-Salam, 1980).

²⁹ Nāṣīḥ ‘Ulwan, *al-Takaful al-Ijtima‘i fī al-Islām* (Qahirah: Dar al-Salam, 1983).

³⁰ Mustafa Ahmad al-Zarqā, *Nizām al-Ta‘mīn: Haqīqatuh wa al-Ra‘y al-Shari‘i Fih* (cet. Ke- 4, Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, 1984).

³¹ Rabi‘ Maḥmūd al-Rūbī, *al-Takaful al-Ijtima‘i fī al-Qur‘ān al-Karīm: Tahlil Iqtisādi wa Fiqhi* (Qahirah: Jami‘at al-Azhar, Markaz Salih ‘Abd Allah Kamil, 1998).

³² Sulayman bin Ibrahim, ‘*al-Ta‘mīn wa Aḥkāmu*h (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2003).

³³ Husayn Shihātah, *Nizām al-Ta‘mīn al-Mu‘āṣirah fī Mizan al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Miṣr: Dar al-Nashr li al-Jami‘at, 2005).

³⁴ Arif Fathillah Mohd Safar “Analisis Terhadap Elemen Maqāṣid Al-Shari‘ah dalam Produk Takaful Ikhlas di Malaysia” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2011), 9.

takaful dalam bentuk buku yang membicarakan secara khusus mengenainya boleh dikatakan masih berada di tahap yang sederhana. Memandangkan penggunaan istilah takaful itu sendiri lebih sinonim dengan insurans secara Islam di Malaysia, maka kebanyakan buku yang dihasilkan dilihat lebih menjurus kepada memperkenalkan konsep takaful itu sendiri, sejarah perkembangannya di Malaysia, prinsip-prinsip yang digunakan, model pengendalian operasi, kelebihan takaful serta perbezaan antara takaful dengan insurans konvensional.

Antara penulisan buku yang terawal yang memperkenalkan takaful di Malaysia telah dihasilkan oleh Mohd Fadzli Yusof yang bertajuk *Takaful: Sistem Insurans Islam* pada tahun 1996 dan *Mengenali Takaful* pada tahun 2006. Perbincangan mengenai sistem insurans dalam Islam ditulis dan disusun mengikut susunan topik mengenai insurans Islam. Walau bagaimanapun, perbincangan bagi setiap sub topik dalam buku tersebut masih bersifat ringkas dan kurang mendalam. Namun penulisan beliau telah memberikan sumbangan yang besar kerana telah memulakan langkah untuk perbincangan lanjut tentang insurans Islam di Malaysia. Literatur seumpamanya kemudian telah dihasilkan oleh Mohd. Ma'sum Billah melalui buku beliau yang bertajuk *Islamic Insurance (Takaful)* pada tahun 2003³⁵. Buku ini membincangkan tentang perbezaan antara insurans konvensional dengan insurans Islam dan menyentuh pandangan ulama berkenaan dengan insurans. Perbincangan dilanjutkan dengan menyentuh sedikit berkenaan dengan urustadbir insurans am dan insurans hayat mengikut kerangka syariah Islam yang berkonsepkan saling bantu-membantu³⁶. Terdapat juga sub-topik yang menyentuh tentang konsep takaful dan amalannya di Malaysia dalam buku *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* oleh Ab. Mumin dan Fadillah Mansor. Selain itu, perbincangan serta kupasan mengenai takaful dalam konteks yang lebih luas termasuk isu-isu semasa yang berkaitan dengannya boleh dilihat

³⁵ Mohd. Ma'sum Billah, *Islamic Insurance (Takaful)* (Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn Bhd, 2003).

³⁶ *Ibid.*, 3-43.

menerusi buku yang bertajuk *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-isu Kontemporari* oleh Asmak Abd. Rahman *et. al*³⁷ dan juga buku bertajuk *Takaful Islamic Insurance Concept and Regulatory Issues* hasil karya Simon Archer *et al*³⁸. Perbincangan serta kupasan mengenai takaful dan takaful semula (*retakaful*) dari sudut prinsip dan praktikal pula boleh dilihat melalui penulisan buku yang dikeluarkan oleh Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM) bertajuk *Takaful and Retakaful Advance Principles & Practices* oleh Tobias Frenz dan Younes Soulihi³⁹.

Kajian mengenai pelaksanaan prinsip-prinsip syariah di dalam operasi takaful pula dapat dilihat menerusi disertasi sarjana yang telah dihasilkan oleh Hairul Azlan Annuar yang bertajuk “*Al-Wakālah: Impact on the Performance of Takaful Operators.*” Kajian tersebut dilakukan bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan konsep *al-wakālah* dalam operasi takaful terhadap prestasi syarikat, dengan membuat perbandingan antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa Takaful Nasional Sdn. Bhd. yang mengaplikasikan konsep *al-wakālah* dalam operasi syarikatnya telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang tidak mengaplikasikan konsep tersebut dalam operasi syarikatnya⁴⁰.

Seterusnya disertasi sarjana oleh Syukriyah Zakaria telah mengkaji tentang kefahaman masyarakat terhadap skim takaful di Bagan Serai Perak. Tanpa memilih mana-mana pelan takaful sama ada takaful am atau takaful keluarga kajian ini telah menyimpulkan bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful adalah di tahap sederhana. Selain itu pengkaji tersebut juga mendapati bahawa latar belakang, jantina, pekerjaan, dan pendapatan bukanlah faktor yang mempengaruhi tahap

³⁷ Asmak Ab Rahman et al. ‘*Sistem Takaful di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*’ (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).

³⁸ Simon Archer *et al.* ‘*Takaful Islamic Insurance - Concept and Regulatory Issues*’ (Singapore: JohnWiley & Sons (Asia) Pte. Ltd, 2009).

³⁹ Tobias Frenz dan Younes Soulihi, *Takaful and Retakaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010).

⁴⁰ Hairul Azlan Annuar “*Al-Wakālah: Impact on the Performance of Takaful Operators*” (disertasi sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2001).

kefahaman masyarakat terhadap skim takaful. Walau bagaimanapun faktor kefahaman sedikit sebanyak mempengaruhi penyertaan masyarakat ke dalam skim takaful di samping kewibawaan wakil takaful, pendapatan yang mencukupi serta kadar caruman yang rendah⁴¹.

Kajian Mohd Sariff Mat Yasim yang bertajuk “*Al-Wakālah Dan Al-Mudārabah: Perbandingan Pelan Takaful Keluarga Di Antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad Dan Syarikat Prudential BSN Takaful Berhad*” telah mengkaji perbandingan penggunaan prinsip *al-wakālah* dan *al-mudārabah* dalam skim pelan takaful keluarga di syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad. Kajian ini juga meneliti prospek pemasaran di kedua-dua buah syarikat pengendali takaful tersebut⁴².

Walaupun akad takaful dan kontrak insurans berfungsi membantu mereka yang di dalam kesusahan, tetapi kedua-duanya sebenarnya berasaskan dua mekanisme operasi yang berbeza. Perbezaan dari segi mekanisme operasi inilah yang membuatkan ulama Islam memutuskan bahawa kontrak insurans tidak menepati prinsip syariah sebaliknya berbeza dengan kontrak takaful⁴³. Kajian yang menganalisis konsep dan akad takaful telah diperincikan oleh Azman Mohd Noor dan Mohd Sabri Zakaria⁴⁴. Kajian mereka telah menganalisis konsep akad yang digunakan dalam takaful dan kesan-kesannya menurut perspektif fiqh. Kajian ini telah menggariskan perbezaan akad *tabarru'* dan akad *mu'āwadah*. Akad *tabarru'* ialah akad yang melibatkan pemindahan hak milik kepada pemilik baru tanpa sebarang bayaran atau pampasan seperti hibah, sedekah, sumbangan kebajikan, wasiat dan wakaf. Manakala akad *mu'āwadah* pula merujuk kepada akad yang melibatkan pertukaran dua nilai atau pampasan. Setelah membuat

⁴¹ Syukriyah Zakaria, “Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful: Kajian di Bagan Serai Perak,” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2004).

⁴² Mohd Sariff Mat Yasim, “*Al-Wakālah Dan Al-Mudārabah: Perbandingan Pelan Takaful Keluarga Di Antara Syarikat Takaful Malaysia Berhad Dan Syarikat Prudential BSN Takaful Berhad*” (kajian ilmiah, Universiti Malaya, 2008).

⁴³ Hisyam, “Perbandingan Kontrak”, 28.

⁴⁴ Azman Mohd Noor dan Mohamad Sabri Zakaria, “Takaful: Terhadap Analisis Konsep dan Aqad”, *Jurnal Mumalat* no. 3 (2010), 3-5.

penilaian dan perbandingan ke atas kedua-dua konsep akad tersebut, kajian tersebut menyimpulkan bahawa akad *tabarru'* lebih menepati konsep takaful berbanding akad *mu'āwaqah*. Pendapat ini disokong oleh fakta bahawa syarikat takaful tidak memiliki secara mutlak bayaran ansuran yang disumbangkan oleh peserta⁴⁵.

Walaupun prinsip *tabarru'* telah diaplikasikan dalam takaful, namun takaful masih tidak terlepas daripada kritikan terutamanya berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan pematuhan syariah. Sebagai contoh, Shamsiah Mohamad, Asmak Ab Rahman dan Wan Marhaini Wan Ahmad dalam artikel yang bertajuk *The Concept of Tabarru' in Takaful: A Proposition*" telah mengkaji tentang isu-isu syariah dalam takaful yang berkaitan *tabarru'*, iaitu satu konsep yang membolehkan takaful menjadi sebahagian daripada prinsip insurans dan pada masa yang sama dapat menghindari daripada elemen yang diharamkan oleh Islam. Kajian ini mengetengahkan isu yang memerlukan kajian semula konsep *tabarru'* yang diaplikasikan dalam takaful. Antara isu-isu yang diketengahkan adalah isu sedekah sebagai kontrak *tabarru'* dalam takaful, pampasan kepada yang menyumbang dalam takaful dan isu perkongsian lebihan kepada para peserta. Kajian ini menyimpulkan bahawa menjadi tanggungjawab pengendali takaful untuk menyediakan satu terma dan syarat yang lebih jelas berkaitan dengan kontrak sebenar yang mendasari sumbangan dalam akaun *tabarru'*. Ini bagi memastikan operasi yang melibatkan akaun ini lebih telus dan mudah difahami oleh peserta. Kajian ini juga mencadangkan agar sedekah dijadikan sebagai akad yang sesuai untuk diaplikasikan sebagai konsep utama dalam kontrak *tabarru'* memandangkan ianya dilihat lebih telus untuk diuruskan oleh operator takaful berbanding kontrak hibah⁴⁶. Walau bagaimanapun pengkaji melihat penulisan literatur tersebut tidak mengaitkan *maqāṣid al-shari‘ah* dalam setiap isu yang dibincangkan.

⁴⁵ Azman dan Mohamad Sabri, . “Takaful: Terhadap Analisis Konsep dan Aqad”, 3-5.

⁴⁶ Shamsiah Asmak dan Wan Marhaini, “The Concept of Tabarru’ in Takaful: A Proposition”, 75-90.

Kajian mengenai pengunderaitan dalam takaful telah dilakukan oleh Aisyah Mustafa⁴⁷ menerusi tesis yang bertajuk “Pengunderaitan dalam Produk Takaful Keluarga: Kajian dari Perspektif Ekonomi Islam.” Kajian ini membincangkan tentang proses pengunderaitan yang dilaksanakan dalam industri takaful di Malaysia sama ada ia dibenarkan oleh syariah atau tidak memandangkan kaedah pengunderaitan ini adalah sama sebagaimana yang dilakukan dalam insurans konvensional. Kaedah ini digunakan dalam menentukan kadar sumbangan *tabarru'* yang dikenakan ke atas setiap peserta. Faktor-faktor seperti umur, jantina, latar belakang keluarga, hobi dan sebagainya digunakan dalam menilai risiko pemohon. Kajian ini dianalisis mengikut kaedah fiqh bagi mengetahui sama ada ia bertepatan dengan prinsip syariah atau sebaliknya. Hasil kajian ini mendapati walaupun proses pengunderaitan ini dicedok daripada insurans konvensional namun tiada dalil yang menunjukkan ianya haram dilaksanakan dalam takaful.

Maqāṣid al-shari‘ah (objektif syariah) merupakan kunci utama untuk lebih memahami syariah dalam erti kata yang sebenar. Oleh kerana itu, kajian berkaitan dengan *maqāṣid al-shari‘ah* adalah amat penting dalam undang-undang Islam sebagai tujuan utama manusia untuk mencapai *maṣlahah*⁴⁸. Perbincangan tentang *maqāṣid al-shari‘ah* bukan sahaja telah dibahaskan oleh ulama silam seperti al-Shāṭībī, ‘Izz al-Dīn Ibn ‘Abd al-Salām, al-Ghazzālī⁴⁹ dan ramai lagi, bahkan perbincangannya berterusan sehingga ke hari ini sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan. Ahmad al-Raysūni mengatakan bahawa al-Fiqh dan Uṣūl al-Fiqh merupakan medan asal *maqāṣid al-shari‘ah*⁵⁰.

⁴⁷ Aisyah Mustafa, “Pengunderaitan Dalam *Produk Takaful Keluarga Dari Perspektif Syariah*” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2015).

⁴⁸ Aznan Hassan, *Fundemental of Shariah in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 14.

⁴⁹ Al-Ghazālī, *Al-Mustasfa*, 217.

⁵⁰ Ahmad Al-Raysūni *Naẓariyyat al-Maqāṣid ‘Inda al-Imām al-Shāṭībī* (Maghribi: Dār al- Amān, 1991), 25-55

Pengkaji mendapati beberapa jenis tajuk dan penulisan yang hampir sama boleh dijadikan asas untuk penyelidikan dalam bidang ini. Oleh itu di sinilah ruang untuk kajian seterusnya akan dapat dijalankan. Kajian dan kupasan yang meluas tentang standard pemakaian *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam mencapai *maqāṣid al-shari‘ah* dalam bidang tertentu dalam konteks di Malaysia telah dihasilkan oleh Ridzwan Ahmad melalui tesis kedoktoran beliau yang bertajuk “Standard *Maṣlahah* Dan *Mafsadah* Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa di Malaysia”⁵¹. Walaupun tesis ini tidak menyentuh perbincangan tentang takaful namun tesis ini sangat membantu pengkaji memahami istilah-istilah yang digunakan oleh para ulama *Uṣūl al-Fiqh*, terutamanya yang berkaitan dengan pemakaian *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum di Malaysia memandangkan kajian ini akan menfokuskan kepada pemakaian *maṣlahah* sebagai ukuran utama dalam menilai isu-isu syariah yang timbul berkaitan dengan pengaplikasian akad dan produk-produk takaful yang ditawarkan.

Walaupun terdapat kajian-kajian yang membincangkan berkenaan teori *maqāṣid al-shari‘ah* dalam takaful, namun kajian dan penulisan yang memfokuskan kepada pengaplikasian *maṣlahah* dalam bidang takaful boleh dikatakan masih lagi kurang dihasilkan oleh pengkaji tempatan. Perbincangan menyentuh dua aspek utama yang berkaitan *maqāṣid al-shari‘ah* iaitu pencapaian *maqāṣid al-shari‘ah* melalui pengurusan risiko dan *maqāṣid al-shari‘ah* dalam takaful. Kebanyakan kajian lepas menfokuskan secara berasingan dalam aspek berikut:

1) Pencapaian *Maqāṣid Al-Shari‘ah* melalui Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko sangat dianjurkan dalam Islam kerana seorang Muslim yang beriman dengan qada’ dan qadar perlu berikhtiar dan berusaha untuk mengelak dan menjauhkan diri daripada sebarang kemungkinan berlakunya musibah malapetaka atau bencana yang

⁵¹ Ridzwan Ahmad, “Standard *Maṣlahah* Dan *Mafsadah* Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa di Malaysia.” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

boleh mengancam aqidah, nyawa dan keselamatan harta bendanya. Seterusnya pengurusan risiko secara Islam juga dapat menjaga agama dan iman seseorang muslim. Apabila ditimpa sebarang musibah keimanan dapat dipertahankan kerana keyakinan terhadap Allah SWT yang mengurniakan segala nikmat nyawa, harta dan masa depan. Menjadi hakNya untuk mengambil nikmat tersebut pada bila-bila masa sahaja. Dengan cara itu setiap umat Islam mudah berkongsi setiap rezeki yang dikurniakan oleh Allah dan saling tolong menolong antara satu sama lain sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam atas dasar persaudaraan sesama Islam.

Muhammad Hisyam Mohamad⁵² dalam penulisannya menjelaskan secara amnya amalan pengurusan risiko melalui penggunaan kontrak takaful dan insurans adalah tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Hal ini kerana matlamat untuk mengurangkan kemudaran risiko sejajar dengan konsep tolong-menolong dan bekerjasama yang dianjurkan Islam dan merupakan sebahagian daripada proses ikhtiar yang boleh dilakukan oleh manusia. Akan tetapi dalam Islam, keharusan sesuatu perkara itu tidak terletak pada matlamatnya semata-mata. Sebaliknya perlu dilihat secara keseluruhannya. Justeru dalam hal ini konsep takaful diterima pakai kerana ia adalah berdasarkan prinsip-prinsip kerjasama dan solidariti sebenar yang dibenarkan oleh syarak, manakala kontrak insurans pula haram kerana menyalahi prinsip-prinsip jual beli yang digariskan oleh syariah.

⁵² Hisyam, “Perbandingan Kontrak”, 20.

2) *Maqāṣid Al-Shari‘ah* dalam Takaful

Kajian terhadap produk takaful dari perspektif *maqāṣid al-shari‘ah* telah dihasilkan oleh Che Ismail Che Othaman⁵³. Dengan mengetengahkan isu berkaitan operasi takaful keluarga sama ada menepati *maqāṣid al-shari‘ah* sebagaimana yang dibenarkan syarak kajian ini telah menyentuh tentang konsep dan falsafah dari sudut *maqāṣid al-shari‘ah*. Kajian tersebut telah mengkaji elemen pemakaian *maqāṣid al-shari‘ah* dalam setiap produk takaful keluarga di Etiqa Takaful Berhad berdasarkan *daruriyyāt al-khams* mengikut kesesuaian manfaat simpanan yang ditawarkan di syarikat tersebut.

Kajian yang menganalisis elemen *maqāṣid al-shari‘ah* dalam produk-produk takaful bagi membezakannya dengan produk-produk insurans konvensional telah dihasilkan oleh Arif Fathillah Mohd Safar⁵⁴ dengan memilih pelan takaful keluarga (individu) Takaful Ikhlas. Dengan menyentuh tentang isu kesedaran orang ramai tentang kepentingan perlindungan takaful dan kecenderungan mereka memilih insurans konvensional kerana menganggap ianya lebih memenuhi keperluan mereka, kajian ini telah menganalisis kewujudan elemen-elemen *maqāṣid al-shari‘ah* berdasarkan manfaat produk yang ditawarkan serta terma dan syarat bagi setiap produk dan melihat sejauhmanakah produk tersebut bertepatan dengan *maqāṣid al-shari‘ah* menurut piawaian yang sebenar. Walaupun kajian ini menyentuh berkenaan dengan *maṣlahah* namun kajian hanya menjelaskan definisi dan menyenaraikan pembahagian *maṣlahah* tanpa menghuraikannya lebih terperinci dan mendalam pemakaian *maṣlahah* yang menjadi asas kepada pencapaian *maqāṣid al-shari‘ah*.

⁵³ Che Ismail Che Othaman, “Pemakaian Maqāṣid Al-Shari‘ah dalam Produk Takaful Keluarga Di Etiqa Takaful Berhad” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2010).

⁵⁴ Arif Fathillah Mohd Safar “Analisis Terhadap Elemen Maqāṣid Al-Shari‘ah dalam Produk Takaful Ikhlas di Malaysia” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2011).

Kajian yang menganalisis elemen *maqāṣid al-shari‘ah* dalam produk-produk takaful wanita pula telah dihasilkan oleh Nurshiraathal Firdaws Abd Rani⁵⁵. Dengan menyentuh tentang isu risiko-risiko yang sering dihadapi oleh golongan wanita, kajian ini telah menganalisis kewujudan elemen-elemen *maqāṣid al-shari‘ah* berdasarkan kepada manfaat perlindungan takaful yang ditawarkan khusus kepada golongan wanita. Kajian ini telah memilih produk-produk takaful wanita yang ditawarkan di empat buah syarikat takaful iaitu Prudential BSN Takaful Berhad, Etiqa Takaful Berhad, Takaful Ikhlas Berhad dan MAA Takaful Berhad. Berdasarkan kepada empat jenis produk takaful wanita yang ditawarkan oleh syarikat takaful berkenaan, kajian ini mengkaji sama ada perlaksanaan takaful ini adalah berdasarkan kepada keuntungan semata atau mempunyai kemaslahatan dari sudut *maqāṣid al-shari‘ah*. Hasil kajian ini mendapati bahawa elemen *maqāṣid al-shari‘ah* sememangnya diterapkan dalam setiap produk takaful wanita iaitu dari aspek penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, di samping elemen keuntungan. Justeru itu, elemen *maqāṣid al-shari‘ah* penting untuk diterapkan dalam setiap produk takaful wanita bagi memelihara kemaslahatan para wanita sekaligus menjauhkan mereka daripada sebarang risiko yang boleh mendarangkan *mafsadah* kepada mereka.

Di samping itu, penulisan kertas kerja Syed Salman⁵⁶ dan artikel Roslinah Daud⁵⁷ pula telah menyentuh tentang kaitan *maqāṣid al-shari‘ah* dalam mengurus tadbir urusan korporat, etika korporat dan tanggungjawab serta menunjukkan bagaimanakah keberkesanan *maqāṣid al-shari‘ah* dapat diukur dalam menilai sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengurusan syarikat yang menjalankan perniagaan takaful. Tanpa menumpukan kepada mana-mana syarikat pengendali takaful, penulisan tersebut telah

⁵⁵ Nurshiraathal Firdaws Abd Rani, “Produk-Produk Takaful Wanita Di Syarikat Takaful Terpilih: Analisis Dari Perspektif Maqasid Syariah” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2016).

⁵⁶ Syed Salman, “The Relevance of Maqasid al-Shariah to Corporate Governance, Corporate Ethics and Responsibility, Module IE-2002 of part II of Chartered Islamic Finance Professional (CIFP) INCEIF-The Global University of Islamic Finance-January 2014.

⁵⁷ Roslinah Daud, “Maqasid al-Shariah and Takaful Practices,” ICMF Takaful Articles, no. 25 (November 2012).

menekankan kepentingan mengurustadbir takaful mengikut acuan yang ditentukan oleh syariah. Dengan memahami *maqāṣid al-shari‘ah* pihak pengendali takaful disarankan supaya menilai semula visi, misi dan nilai-nilai teras yang dipromosikan terutamanya cara memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Akhir sekali empat perkara utama telah disimpulkan dalam perlindungan dan pemeliharaan agama yang boleh dipraktiskan oleh pengendali takaful menerusi pencapaian *maqāṣid al-shari‘ah* iaitu; pertama memastikan misi dan visi hendaklah seiring dengan visi dan misi agama, kedua memastikan nilai-nilai teras dan budaya korporat adalah mencerminkan nilai ibadah; ketiga memastikan sumber manusia yang terlatih bukan sahaja sebagai kakitangan bahkan sebagai pendakwah dalam menyampaikan maklumat mengenai agama; keempat memastikan nama baik agama ditegakkan setiap masa melalui kecemerlangan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Sementara itu, Syahida Abdullah⁵⁸ telah menyatakan tentang hala tuju dan perkembangan takaful adalah bergantung kepada cara merealisasikan *maqāṣid* dalam pembangunan industri takaful itu sendiri. Beliau turut menghuraikan konsep *maqāṣid al-syari‘ah* dalam industri takaful dengan mengetengahkan amalan yang mulia ini melalui skim perlindungan dan perlindungan kekayaan dengan objektif untuk mengukuhkan lagi tanggungjawab sosial, bantu-membantu atau kerjasama, dan tingkah laku etika dalam masyarakat. Konsep dan objektif yang ditetapkan dalam takaful dibentuk oleh objektif undang-undang Islam yang melibatkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan negara. Beliau turut mencadangkan industri takaful perlu berusaha untuk memastikan bahawa elemen *maqāṣid* adalah sangat diambil kira dalam menetapkan objektif korporat. Selain itu, beliau juga telah menyatakan kemajuan industri takaful bergantung kepada sejauh mana penggunaan *maqāṣid* dalam menghasilkan masyarakat

⁵⁸ Syahida Abdullah “The Objectives of Shariah (Maqasid Syariah) in Takaful Highlighting The Noble Practice Takaful”, (makalah, International Conference on Management, Economics and Finance, Hilton Hotel, Kuching, Sarawak, 15-16 Oktober 2012).

yang dilindungi dan selamat dari segi kesihatan, perniagaan dan kekayaan yang disokong oleh semangat kerjasama atau *ta'āwun*. Dalam penulisan yang lain⁵⁹ beliau turut menyatakan cadangan apa-apa kejadian buruk yang berlaku terhadap manusia perlu dilindungi oleh takaful termasuklah kejadian sumbang mahram, penderaan kanak-kanak, pencabulan, rogol dan sebagainya bagi memenuhi konsep *maqāṣid syari'i'ah* dalam perlindungan maruah atau keturunan.

Terdapat juga kajian yang dijalankan di luar Malaysia berkenaan takaful seperti disertasi Rif'atul Muna⁶⁰. Beliau telah mengkaji tentang fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) yang dilihat dari konsep *maṣlahah* dalam fatwa No. 21/DSN-MUI/X/2001 tentang insurans *shariah* dan relevan *maṣlahah* dengan fatwa tersebut. Kajian keperpustakaan ini menelusuri buku-buku dan dokumen yang berkaitan dengan fatwa insurans. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dan kajian teks iaitu penelitian terhadap fatwa DSN-MUI No. 21/DSN-MUI/X/2001 berkenaan insurans syariah dan kaitannya dengan *maṣlahah*⁶¹. Hasil kajian ini mendapati bahawa secara umumnya fatwa DSN-MUI yang menjawab persoalan berhubung insurans syariah mempunyai kaitan dari sudut konsep *maṣlahah mursalah*, iaitu insurans adalah dibenarkan kerana ia dapat merealisasikan kemaslahatan kepada setiap manusia yang menjadi tujuan asas sebenar pensyariatan takaful⁶².

Kesimpulannya, kajian dan penulisan mengenai takaful dan pengaplikasiannya menurut *maqāṣid al-shari'i'ah* telah dilakukan dalam pelbagai bidang disiplin ilmu. Walaupun demikian kesemua kajian dan penulisan tersebut tidak menfokuskan kepada pemakaian elemen-elemen *maṣlahah* sebagai ukuran utama dalam menilai isu-isu syariah yang timbul. Berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan walaupun terdapat

⁵⁹ Syahida Abdullah, "Risk Management via Takaful from a Perspective of Maqasid of Shariah," *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 535-541.

⁶⁰ Rif'atul Muna, "Relevansi *Mashlahah* dengan Fatwa Dsn-Mui No. 21/Dsn-Mui/X/2001 Tentang Pedoman Umum Asuransi Syariah" (disertasi sarjana: Institut Agama Islam Negeri Walisongo Semarang, 2013).

⁶¹ *Maṣlahah* yang dimaksudkan di sini ialah *maṣlahah mursalah*. *Ibid.*, 51.

⁶² *Ibid.*, 72.

beberapa kajian yang melibatkan *maqāṣid al-shari‘ah* dalam takaful namun kajian tersebut masih tidak membahaskan pemakaian *maṣlahah* secara mendalam yang melibatkan kriteria *maṣlahah* tertentu. Justeru pengkaji merasakan kajian lanjut perlu dibuat untuk mengkaji pemakaian elemen-elemen *maṣlahah* yang menfokuskan kepada pengaplikasian akad dalam takaful dan pelan pelaburan yang ditawarkan dalam produk takaful keluarga menurut *maṣlahah* yang sebenar.


1.8 Metodologi Kajian

Metodologi ialah suatu set kaedah yang digunakan dalam bidang tertentu⁶³. Kajian pula bermaksud menyelidik atau menyiasat dengan teliti dan mendalam terutamanya untuk mengumpul dan menerokai fakta atau informasi baharu tentang subjek tertentu⁶⁴. Oleh itu metodologi kajian dapat difahami sebagai satu proses berkaitan dengan kaedah mengumpul data dan kaedah menganalisis data yang bersesuaian dengan objektif kajian supaya dapat membuat perencanaan awal dan prosedur perlaksanaan yang baik bagi sesebuah kajian. Metodologi kajian yang baik akan mengakhiri hasil kajian yang berkualiti dan boleh dipercayai. Kajian ini mengaplikasikan metodologi kualitatif. Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauhmanakah produk takaful keluarga PruBSN Takaful bertepatan dengan *maslahah*. Sehubungan dengan itu pengkaji akan memfokuskan kepada tiga produk asas takaful keluarga iaitu *FirstLink*, *TakafulLink* dan *SmartLink*.

⁶³ Kamus Oxford Advanced Learner’s, ed. ke-5 (New York: Oxford University Press, 1998), 734, entri ‘methodology’

⁶⁴ Ibid., 996, entri ‘research’.

Rajah 1.1: Metodologi Kajian



Sumber: Diubahsuai daripada Sabitha Marican⁶⁵

1.8.1 Metode pengumpulan data

Metod pengumpulan data adalah proses yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan dalam mengutip data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji⁶⁶. Pengumpulan data merupakan proses berkaitan dengan perancangan dan perlaksanaan dalam mengutip data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Kebiasaannya, data-data tersebut mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan, fakta, persepsi dan sebagainya⁶⁷. Melalui metod ini, dua kaedah utama iaitu data primer (kajian lapangan) dan data sekunder (kajian perpustkaan) digunakan. Dalam kajian ini data primer diperolehi daripada metode temu bual, dan data sekunder daripada metode perpustakaan.

⁶⁵ Sabitha Merican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Sdn Bhd, 2005), 23.

⁶⁶ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 75.

⁶⁷ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan*, 75-76.

a) Metode kajian perpustakaan

Metode ini adalah satu proses pengumpulan maklumat dan fakta yang berasaskan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis yang mempunyai kaitan dengan masalah kajian. Ia juga digunakan bagi mengumpul maklumat kajian sedia ada yang pernah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu dalam pelbagai bentuk sumber rujukan. Pengkaji telah membaca, meneliti serta memahami isi kandungan semua bahan yang bertulis yang berkaitan dengan skop kajian terdiri daripada bahan yang diterbitkan seperti buku, bab dalam buku, jurnal, artikel dalam jurnal, serta termasuklah bahan yang tidak diterbitkan seperti tesis, disertasi, kertas kerja seminar, akhbar, majalah, risalah, internet dan sebagainya. Kajian ini memberi fokus kepada konsep, ciri-ciri serta terma-terma bagi memudahkan pengelasan tema. Kaedah ini menjadi panduan pengkaji dalam mendapatkan landasan teori yang berkaitan dengan kajian. Kemudian pengkaji membuat tafsiran melalui pemahaman teks bagi membina kesimpulan serta pandangan.

Di samping itu pengkaji juga membuat penelitian dan penganalisisan kandungan berkaitan dengan manfaat-manfaat serta terma-terma produk takaful keluarga berkaitan pelaburan yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful, risalah dan brosur takaful keluarga serta laman sesawang rasmi syarikat PruBSN bagi menyokong data temu bual. Metode ini telah digunakan dalam kesemua bab bagi mendapatkan data berkaitan dengan konsep perlindungan risiko, konsep takaful, konsep *maṣlahah* dan *maqāṣid al-shari‘ah*, simpanan dan pelaburan dan lain-lain.

b) Metode temu bual

Temu bual merupakan kaedah di mana subjek dan pengkaji hadir di dalam proses memperolehi maklumat. Maklumat-maklumat pengkajian diperolehi secara langsung oleh penulis daripada subjek⁶⁸. Menerusi kaedah ini, setiap maklumat berkaitan yang diperlukan dapat diperolehi daripada pihak yang berautoriti. Dalam kajian ini pengkaji telah menemu bual dua pihak di bahagian penasihat Shariah PruBSN iaitu Dr Mohd Fuad Md Sawari⁶⁹ dan Encik Abdul Hakim Johari⁷⁰. Perjumpaan dengan pihak bahagian penasihat Syariah adalah bagi mendapatkan gambaran dan pandangan berkaitan dengan akad-akad dalam operasi takaful yang diaplikasikan, serta ganjaran kepada ejen takaful menurut pandangan Syariah. Di bahagian produk dan pemasaran pengkaji menemu bual Encik Faiz Hafizi Manap⁷¹ bagi mendapatkan maklumat mengenai pelan-pelan produk takaful keluarga yang dihasilkan. Pengkaji juga menemu bual agen PruBSN iaitu Encik Mohd Nazri Othman⁷² bagi mendapatkan gambaran tentang tugas ejen yang turun padang bertemu orang awam bagi memasarkan produk-produk takaful serta memberikan perkhidmatan kepada peserta bagi mewakili pihak PruBSN.

⁶⁸ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 237.

⁶⁹ Pengurus Jawatankuasa Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad, yang juga merupakan pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Warisan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

⁷⁰ Penolong Pengurus Kajian Syariah dan Penyelidikan Prudential BSN Takaful Berhad.

⁷¹ Senior Manager Bahagian Produk dan Pemasaran Prudential BSN Takaful Berhad

⁷² Ejen, Prudential BSN Takaful Berhad.

1.8.2 Metode analisis data

Kaedah menganalisis data adalah bergantung kepada dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Setelah maklumat dan data-data diperoleh dan dikumpul daripada metode yang dinyatakan sebagaimana di atas, pengkaji telah melakukan proses pengolahan dan penganalisisan bagi data-data yang diperoleh. Data yang telah dikumpul dan diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji⁷³. Bagi data temu bual, ia diproses dengan membuat transkripsi yang mana pengkaji mendengar semula temu bual tersebut dan menulisnya berdasarkan kepada kefahaman pengkaji. Oleh itu, kaedah analisis yang digunakan bagi menganalisis setiap data yang diperoleh ialah:

a) Metode induktif

Metode ini ialah proses menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah berfikir dan mencari bukti untuk memberikan suatu rumusan atau kesimpulan yang mempunyai sifat umum hasil daripada hal-hal yang bersifat khusus.⁷⁴ Pengkaji menggunakan metode ini dalam kebanyakan penulisan terutama apabila terdapat pelbagai pandangan yang memerlukan satu kesimpulan yang jitu. Ia digunakan untuk menganalisis data-data seterusnya membuat kesimpulan daripada fakta-fakta lain yang diberikan secara umum.

b) Metode deduktif

Metode ini merupakan kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan pola berfikir untuk mencari pembuktian berdasarkan bukti-bukti umum kepada yang khusus⁷⁵. Metode ini merupakan kaedah menganalisis cara menjelaskan sesuatu

⁷³ Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 66.

⁷⁴ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan*, 18.

⁷⁵ Mohd Azhar Abdul Hamid et al., *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 194.

persoalan yang timbul dengan lebih terperinci. Pengkaji menggunakan metode ini di dalam bab tiga dan empat. Pengenalpastian elemen-elemen *maslahah* dilihat dalam pelan-pelan produk takaful keluarga di PruBSN takaful. Pengkaji menganalisis akad takaful yang diaplikasikan melibatkan pihak peserta, syarikat serta ejen dengan mengaitkannya dengan pemakaian *maslahah* dari aspek ruang lingkup (umum dan khusus).

c) Metode analisis kandungan

Metode analisis kandungan merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk membuat kesimpulan yang boleh disalin dan disahkan daripada teks (atau perkara yang bermakna) kepada konteks penggunaannya⁷⁶. Selain itu analisis kandungan juga dilakukan bagi membuat analisis kandungan secara tringulasi iaitu dengan melihat teks dari pelbagai perspektif dan sudut pandang⁷⁷. Antara contoh teks atau dokumen yang boleh dianalisis menggunakan metode ini ialah buku atau bab buku, majalah, akhbar, ucapan, wawancara, dokumen sejarah, artikel⁷⁸ dan lain-lain. Metode ini telah digunakan dalam bab empat. Dalam kajian ini pengkaji telah menganalisis dokumen sijil takaful berkaitan dengan klausa pengecualian perlindungan bagi kehamilan dan klausa tentang persetujuan perkongsian agihan lebihan dana *tabarru'* antara peserta dengan pihak PruBSN.

⁷⁶ Klause Krippendorf, *Content Analysis An Introduction to Its Methodology* Edisi 1 (London: Sage Publication, 2004), 18.

⁷⁷ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011), 113.

⁷⁸ Klause Krippendorf, *Content Analysis*, 18.

1.9 Kerangka Kajian

Dalam kajian ini pengkaji membahagikan perbincangan kepada lima bab. Ia didahului dengan bahagian pengenalan yang merangkumi penjelasan yang terperinci terhadap perkara utama yang menyentuh aspek-aspek latar belakang dan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan perkara-perkara lain yang melibatkan perjalanan kajian ini. Bab ini penting dalam menjelaskan hala tuju tajuk, permasalahan, objektif serta metodologi yang digunakan agar objektif kajian ini dapat dicapai. Dalam bab seterusnya iaitu bab dua, kajian ini tertumpu kepada gambaran umum tentang takaful menurut perspektif Islam yang meliputi definisi dan konsep asas takaful dalam Islam serta dalil-dalil berkaitan. Di samping itu, bab ini juga menerangkan tentang prinsip-prinsip asas dan pandangan fuqaha mengenai takaful. Selain itu, sejarah dan latar belakang sistem takaful, akad-akad yang diaplikasikan dalam operasi takaful juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Seterusnya, dalam bab tiga pula membincangkan tentang pelan-pelan di bawah takaful keluarga yang ditawarkan di syarikat Prudential BSN Takaful iaitu takaful keluarga individu. Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan pengenalan tentang syarikat PruBSN yang mengandungi sejarah penubuhan, visi dan misi, teras dan lain-lain. Seterusnya, bab ini menjelaskan tentang pelan-pelan di bawah produk takaful keluarga di PruBSN Takaful serta manfaat yang ditawarkan juga diuraikan dalam bab ini. Secara umumnya, perkara-perkara yang berkaitan dengan pelan-pelan takaful keluarga dijelaskan dalam bab ini bagi memberi kefahaman kepentingan takaful dapat diterjemahkan dalam mendatangkan *maṣlahah* kepada masyarakat Muslim amnya dan peserta takaful khasnya.

Dalam Bab empat pula menganalisis elemen-elemen *maṣlahah* dalam akad takaful dan pelan-pelan produk takaful keluarga yang ditawarkan di PruBSN Takaful dari perspektif *maṣlahah*. Analisis ini penting bagi menilai sama ada penawaran manfaat

takaful serta akad-akad yang diaplikasikan di dalamnya mencapai *maṣlahah* yang sebenar atau sebaliknya. Bab ini dimulakan dengan huraian tentang definisi dan konsep *maṣlahah* serta pembahagian-pembahagiannya.

Akhir sekali bab lima iaitu bab penutup akan merumuskan keseluruhan hasil kajian yang diperoleh. Pengkaji akan membuat kesimpulan, dan memberikan beberapa cadangan dan saranan yang membina untuk kesinambungan kajian pada masa yang akan datang.

BAB DUA: KONSEP TAKAFUL DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN AKAD YANG DIAPLIKASIKAN

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, konsep mengenai takaful menurut perspektif Islam akan dibincangkan. Perbahasan melibatkan pengertian takaful dari sudut etimologi dan terminologi. Seterusnya bab ini menjelaskan elemen penting yang terdapat dalam takaful. Oleh yang demikian, bab ini merupakan bab yang menggambarkan tujuan awal kajian dan konsep yang akan menjadi kesinambungan kajian pada bab yang seterusnya. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam bab ini lebih tertumpu kepada takaful keluarga.

Takaful merupakan satu istilah yang sering digunakan bagi maksud insurans yang didasarkan kepada asas-asas dan hukum-hukum agama Islam¹. Konsep ini sering dikaitkan sebagai salah satu instrumen pengurusan kewangan dalam menghadapi risiko musibah yang boleh meninggalkan impak yang tidak baik sama ada kepada diri-sendiri, harta benda atau keluarga. Matlamat takaful dilihat sama dengan matlamat insurans konvensional iaitu untuk melindungi *maṣlaḥah* nyawa dan harta para peserta atau pelanggan. Meskipun begitu, apa yang membezakan keduanya adalah operasi dan akad yang digunakan dalam mencapai matlamat tersebut.

2.2 Definisi dan Dalil Asas Takaful

Berikut diterangkan definisi takaful dari sudut etimologi dan terminologi serta prinsip-prinsip perlaksanaan asas takaful yang berbeza dengan insurans konvensional:

¹ Muhammad Syakir Sula, *Ansuransi Syariah (Life and General) Konsep dan Sistem Operasi* (Jakarta: Gema Insani, 2004), 32.

(a) Dari sudut etimologi

Menurut Ibn Fāris, perkataan takaful dari sudut etimologi berasal daripada kata dasar *kafala* (كفال) yang bermaksud jaminan sesuatu terhadap sesuatu². Kalimah *kafala* apabila ditukarkan kepada kalimah *takāfala* (تكافل) dan takaful (تكافل) membawa maksud saling menjamin (*al-taqdāmun*), saling menjaga dan memelihara di antara satu sama lain³.

Dalam bahasa Arab istilah insurans merujuk kepada *al-ta'mīn*, yang bermaksud sesuatu jaminan kepada kehidupan, jaminan ke atas harta atau jaminan terhadap musibah yang mungkin boleh terjadi⁴. *Al-ta'mīn* mempunyai dua maksud iaitu insurans konvensional dan insurans Islam. Oleh itu, para ilmuan Arab dari timur tengah telah menggunakan pelbagai istilah seperti *al-ta'mīn al-ijsimā'i*, *al-ta'mīn al-ta'awuni*, *al-musā'adat al-ijsimā'iyyāt*⁵ dan *al-takāful al-ijsimā'i* bagi mengkhususkan insurans Islam. Ini dapat dilihat melalui beberapa ayat al-Quran yang berasal daripada kata akar yang sama dengan takaful iaitu perkataan *kafala* dan *yakfūlu* yang membawa maksud menjamin, memelihara dan menjaga⁶.

² Abī al-Hussayn Alḥmad Bin Fāris bin Zakariyyā, *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah* (t.p: Dar al-Fikr, t.t), 5: 187; Nazih Ḥammād, *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-Māliyyah wa al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'* cet. Pertama (Dimashq: Dar al-Qalam, 2008/ 1429H), 148.

³ Rūḥī al-Ba'labakkī, *al-Mawrid: Qamus 'Arabi-Inklizi* (Beirūt: Dār al-Ilm li al-Malāyīn, 1997), 9:897 & 354.

⁴ 'Abd Allah Nāṣīḥ 'Ulwān, *Hukm al-Islām fī al-Ta'mīn* (*al-Sukārah*) (cet. ke-5, Beirut: Dar al-Salam, 1980), 5.

⁵ Mahmud al-Rubi, *Al-takāful al-ijsimā'i fī al-Qur'ān al-Karīm: Tahsil al-Iqtisādī wa al-Fiqh* (Qāhirah: Jāmi'āt al-Azhar, Markaz Salih, 'Abd Allāh Kāmil, 1998), 15.

⁶ Muhammad Syakir, *Ansuransi Syariah*, 32.

Antaranya dalam firman Allah SWT:

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقُبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَلَهَا زَكْرِيَا
Āli ‘Imrān 3: 37

Terjemahan: Maka dia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhan dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkannya untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria.

Di samping itu, penggunaan istilah takaful ini juga telah menjadi perkataan yang biasa digunakan dalam bahasa Melayu yang secara sinonimnya difahami sebagai insurans secara Islam atau insurans yang didasarkan pada asas-asas dan hukum-hukum agama Islam⁷. Sehubungan dengan itu, definisi takaful dari sudut etimologi ini boleh difahami sebagai satu jaminan untuk memelihara, menjaga dan melindungi sama ada diri-sendiri atau orang lain.

(b) Dari sudut terminologi

Pengertian takaful dari sudut istilah dapat disimpulkan melalui pelbagai pendefinisian yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana Islam. Misalnya, Syeikh Abū Zahrah menjelaskan *al-takāful al-ijtimā’ī* adalah apabila setiap individu dalam sesebuah masyarakat berada dalam jaminan (*al-kafālah*) di mana individu yang ada kemampuan menjadi penjamin bagi suatu kebajikan dalam sesebuah masyarakat seiring dengan pemeliharaan kemaslahatan individu⁸. Menurut Dr Nāṣīḥ ‘Ulwān pula takaful ialah perpaduan dalam sesebuah masyarakat dan saling menyokong antara satu sama lain dalam perkara positif seperti penjagaan terhadap anak yatim atau secara negatif seperti larangan monopoli (*ihtikār*). Semua orang bekerjasama dan bersatu padu untuk menjadi masyarakat yang lebih baik dan menolak kemudaratan dalam kalangan ahli-ahlinya⁹. Sekiranya mana-mana ahli kumpulan dilanda musibah, sejumlah wang pampasan akan

⁷ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1574, entri “takaful.”

⁸ Abū Zahrah, Muḥammad, *Al-Takāful al-Ijtimā’ī fī al-Islām* (Qaherah: Dar al-Fikr al-’Arabi, t.t), 5.

⁹ ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Al-Takāful al-Ijtimā’ī fī al-Islām* (Qāherah: Dār al-Salām, 1983), 9.

dibayar kepadanya dengan menggunakan wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta takaful¹⁰.

Definisi takaful menurut Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) pula adalah bersifat khusus yang berdasarkan kepada pengaplikasiannya pada masa kini. Takaful ialah suatu persetujuan di antara individu (peserta) yang terdedah kepada risiko untuk mendapatkan perlindungan (pampasan) disebabkan oleh kemudaratan/risiko tertentu dengan membayar sumbangan berasaskan kepada *iltizām bi al-tabarru'* (komitmen untuk memberi derma). Ia dianggap sebagai satu entiti khas dari segi undang-undang (*shakṣiyah i'tibāriyyah*) dan mempunyai tanggungjawab kewangan sendiri dan bersedia membayar tuntutan pampasan kepada peserta yang mengalami kemudaratan¹¹. Oleh itu setiap peserta yang menyertai pelan takaful yang berasaskan akad *tabarru'*¹² dan *ta 'āwun* kerjasama ini akan memberi sumbangan ke dalam tabung dana khas. Hasil daripada sumbangan tersebut kemudiannya akan digunakan untuk membantu mana-mana peserta takaful yang ditimpa musibah atau menghadapi kesusahan.

Dalam erti kata lain, takaful bolehlah difahami sebagai satu kesepakatan antara individu yang sama-sama terdedah kepada risiko kecelakaan atau kemudaratan tertentu. Para peserta bersetuju untuk saling menghulurkan sumbangan dengan niat saling membantu, saling menjamin dan saling melindungi supaya kesan kemudaratan yang terpaksa ditanggung dapat diminimumkan. Rentetan itu setiap ahli dengan sendirinya terikat untuk membayar jumlah caruman tertentu sebagai bayaran penyertaan di mana ia dibuat berasaskan kepada konsep *iltizām bi al-tabarru'* atau komitmen untuk

¹⁰ 'Abd Sattār Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu'amalat wa al-Asālib al-Maṣrafiyyah al-Islāmiyyah* (Jeddah: Dallah al-Barakah Group, 2008), 9:276.

¹¹ AAOIFI, *Shariah Standard*, Standard no. 26/ 2, 465.

¹² *Tabarru'* bererti memberikan sesuatu secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa pulangan atau balasan. Shihāb al-Dīn Abū 'Amrū, *Al-Qāmūṣ al-Munjid* (Bayrut: Dar al-Fikr, 2003), 254; Nazīḥ Hammād, *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Māliyyah wa al-Iqtisādiyyah fi Lughah al-Fuqha'* (Dimashq: Dar al-Qalam, 2008), 127.

menderma. Daripada jumlah wang bayaran sumbangan tersebut kemudianya dikumpul dan disimpan dalam satu tabung yang dinamakan sebagai Kumpulan Wang Takaful atau Dana Takaful (iaitu sebuah entiti yang diadakan bertujuan untuk mengumpul dan mengurus caruman peserta takaful dan dikendalikan oleh pengendali takaful). Kumpulan Wang Takaful ini akan digunakan membayar pampasan kepada mana-mana peserta disebabkan kemudaratan yang menimpa mereka. Bayaran pampasan tersebut merupakan bayaran ganti rugi disebabkan oleh berlakunya kecelakaan yang dilindungi berdasarkan kepada perjanjian yang telah dimeterai¹³.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada penjelasan di atas dapatlah difahami bahawa takaful adalah merupakan suatu sumbangan yang berasaskan kepada konsep *iltizām bi al-tabarru'*. Peserta takaful akan membayar sejumlah tertentu wang sumbangan (caruman/premium) kepada pengendali takaful secara tetap mengikut tempoh yang dipersetujui bersama sebagai komitmen untuk saling membantu demi kemaslahatan semua ahli kumpulan yang menyertai pakatan. Pihak pengendali takaful pula bertanggungjawab mengikut undang-undang menyediakan perlindungan kewangan ke atas peserta terhadap kerugian yang tidak dijangka mengikut tempoh yang telah dimeterai bagi membolehkan manfaat kewangan diperolehi. Namun, sekiranya tidak berlaku sebarang kes kerugian dalam tempoh yang telah dipersetujui maka peserta akan mendapat semula bahagian keuntungan pelaburan yang terhasil daripada teknik pembiayaan berdasarkan prinsip *al-mudārabah* (perkongsian untung)¹⁴.

¹³ ‘Alī Muḥyi al-Dīn ‘Alī al-Qurrah Daghi, *Al-Ta’mīn al-Islāmī: Dirāsah Fiqhiyyah Ta’siliyyah* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2005/1426H), 203.

¹⁴ Nurshirathal Firdaws Abd Rani, “Produk-produk Takaful Wanita Di Syarikat Takaful Terpilih: Analisis Dari Perspektif Maqasid al-Shari‘ah (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 93.

(c) Dalil Asas Takaful

Takaful adalah berasaskan konsep saling bantu-membantu, memelihara dan saling jamin-menjamin di antara satu sama lain. Natijahnya, setiap peserta akan saling berkongsi risiko di antara satu sama lain dalam sesebuah pakatan disebabkan kehilangan atau kerugian akibat ditimpa apa-apa musibah atau bencana¹⁵. Unsur tolong-menolong ini adalah selari dengan prinsip syariah yang menggalakkan amalan positif saling membantu yang boleh membawa perpaduan sesama insan. Firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ

Al-Māidah 5:2

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tolong-menolong atas perkara kebijakan dan ketakwaan dan janganlah kamu tolong-menolong pada perkara dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha dahsyat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Perkataan *al-birr* dan *al-taqwa* adalah saling berkaitan dan melengkapi dalam urusan kehidupan setiap Muslim. Ia adalah berkaitan dengan keimanan, kerohanian dan pengabdian serta perhubungan dalam kemasyarakatan ke arah kebaikan. Oleh itu, konsep *ta‘awun* yang dianjurkan dalam Islam menerusi surah ini adalah meliputi semua urusan agama dan duniawi¹⁶.

¹⁵ Mohd Fadzli Yusof, *Takaful: Sistem Insurans Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1996), 13.

¹⁶ Al-Rūbi, al-Takāful al-Ijtimā‘i fī al-Qur’ān al-Karīm, 21.

Daripada Abu Hurairah r.a beliau berkata Rasulullah s.a.w bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرِبَ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرِبَةً مِّنْ كَرِبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَرَّ عَلَى
مُعْسِرٍ يَسَرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ

Terjemahan: Barangsiapa meringankan satu kesulitan daripada seorang mukmin daripada kesulitan dunia, maka Allah SWT akan ringankan untuknya satu kesulitan daripada kesulitan-kesulitan Hari Kiamat. Dan barangsiapa mempermudahkan urusan orang yang memerlukan, maka Allah akan meringankan keperluannya di dunia dan akhirat¹⁷.

Takaful merupakan salah satu bentuk instrumen perlindungan risiko moden yang berasaskan kepada konsep patuh syariah yang sudah lama dipraktikkan. Konsep takaful yang merangkumi konsep saling bantu-membantu dan jamin-menjamin ini sebenarnya merupakan satu sistem yang pernah diamalkan oleh masyarakat Arab silam sebelum kedatangan Islam¹⁸. Selepas penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah kerajaan Islam berjaya ditegakkan, terdapat beberapa adat resam masyarakat Arab terdahulu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam masih dikekalkan oleh Baginda, antaranya sistem ‘aqilah iaitu sistem yang berkonseptan kepada tanggungjawab bersama¹⁹. Sistem ini dilaksanakan sekiranya terdapat mana-mana anggota suku kaum dibunuh oleh anggota suku kaum yang lain²⁰. Waris mangsa yang dibunuh diberikan wang pampasan (*diyāt*) oleh saudara terdekat pembunuh²¹. Wang pampasan tersebut dikumpul oleh setiap anggota yang bersetuju mewujudkan suatu tabung atau kumpulan

¹⁷ Abī al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushayri al-Naysābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 1147 (Kitāb al-Zikr wa al-Du’ā wa al-Taubah wa al-Istighfār, Bab Faḍl al-Ijtīmā’ ‘Ala Tilāwat al-Qur’ān wa ‘Ala al-Zikr, no. ḥadīth 2699).

¹⁸ Mohd. Ma’sum Billah, *Principle & Practices of Takaful and Insurance Compared* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2001), 3.

¹⁹ Sistem wang darah (*blood money*). ‘Aqila ialah istilah bagi saudara lelaki terdekat pembunuh yang harus membayar pampasan kepada waris mangsa (*aql*) atas nama pembunuh yang melakukan pembunuhan secara tidak sengaja yang menyebabkan kematian seorang Muslim. Lihat Mohd. Ma’sum Billah, *Principle & Practices of Takaful and Insurance Compared* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2001), 4.

²⁰ Muhammad Muslehuddin, *Insurance and Islamic Law* (New Delhi: Adam Publishers & Distributors, 1982); Ma’sum Billah, *Principle & Practices of Takaful*, 4; Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa’ari, “The Principle of al-Takaful (Collective Responsibility) In Islam and Its Practice in the Operation of Syarikat Takaful Malaysia Berhad,” *Jurnal Usuludin* 17, (2002), 37.

²¹ Fadzli, *Takaful: Sistem Insurans Islam*, 8.

wang yang dipanggil dengan sistem *al-kanz*. Kesemua jumlah wang pungutan yang terkumpul kemudiannya disimpan ke dalam satu tabung khas. Antara tujuan tabung tersebut adalah untuk menyediakan bayaran bagi membantu mana-mana ahli yang terlibat dengan pembunuhan secara tidak sengaja²².

Di samping itu amalan takaful juga dapat dikaitkan amalan yang dikenali sebagai *al-nihd* atau *al-nahd*. Dalam satu peristiwa kaum *al-Asy'āriyyīn* mengalami situasi kehabisan bekalan makanan ketika dalam peperangan di Madinah. Atas persetujuan dan kesepakatan di antara satu sama lain, setiap daripada mereka meletakkan baki makanan di atas kain bagi tujuan untuk dikumpul dan dibahagikan sama rata. Melihat peristiwa tersebut, Rasulullah s.a.w memuji tindakan mereka, baginda bersabda:

فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya mereka adalah daripada kalangan aku dan aku adalah daripada mereka²³.

Oleh itu, sarjana ekonomi Islam berpandangan bahawa ia boleh dijadikan sebagai asas sandaran yang menyokong kepada praktikal takaful berasaskan konsep *tabarru'* dan *ta 'āwun*²⁴. Kesimpulannya, sistem takaful yang berteraskan kepada amalan saling bantu-membantu dan bekerjasama antara satu sama lain sememangnya telah wujud sejak sebelum kedatangan Islam dan terus dikekalkan oleh Rasulullah s.a.w. Hasilnya, sehingga kini sistem ini terus berkembang dan dipraktikkan menjadi amalan lebih bersistematik bagi membantu meringankan bebanan yang terpaksa dipikul oleh mereka yang ditimpa musibah dan kesusahan dalam masyarakat.

²² *Ibid.*

²³ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Sharikah, Bab al-Sharikah fī al-Ta'mīn wa al-Nahd wa al-'Arud, no. hadith 2486, dan Muslim, Kitab al-Fada'il al-Sahabah, Bab min Fada'il al-Ash'ariyyin, no. hadith 2500. Lihat Al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 603, dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 2: 1167-1168.

²⁴ Ma'sum Billah, *Principle & Practices of Takaful*, 3-4; Joni Tamkin dan Che Zarrina, "The Principle of al-Takaful", 38.

2.3 Prinsip Asas Takaful

Berdasarkan kepadauraian tentang konsep takaful di atas, dapat difahami bahawa takaful merupakan salah satu ikhtiar kepada perlindungan risiko atau musibah yang boleh mendarangkan kemudaratan. Terdapat beberapa prinsip asas yang menjadi tunjang utama dalam takaful, iaitu:

i. Saling bantu-membantu

Saling membantu disini adalah dikhkususkan kepada perkara-perkara kebaikan yang dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Menurut ‘Abd al-Qadir Ja’far saling membantu dan bekerjasama di antara satu sama lain amat digalakkan dalam Islam. Lebih-lebih lagi pertolongan tersebut diberikan ketika sesebuah masyarakat menghadapi kesusahan²⁵, sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقَوْيٌ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِلْئَمِ وَالْعُدُوَّنِ
Al-Māidah 5:2

Terjemahan: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

²⁵ ‘Abd al-Qadir Ja’far, *Nizām al-Ta’mīn al-Islāmī* (Lubnan: Dar al-Kutub, 2006), 200.

Rasulullah s.a.w yang telah memuji sifat saling bantu-membantu dan berkongsi kepayahan antara satu lain sebagaimana yang telah dipamerkan oleh Kabilah al-Ash'riyyun, sebagaimana sabda baginda:

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَزْمَلُوا فِي الْغَزْوَةِ، أَوْ فَلَّ طَعَامُ عِبَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ، جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ
وَاحِدٍ، ثُمَّ افْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوَيَّةِ، فَهُمْ مِنْيٌ وَأَنَا مِنْهُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Kabilah al-Ash'ariyyūn bila mana mereka kehabisan bekalan di dalam sesebuah perang, atau kekurangan makanan untuk diberikan kepada ahli keluarga di bawah tanggungan mereka semasa menetap di Madinah, mereka mengumpulkan setiap apa yang mereka masih ada dalam kalangan mereka di atas sehelai kain, kemudian mereka membahagi-bahagikannya di antara mereka ke dalam sebuah bekas dengan jumlah yang sama rata. Maka Sesungguhnya mereka adalah daripada kalangan aku dan aku adalah daripada mereka²⁶.

Peristiwa di atas boleh dijadikan sebagai sandaran dalam perlaksanaan takaful yang diimplementasikan melalui *tabarru'* (sumbangan) oleh setiap individu yang menyertainya. Bayaran *tabarru'* tersebut kemudiannya dikumpulkan dalam satu dana yang dipanggil sebagai dana takaful. Amalan ini menggalakkan pihak yang ramai membantu pihak yang ditimpa musibah. Justeru, prinsip asas ini dilihat selari dengan perintah Allah s.w.t supaya masyarakat dibangunkan atas prinsip saling bantu-membantu ke arah kebijakan dan ketakwaan.

ii. Saling menjamin

Setiap mukmin juga digalakkan untuk saling bertanggungjawab dan menjamin di antara satu sama lain kerana setiap mukmin itu adalah bersaudara. Galakan ini dapat dilihat menerusi hadith Rasulullah s.a.w tentang kepentingan menjaga hubungan kasih sayang

²⁶ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitab al-Sharikah, Bab al-Sharikah fī al-Ta’mīn wa al-Nahd wa al-‘Arud, no. hadith 2486, dan Muslim, Kitab al-Fada’il al-Sahabah, Bab min Fada’il al-Ash’ariyyin, no. hadith 2500. Lihat Al-Bukhari, Ṣaḥīḥ al-Bukhari, 603, dan Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, 2: 1167-1168.

di antara orang-orang yang beriman. Antaranya, hadith yang diriwayatkan daripada ‘Anas r.a, beliau berkata Nabi s.a.w bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُجْعَلْ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Tidak sempurna iman seseorang di antara kalian sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri²⁷.

Prinsip saling menjamin yang dipraktikkan dalam operasi takaful menerusi komitmen setiap peserta memenuhi tanggungjawab membayar sumbangan *tabarru'*. Manakala pihak syarikat takaful pula menjalankan tanggungjawab mengurus dan mengendalikan dana sumbangan peserta supaya lebih bersistematik.

iii. Saling melindungi

Islam sangat melarang orang yang kuat menganiayai orang yang lemah sebaliknya menggalakkan amalan saling melindungi. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan daripada Abī Musa, beliau berkata Rasulullah s.a.w telah bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَابْنِيَانِ يُشَدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا، وَشَبَّكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بَيْنَ أَصَابِعِهِ.

Terjemahan: Seorang mukmin dengan mukmin yang lain seperti satu binaan, masing-masing menguatkan di antara satu sama lain, kemudian Baginda merapatkan jari-jemarinya²⁸.

Berdasarkan nas-nas al-Quran dan hadith di atas, secara umumnya di sini dapat disimpulkan bahawa prinsip-prinsip asas dalam Islam yang mengajak ke arah kebaikan menjadi tunjang dalam perlaksanaan sistem takaful. Prinsip tersebut mengajak setiap individu dalam sesebuah pakatan untuk sentiasa bersikap prihatin di antara satu sama

²⁷ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, dalam *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Hadīth al-Rasūl Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam wa Sunanīh wa Ayyāmih*, ed. Muhib al-Din al-Khatib et al. (Kaherah: Dar al-Salafiyah, 1980), 1: 21 (Kitāb al-Īmān, Bāb al-Īmān ‘an Yuhibba Li Akhīh Mā Yuhibbu Li Nafsih, no. hadith 13).

²⁸ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, dalam *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, 2: 244 dan Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtasar*, 2: 1201 (Kitāb al-Mazālim wa al-Ghaṣb, Bāb Naṣr al-Mazlūm, no. Hadith 2446, dan Muslim, Kitāb al-Bir wa al-Šilāḥ wa al-Adab, Bāb Tarāḥum al-Mu’mīn wa al-Ta’āṭūfihim wa Ta’āḍudihi, no. Hadith 2585).

lain sebagaimana pepatah Melayu “yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing”. Sekiranya salah seorang anggota ditimpa musibah dan kesusahan maka pihak yang ramai digalakkan bekerjamasa untuk sama-sama menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk tenaga, kemahiran, atau kewangan agar dapat membantu meringankan bebanan dan kemudaratan yang terpaksa ditanggung secara bersendirian. Berdasarkan kepada prinsip-prinsip dalam takaful di atas, di sini dapat disimpulkan bahawa setiap pihak yang terlibat pula haruslah bersikap amanah, jujur dan telus ketika mendedahkan maklumat yang berkaitan yang diperlukan.

2.4 Sistem Takaful Moden di Negara-negara Islam

Sistem takaful pertama kalinya telah diperkenalkan oleh ulama dalam bidang perundangan mazhab Hanafi iaitu Sheikh Muhammad Amin atau lebih dikenali sebagai Ibn ‘Ābidin (tahun 1784-1836) dalam kitab beliau *Radd al-Muhtār ‘ala al-Dūr al-Mukhtār*²⁹. Penulisan beliau telah membahaskan idea dan pandangan tentang insurans sebagai institusi yang sah dan bukan lagi sebagai suatu amalan adat (*customary practice*). Pandangan Ibn ‘Ābidin dianggap sebagai pembuka minda umat kepada umat Islam yang sebelum ini tidak menerima kesahan amalan insurans. Setelah itu umat Islam mula mempraktikkan insurans bukan sahaja membelinya daripada syarikat asing, bahkan membangunkan syarikat insurans dan menjamin antara satu sama lain³⁰.

Penubuhan sistem takaful moden di negara-negara Islam pula bermula melalui penubuhan syarikat insurans Islam yang pertama iaitu Syarikat Insurans Islam Sudan pada tahun 1979. Pada tahun yang sama juga Syarikat Insurans Islam Arab ditubuhkan di Arab Saudi. Bertitik tolak daripada itu pelbagai langkah usaha susulan telah dilakukan, terutamanya daripada negara-negara Islam dan negara yang mempunyai

²⁹ Mohd. Ma’sum Billah, *Islamic Insurance [Takaful]* (Petaling Jaya: Ilmiah Publisher Sdn Bhd, 2003), 4.

³⁰ Mohd. Ma’sum Billah, *Principles and Practices of Takaful and Insurance Compared* Edisi 1 (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2001), 8.

bilangan penduduk Islam yang agak besar bagi memperkenalkan syarikat-syarikat insurans yang menawarkan insurans secara Islam³¹. Empat tahun kemudian iaitu pada tahun 1983, Dār al-Māl Al-Islāmi (DMI) telah menubuhkan Syarikat Takaful Islam Luxembourg. Di Britain, perkhidmatan insurans Islam disediakan melalui Islamic Takaful Company (ITC), London. Di Australia perkhidmatan insurans Islam juga ditawarkan melalui penubuhan syarikat takaful yang dinamakan sebagai Syarekat Al-Takafol Al-Islamiyah³².

Di Malaysia takaful bermula pada awal tahun 1980-an hasil daripada keperluan umat Islam untuk mempunyai insurans yang halal sebagai alternatif insurans konvensional, rentetan majoriti sarjana Islam bersepakat memutuskan bahawa insurans konvensional adalah haram kerana akadnya tidak sesuai dengan prinsip Islam³³. Operasinya juga mengandungi unsur-unsur yang *fasād* (rosak/ tidak sah) iaitu *gharār* (ketidakpastian), *ribā* dan *maysir* (perjudian)³⁴. Sehubungan dengan itu sebagai alternatif produk takaful yang berasaskan konsep perpaduan sosial, kerjasama dan mengganti rugi bagi kerugian diperkenalkan. Takaful diterima pakai disebabkan wujudnya unsur-unsur yang bertujuan memelihara kebajikan dan kemaslahatan orang ramai selari dengan *maqāṣid al-shari‘ah*. Para peserta takaful akan sama-sama saling berganding bahu membantu di antara sesama mereka demi untuk menjaga kemaslahatan bersama. Dengan membayar sumbangan (caruman) dengan kadar tertentu dapat membantu mana-mana ahli yang benar-benar memerlukan. Di samping itu ia juga turut berkongsi kerugian dan menyebarkan liabiliti melalui tabungan dana *tabarru’* melalui

³¹ *Ibid.*, 4.

³² *Ibid.*, 5.

³³ Fadillah Mansor dan Azman Ismail, “Konsep Takaful dan Amalannya di Malaysia” dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mukmin Ab. Ghani et al. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2006), 97.

³⁴ “Menyertai Polisi Insurans Konvensional: Halal Atau Haram?”, laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai 3 Disember 2016, <http://e-muamalat.islam.gov.my/artikel/menyertai-polisi-insurans-konvensional-halal-atau-haram>

sistem mengumpulkan masyarakat dan bukan berobjektifkan kepada memperoleh kelebihan ke atas individu yang lain³⁵.

Akta Takaful telah dikuatkuasakan pada tahun 1984 dan operator takaful yang pertama telah diperbadankan di Malaysia pada bulan November 1984³⁶. Malaysia telah menjadi negara di Asia pertama yang merintis kepada perniagaan insurans secara Islam melalui penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. (STM)³⁷ yang telah memulakan operasinya pada Ogos 1985³⁸ menjadikannya syarikat operator takaful pertama di Malaysia³⁹. Selepas 8 tahun STM beroperasi, pada bulan Oktober 1993 syarikat kedua takaful di Malaysia iaitu MNI Takaful Sdn. Bhd. (MNIT) telah didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984⁴⁰. Seterusnya pada tahun 2001, Maybank Takaful yang merupakan anak syarikat kepada Maybank Bhd telah ditubuhkan dan diikuti pula dengan Syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd (TISB) pada tahun 2003⁴¹. Pada bulan Disember 2005, Commerce Takaful Berhad (CTB) telah ditubuhkan. Rentetan itu, terdapat lima pengendali takaful yang berdaftar dengan Persatuan Takaful Malaysia sehingga Disember 2005⁴².

³⁵ Mervyn K-Lewis, “Wealth Creation Through Takaful” dalam *Islamic Perspectives on Wealth Creation*, ed. Munawar Iqbal and Rodney Wilson (Edinburgh: Edinburgh University Press, 2005), 16.

³⁶ Fadillah dan Azman, “Konsep Takaful dan Amalannya di Malaysia,”, 97.

³⁷ SMT merupakan anak syarikat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

³⁸ Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 340; Ma’sum Billah, *Principles and Practice of Takaful*, 354.

³⁹ Sudin Haron, *Sistem Kewangan Islam Dan Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School, 2007), 389.

⁴⁰ MNIT yang telah didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 pada 20 November 1993 merupakan anak syarikat kepada Malaysia Nasional Insurance (MNI). Lihat Ab. Mumin, *Sistem Kewangan Islam*, 340.

⁴¹ Hendon Redzuan, Rubayah Yakob dan Mohamad Abdul Hamid, *Risiko Dan Insurans* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005), 531; Sudin Haron, *Sistem Kewangan Islam*, 389.

⁴² Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM), *Buku Panduan Asas Takaful* (Kuala Lumpur: Islamic Banking Finance Institute Malaysia, 2007), 60.

Pada bulan Januari 2006, disebabkan oleh permintaan terhadap takaful yang kian meningkat telah mendorong Bank Negara Malaysia (BNM) meluluskan empat lesen takaful baharu kepada konsortium dan usaha sama berikut⁴³:

- i. Prudential BSN Takaful Berhad;
- ii. Hong Leong Tokio Marine Takaful Berhad;
- iii. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn Bhd; dan
- iv. MAA Takaful Berhad.

Susulan pengumuman dua lesen permohonan takaful baharu pada 27 April 2009, pihak BNM telah menerima beberapa lagi permohonan bagi lesen pengendalian takaful keluarga yang wajar dipertimbangkan. Rentetan daripada pengumuman itu, keadaan ekonomi semasa juga lebih menggalakkan. Melalui siaran embargo BNM keluaran 1 September 2010, Menteri Kewangan juga telah bersetuju untuk mengeluarkan dua lagi lesen sebagai tambahan kepada dua lesen yang telah diumumkan sebelumnya yang menjadikan jumlah lesen terbaharu yang dikeluarkan di bawah Akta Takaful 1984 adalah empat kepada syarikat-syarikat usahasama berikut⁴⁴:

- i. American International Assurance Berhad dan Alliance Bank Malaysia Berhad
- ii. AMMB Holdings Berhad dan Friends Provident Group plc, UK
- iii. ING Management Holdings (Malaysia) Sdn Bhd, Public Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad
- iv. The Great Eastern Life Assurance Company Limited, Singapore dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.

⁴³ *Ibid.*, 138.

⁴⁴ Bank Negara Malaysia (BNM), “Pengeluaran Lesen Takaful Keluarga Baharu”, Laman Sesawang di capai pada 1 Mac 2017 http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press&ac=3200&lang=bm

Selepas lebih tiga puluh tahun industri takaful bertapak, Malaysia kini mempunyai sebelas buah syarikat pengendali takaful⁴⁵ yang mengendalikan takaful am dan takaful keluarga serta lima buah syarikat operator takaful semula (*retakaful*)⁴⁶. Industri takaful dilihat terus berkembang melalui pelbagai penambahbaikan yang telah dilakukan⁴⁷. Di bawah perniagaan takaful terdapat dua jenis produk takaful yang ditawarkan iaitu takaful am dan takaful keluarga.

Takaful am merupakan produk takaful jangka pendek yang menyediakan perlindungan dan bantuan kewangan bagi menghadapi bencana-bencana yang menyebabkan kerugian ke atas harta benda yang dimiliki oleh seseorang peserta seperti rumah, bangunan, atau kenderaan⁴⁸. Peserta akan membayar sumbangan kepada syarikat takaful bagi sesuatu aktiviti perniagaan yang hendak dilindungi. Sekiranya berlaku sesuatu bencana, maka syarikat takaful akan membayar sejumlah wang pampasan kepada peserta. Namun begitu jika tiada kemalangan berlaku dan tiada tuntutan dibuat pada akhir tempoh perlindungan, maka bayaran dividen akan diberikan kepada peserta daripada sumbangannya yang berdasarkan kepada akad *muḍārabah* sekiranya terdapat keuntungan. Walau bagaimanapun, sumbangan pokok perlindungan tidak akan dipulangkan semula kerana ia dianggap sebagai *tabarru'* atau derma kepada tabung dana takaful am⁴⁹.

⁴⁵ Bank Negara Malaysia (BNM), “Licensed Insurance Companies & Takaful Operators” Laman Sesawang dicapai 2 Mac 2017 <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&lang=bn>

⁴⁶ Bank Negara Malaysia, laman sesawang, dicapai 15 November 2016 <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=RTKF&fund=0&cu=0>

⁴⁷ Pengendalian takaful yang berdasarkan komersial merupakan antara faktor ketara yang menjadi penyumbang terhadap kejayaan industri takaful di Malaysia. Antara pendekatan yang diambil adalah menekankan pemberian pulangan yang berpatutan kepada peserta, pengendali takaful dan pemegang saham. Di samping itu, peranan dan sokongan yang berterusan daripada pihak Kerajaan tanpa berbelah bahagi dalam memperkembangkan industri takaful merupakan faktor terpenting yang menggalakkan pertumbuhan industri ini di Malaysia. Lihat Bank Negara Malaysia, “20 Tahun Takaful di Malaysia” <http://www.bnm.gov.my/files/publication/tkf/bm/2004/booklet.bm.pdf>.

⁴⁸ Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd Naaim, *Fundamentals Of Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 105.

⁴⁹ *Ibid.*, 465

Takaful Keluarga merupakan pelan perlindungan dan simpanan jangka panjang, serta instrumen pelaburan yang menyediakan jaminan bersama. Ia boleh disertai oleh mana-mana individu yang berikhtiar merancang kewangan sebagai persediaan perlindungan diri-sendiri, ahli keluarga dalam menghadapi risiko musibah seperti hilang upaya kekal atau kematian. Pelan ini terdiri daripada endowmen (*waqf*), iaitu mengandungi elemen perlindungan dan simpanan kepada peserta. Malahan, pelan tambahan atau ‘*rider*’ boleh disertakan bersama-sama dengan pelan takaful keluarga yang lain seperti pelan takaful kesihatan dan perubatan, takaful pendidikan dan lain-lain lagi. Di samping perlindungan risiko, takaful ini kebiasaannya melibatkan elemen simpanan dan pelaburan bagi manfaat jangka panjang kepada diri dan keluarga selepas persaraan atau hilang upaya kekal atau sekiranya ditakdirkan meninggal dunia⁵⁰. Pelan ini berkuatkuasa apabila peserta membayar sumbangan takafulnya sebagaimana yang telah dipersetujui. Sumbangan takaful yang dibayar sebagai iltizam untuk bertabarru’ itu seterusnya dikreditkan ke dalam akaun dana *tabarru’* peserta. Manakala selebihnya dikreditkan ke dalam akaun individu peserta untuk simpanan dan pelaburan. Sesetengah pengendali takaful menamakan akaun dana perlindungan risiko peserta sebagai akaun khas peserta (AKP). Akaun individu peserta bagi tujuan simpanan dan pelaburan pula dinamakan sebagai akaun peserta (AP)⁵¹.

2.5 Akad-akad asas yang diaplikasikan dalam operasi Takaful Keluarga

Bagi memastikan takaful beroperasi seiring dengan kehendak syarak, sarjana ekonomi Islam telah meletakkan beberapa akad utama syariah dalam operasi takaful. Antara akad-akad syariah yang telah dijadikan sebagai akad asas utama operasi takaful ialah *tabarru’*, *mudārabah*, *wakālah* atau gabungan *wakālah* dan *mudārabah*⁵². Dalam

⁵⁰ Hendon, Rubayah dan Mohamad, *Prinsip Pengurusan Risiko*, 455.

⁵¹ Fadzli Yusof, Wan Zamri dan Abdul Khudus, *Fundamentals Of Takaful*, 415-416.

⁵² Aznan Hassan, *Fundamentals Of Shari‘ah in Islamic Finance* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 626.

takaful keluarga pada asasnya melibatkan dua pihak utama yang terdiri daripada kumpulan sesama peserta dan kumpulan peserta dengan pihak pengendali takaful. Justeru itu, di sini dilihat terdapat dua aspek hubungan akad yang menghubungkan di antara kedua-dua pihak tersebut, iaitu:

- 1) Akad antara sesama peserta takaful;
- 2) Akad antara kumpulan peserta dengan pihak pengendali takaful⁵³

2.5.1 Akad antara sesama peserta

Memandangkan secara keseluruhannya peserta-peserta takaful merupakan entiti teras kepada sistem takaful, maka hubungan antara sesama peserta bolehlah dianggap sebagai hubungan yang paling penting dalam aktiviti takaful. Apabila seseorang menyertai takaful keluarga, dia akan membayar sejumlah wang caruman atau *tabarru'* sebagai komitmennya untuk saling berkerjasama dan bantu-membantu bagi merealisasikan matlamat takaful. Matlamat ini menggalakkan umat Islam saling berkerjasama dan saling bantu-bantu ke arah perpaduan sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِلَهِمْ وَالْعَدْوَنِ
Al-Māidah 5:2

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tolong-menolong atas perkara kebijakan dan ketakwaan dan janganlah kamu tolong-menolong pada perkara dosa (maksiat) dan pencerobohan.

Tabarru' merupakan perkataan Arab, yang bermaksud memberi, menyumbang, atau menderma secara sukarela, atau melakukan sesuatu secara sukarela⁵⁴. Ibn Manzūr menjelaskan *tabarru'* ialah suatu bentuk pemberian derma atau sedekah yang diberikan seikhlas hati kepada pihak penerima tanpa meminta apa-apa balasan atau pertukaran. Si

⁵³ Engku Rabiah Adawiah Engku Ali dan Hassan Scoot P. Odierno, *Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance)*, (Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd, 2008), 30-31.

⁵⁴ Rohi Baalbaki, *Al-Mawrid a Modern Arabic-English Dictionary* (Beirut: Dar el-Elm Lilmalayin, 1995), 269.

pemberi berkata “saya memberi derma atau sumbangan dengan sukarela⁵⁵. Dari sudut istilah, *tabarru'* adalah jenis-jenis pemberian atau perbuatan dengan sukarela tanpa mengharapkan balasan, yang pada kebiasaannya bertujuan ke arah perkara-perkara kebaikan⁵⁶. Secara ringkasnya, *tabarru'* dapat difahami sebagai memberikan sesuatu tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripada penerima atas pemberiannya. Ulama-ulama antaranya Ibn Rushd⁵⁷, al-Sharbini⁵⁸, dan al-Buhūti⁵⁹ tidak mendefinisikan *tabarru'* secara khusus, namun, mereka sering menggunakan perkataan *tabarru'* apabila membincangkan tentang *waqf*, *hibah*, *ṣadaqah*, atau jenis akad-akad lain yang diklasifikasikan sebagai *tabarru'*. Kesemua jenis akad *tabarru'* disebut dalam perbincangan mereka merujuk kepada jenis akad kebajikan, atau pemberian/ perbuatan dengan sukarela, iaitu yang memulakan akad tersebut tidak mengharapkan apa-apa balasan daripada pihak satu lagi⁶⁰.

⁵⁵ Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri, Jamal al-Din Muhammad bin Makram, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), 3:8.

⁵⁶ Wizarah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizarah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2012), 44:109.

⁵⁷ Abī Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad Bin Ahmad Ibn Rushd al-Qurtubī al-Andalūsī al-Syahīr bi Ibn Rushd al-Ḥafid, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtashid*, ed. Farid ‘Abd al-‘Azīz al-Jundi (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 155-167.

⁵⁸ Al-Sharbī, Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj Ila Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Manhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah), 3:523.

⁵⁹ Maṇṣūr ibn Yūnus ibn Idrīs al-Buhūti, *Kashāf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'*, ed. Mansur ibn Yunus al-Buhūti, (al-Riyāḍ: Dār 'Alam al-Kutub, 2003), 4: 240-251 dan 297-303.

⁶⁰ Asmak Ab Rahman dan Shamsiah Mohamad, “Analysis of *Tabarru'* Principle in Takaful Contract: Malaysian Experience” (makalah, Persidangan Kemanusian, Sejarah dan Sains Sosial, (CHHSS), Singapura, 26-28 Februari 2010).

Allah s.w.t sentiasa menggalakkan manusia membelanjakan harta mereka ke jalan kebaikan dan keredhaanNya sebagaimana firmanNya:

وَأَنْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِكُمْ إِلَى أَنْهَلُكُمْ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ^{١٥٥}

الْمُحْسِنِينَ

Al-Baqarah 2:195

Terjemahan: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke Dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya Segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berusaha memperbaiki amalannya.

Walaupun *tabarru'* mempunyai maksud yang luas, namun dalam konteks takaful ianya memberi maksud dan akad yang khusus. Melalui konsep dan akad *tabarru'* dalam takaful, unsur *gharār* yang wujud dalam insurans konvensional boleh diselesaikan⁶¹. Asas kepada akad *tabarru'* ialah bertolak ansur dan memberi maaf. Nilai gantian wajar juga tidak diperlukan di bawah akad ini.

⁶¹Bank Negara Malaysia (BNM), “Konsep dan Operasi Perniagaan Takaful Am di Malaysia”, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/tkf/bm/2005/booklet.bm.pdf>

Kerana itu konsep *tabarru'* adalah selari dengan tuntutan agama Islam dan menderma atau menyumbang dengan niat untuk membantu seseorang yang berada dalam kesusahan sangat digalakkan oleh Islam⁶² menerusi firman Allah SWT:

مَثُلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثُلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ
سُبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ

Al-Baqarah 2:261


Terjemahan: “Bandingan (derma) orang-orang Yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih Yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa Yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”

Menerusi penjelasan tentang akad *tabarru'* dan pengapiakasiannya dalam takaful, di sini dapat difahami setiap peserta membuat komitmen untuk saling menyumbang demi kemaslahatan sesama ahli yang menyertai takaful. Sehubungan itu, setiap bayaran tersebut akan dikumpulkan di dalam satu akaun yang dipanggil sebagai akaun Dana *Tabarru'* atau Dana Risiko Peserta. Dana tersebut merupakan sebuah entiti yang diwujudkan bagi memudahkan urusan pengendalian. Dana yang dikumpul tersebut bukanlah menjadi hak milik mutlak pengendali takaful sebagaimana insurans konvensional. Sebaliknya ia hanyalah sebuah entiti yang berperanan menguruskan dana takaful bagi memastikan setiap peserta mendapat hak yang diberikan secara adil. Pengendali takaful bertanggungjawab dalam urusan menerima bayaran sumbangan para peserta, membayar tuntutan pampasan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pada hakikatnya dana *tabarru'* adalah hak milik kumpulan peserta takaful. Dengan lain perkataan, kerjasama antara sesama peserta takaful dalam satu kumpulan adalah bermatlamat untuk merealisasikan objektif utama diwujudkan dana

⁶² Abd Sattār Abū Ghuddah, *Buhūth fī al-Mu'āmalat wa al-Asālib al-Maṣrafiyyah al-Islāmiyyah* (Dallah al-Barakah Group, 2008), 2:343-344.

tabarru' tersebut. Rajah 2.1 di bawah menunjukkan gambaran umum hubungan takaful antara sesama peserta.

Rajah 2.1 Akad Antara Sesama Peserta Dengan Dana Takaful



Sumber: ISRA, *Islamic Finance System Principles & Operations*⁶³

Sarjana ekonomi Islam menjelaskan takaful terbina atas akad *tabarru'* atau *iltizām bi al-tabarru'* (komitmen untuk menyumbang) yang menjadi tiang asas bagi mencapai matlamat utama perlaksanaan takaful⁶⁴. Setiap peserta yang menyertai takaful keluarga dihubungkan dengan akad *tabarru'*. Peratusan tertentu daripada keseluruhan yang dibayar oleh peserta diperuntukkan untuk menyediakan manfaat kewangan demi kemaslahatan peserta. Dana *tabarru'* berperanan sebagai bantuan (pampasan) yang akan disalurkan kepada mana-mana peserta sekiranya mereka ditimpa sesuatu musibah yang dilindungi seperti kematian, kemalangan, hilang upaya atau seumpama engannya⁶⁵.

Akad *tabarru'* atau *iltizām bi al-tabarru'* dalam takaful keluarga adalah *tabarru'* bersyarat, iaitu setiap individu yang menyertai takaful mestilah membayar sumbangan

⁶³ ISRA, *Islamic Finance System Principles & Operations*, (Kuala Lumpur: International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2012), 514.

⁶⁴ Accounting and Audition Organization For Islamic Financial Institutions (AAOIFI), *Shari‘ah Standards For Islamic Financial Institutions*, 2010, (Standard no. 26/2), 465; Engku Rabiah dan Hassan Scott, *Essential Guide to Takaful*, 32.

⁶⁵ Engku Rabiah dan Hassan Scott, *Essential Guide to Takaful*, 31; ISRA, *Islamic Financial System*, 514.

sesuai dengan risiko yang dibawanya⁶⁶. *Tabarru'* yang berlaku di sini pula bukanlah pemberian tanpa apa-apa balasan, akan tetapi merupakan *tabarru' mu'āwadah ta'āwuniyyah*⁶⁷. Setiap peserta menyumbang sebahagian daripada caruman takafulnya untuk dimasukkan ke dalam akaun dana *tabarru'*. Apabila bayaran sumbangan takaful dimasukkan ke dalam dana tersebut, maka peserta tidak layak lagi untuk menuntut semula kerana ia telah menjadi sebahagian daripada hak milik dana, melainkan jika berlaku kecelakaan yang dilindungi maka peserta akan dibayar dalam bentuk manfaat pampasan yang diambil daripada dana tersebut. Pihak pengendali takaful bertanggungjawab menetapkan kadar tertentu ke atas setiap peserta untuk bertabarru' bagi memastikan dana *tabarru'* sentiasa mencukupi untuk membayar manfaat pampasan dan sekaligus memberi keadilan kepada semua pihak⁶⁸ yang terlibat.

2.5.2 Akad antara kumpulan peserta dan pengendali Takaful

Dalam aplikasi semasa, produk-produk takaful keluarga di pasaran juga berkait dengan akad yang diaplikasikan khususnya dalam menjustifikasi hubungan antara peserta takaful dengan pihak pengendali takaful⁶⁹. Jika dibandingkan dengan insurans konvensional yang berasaskan akad *mu'āwadāt* (jual beli) sebagai akad pendasar yang menyebabkan segala premium yang dibayar oleh pelanggan akan menjadi hak milik mutlak syarikat, takaful pula menilai pengendali takaful dari perspektif yang berbeza⁷⁰.

Dalam amalan takaful tidak ada hubungan “pihak melindungi-pihak dilindungi” kerana takaful diwujudkan dengan konsep “kumpulan peserta saling membantu melindungi

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Mu'āwadah Ta'āwuniyyah* yang dimaksudkan di sini adalah akad yang dimeterai oleh dua orang atau lebih. Setiap individu memberi sumbangan dalam bentuk kewangan kepada individu lain tanpa bermotif keuntungan melainkan untuk sama-sama saling bantu-membantu. Ia direalisasikan apabila salah seorang atau semua individu yang menyertai akad tersebut diberikan manfaat dalam bentuk kewangan. Maksud ini dipetik daripada Engku Rabiah dan Hassan Scott, *Essential Guide to Takaful*, 33.

⁶⁸ IBFIM, *Buku Panduan Asas Takaful*, 67-68.

⁶⁹ Asyraf Wajdi Dusuki dan Mohamad Mahbubi Ali, “Riba Dalam Insurans Konvensional: Sejauhmanakah Konsep Takaful Berperanan Menanganinya?” dalam *Islam and Civilisation Renewal*, ed. Mohammad Hashim Kamali (Kuala Lumpur: International Institute of Advances Islamic Studies (IAIS) Malaysia, 2018), 216.

⁷⁰ Asyraf Wajdi dan Mohamad Mahbubi, “Riba Dalam Insurans Konvensional”, 221.

antara satu sama lain". Pengendali takaful hanyalah berperanan menghubung jalinkan para peserta (dalam satu kumpulan) dan menguruskan hal ehwal operasi takaful bagi pihak peserta⁷¹. Namun begitu hubungan ini tidak menafikan bahawa pengendali takaful juga adalah satu entiti yang perlu menjana keuntungan seperti syarikat insurans. Oleh itu khidmat-khidmat yang ditawarkan sebahagiannya adalah tuntutan urus tadbir dan bukan bermatlamatkan keuntungan dan sebahagiannya pula adalah bermatlamatkan perniagaan dan meraih pulangan⁷². Sehubungan dengan itu, umumnya segala perancangan, perkhidmatan dan aktiviti utama yang dilakukan oleh pengendali takaful adalah serampang dua mata, iaitu, berusaha untuk menghasilkan pulangan kepada syarikat dan juga menjaga serta mengukuhkan dana-dana takaful yang merupakan teras dan modal utama perniagaan takaful.

Dalam menjelaskan hubungan antara pengendali takaful dan peserta-peserta takaful ulama⁷³ telah mencadangkan akad *mudārabah* dan akad *wakālah*⁷⁴. Akad-akad ini diguna pakai sebagai model takaful oleh kebanyakan pengendali takaful sebagai struktur utama dan tulang belakang kepada operasi perniagaan yang dijalankan. Hasilnya, beberapa model takaful telah dibina berdasarkan kepada salah satu akad ini atau gabungan antara kedua-duanya⁷⁵. Sekiranya *mudārabah* menjadi model yang diaplikasikan maka pengendali takaful bertindak sebagai *mudārib* akan menerima bahagian tertentu yang terhasil daripada aktiviti pelaburan dijalankan. Sekiranya *wakālah* menjadi akad utama maka pengendali takaful akan menerima bayaran upah *wakālah* sebagai wakil. Rajah 2.2 di bawah menunjukkan ilustrasi umum akad yang menghubungkan pengendali takaful dengan peserta takaful.

⁷¹ Engku Rabiah dan Hassan Scott, *Essential Guide to Takaful*, 32.


⁷² Mohd Kamil Ahmad, "Hibah Bert'liq dan Potensi Penggunaannya Dalam Takaful: Kajian dari Perspektif Fiqh (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2017), 193; Riyāḍ Mansūr al-Khalīfī, "Al-Takyīf al-Fiqhī li al-'Alāqāt al-Māliyyah bi Sharikāt al-Ta'mīn al-Takāfūliyyah: Dirāsah Fiqhiyyah Taṭbīqiyyah Mu'āṣirah", Majallah al-Sharī'ah wa al-Qānūn, no.33 (2008), 43.

⁷³ Al-Qurrahḍāghī, *Al-Ta'mīn al-Islāmī*, 236-240; Engku Rabiah dan Odierno, *Essential Guide to Takaful*, 32-37.

⁷⁴ AAOIFI, *Shari'ah Standard*, (Standard no. 26/4 (b)).

⁷⁵ Kamil Ahmad, "Hibah Berta'liq dan Potensi Penggunaannya", 196.

Rajah 2.2: Akad Antara Peserta Dengan Pengendali Takaful



Sumber: ISRA, Islamic Finance System Principles & Operations⁷⁶

(i) Akad *mudārabah*

Model takaful berdasarkan *mudārabah* merupakan model pertama diperkenalkan terutamanya di awal fasa industri takaful mula bertapak di Malaysia⁷⁷. Konsep *mudārabah* dapat difahami sebagai hubungan kontrak di mana pemilik modal memberikan sejumlah wang sebagai modal kepada usahawan. Usahawan kemudiannya menjalankan perniagaan atau perdagangan dengan tujuan keuntungan untuk dikongsi sesama mereka⁷⁸ mengikut nisbah yang telah dipersetujui.

⁷⁶ ISRA, *Islamic Finance System Principles & Operations*, 514.

⁷⁷ Zuriah Abdul Rahman dan Hendon Redzuan, *Takaful: The 21st Century Insurance Innovation* (Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2009), 35; Zainal Abidin Mohd Kasim, “Takaful: A Question of Surplus”, dalam *Takaful Islamic Insurance: Trends, Opportunities and the Future of Takaful*, ed. Sohail Jaffer (London: Euromoney Institutional Investor Plc, 2007), 27.

⁷⁸ ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Al-Fiqh al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 3: 34.

Berikut ialah rukun *mudārabah*⁷⁹:

- i. Pemilik modal (*sāhib al-māl*) memberikan sejumlah wang sebagai modal;
- ii. Pengusaha (*al-mudārib*);
- iii. Modal (*ra's al- al-māl*);
- iv. Akad antara kedua-dua belah pihak.

Sarjana Islam menyatakan bahawa *mudārabah* ialah salah satu jenis daripada jenis-jenis syarikat dalam perundangan Islam disebabkan akad ini berkongsi untung bukannya berkongsi modal⁸⁰. Pihak usahawan pula bersetuju akan memulangkan semula modal yang diberikan beserta bahagian tertentu keuntungan yang diperolehi berdasarkan kepada nisbah keuntungan yang telah dipersetujui bersama sebagaimana yang terdapat dalam akad. Namun begitu, walaupun nisbah keuntungan telah dipersetujui di awal kontrak, bukanlah bermakna terdapat jaminan kepada pihak pemodal bahawa pelaburannya akan menghasilkan keuntungan. Sebaliknya jika berlaku kerugian, pihak pemodal akan menanggung kerugian sedangkan pihak pengusaha pula hanyalah menanggung kerugian dari segi tenaga dan masa sahaja⁸¹.

Dalam operasi takaful *sāhib al-māl* ialah peserta, manakala *al-mudārib* pula ialah pengendali takaful, yang akan melaburkan wang yang dicarumkan oleh peserta ke tempat-tempat pelaburan yang patuh syariah serta mengikut terma dan syarat sebagaimana dalam akad takaful. Sekiranya terdapat keuntungan, ia akan dikongsikan berdasarkan kepada jumlah nisbah yang telah dipersetujui di awal perjanjian⁸². Di awal fasa industri takaful bertapak di Malaysia, Syarikat Takaful Malaysia (STM) telah memgaplikasikan akad *muqārabah* sebagai model pengendalian takaful di syarikat

⁷⁹ Wizarah al-Awqāf, *al-Mawsū 'ah al-Fiqhiyyah*, 38:35.

⁸⁰ Ibn 'Ābidīn, Muhammad 'Amin bin 'Umar, *Radd al-Muhtār 'ala al-Dār al-Mukhtār* (t.tp: Dār al-Kutub al-'Amaliyyah, 1992), 5:645.

⁸¹ Al-Jazīrī, *Al-Fiqh al-Mazāhib al-Arba 'ah*, 3:47-48; Muṣṭafa al-Khin, Mustāfa al-Bughā dan 'Ali al-Sharbījī, *Al-Fiqh al-Manhajī 'Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi'i* (Dimashq: Dar al-Qalam, 1992), 7: 77; Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* (Dimashq: Dar al-Fikr, 1985), 3: 836.

⁸² ISRA, Islamic Financial System, 517.

mereka⁸³. STM telah mengaplikasikan pelbagai inovasi yang diolah dari sudut perbelanjaan pengurusan syarikat, penciptaan sesuatu produk serta menyalurkan agihan keuntungan pelaburan di antara syarikat dan peserta⁸⁴ di syarikat mereka. Namun begitu, takaful yang berasaskan kepada kontrak *mudārabah* kurang mendapat sambutan dan tidak lagi dijadikan sebagai pilihan utama untuk diaplikasikan dalam produk-produk takaful⁸⁵. Majoriti syarikat-syarikat pengendali takaful kini memilih kontrak *wakālah* atau gabungan *wakālah mudārabah* sebagai model dalam operasi takaful⁸⁶.

(ii) Akad *wakālah bi al-ajr*

Wakālah merupakan suatu akad yang diharuskan oleh syarak. *Wakālah* ialah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *wakila* yang memberi maksud wakil⁸⁷. *Wakālah* juga bererti satu pihak meminta pihak yang lain untuk melakukan sesuatu urusan atau pekerjaan bagi dirinya⁸⁸. Antara contoh-contoh urusan dan pekerjaan yang berkaitan dengan *wakālah* adalah wakil pengendalian harta, wakil pembahagian harta pusaka, wakil pendakwa raya, wakil jual-beli, dan lain-lain lagi⁸⁹.

⁸³ Mat Noor Mat Zain dan Zamzuri Zakaria, “Pengurusan Mudarabah dalam Takaful Di Malaysia” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta*, ed. Zamzuri Zakaria (Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006),

⁸⁴ IBFIM, Buku Panduan Asas Takaful, 37.

⁸⁵ Zainal Abidin Mohd Kassim, “Takaful: A Question of Surplus”, dalam *Takaful Islamic Insurance: Trends, Opportunities and the Future of Takaful*, ed. Sohail Jaffer (London: Euromoney Institutional Investor Plc, 2007), 48; Kamil Ahmad, “Hibah Berta’liq Dan Penggunaannya Dalam Takaful”, 197.

⁸⁶ Jamil Ramly et al., *Buku Panduan Asas Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010), 71.

⁸⁷ Dalam *Lisān al-‘Arab*, ungkapan *wakila billah, tawakkal ‘ala Allāh* dan *itkal* bermaksud menyerah atau berserah diri kepada Allah s.w.t., manakala *wakila fulān fulānan* pula adalah mewakilkan seseorang untuk menjadi wakil.Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabi, 1997), 15: 387.

⁸⁸ Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mu’jam al-Wasīt* (t.p: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah, 2004), 1055.

⁸⁹ Hailani Muji Taher dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Mu’amalah dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009), 148.

Jumhur fuqaha telah membahagikan rukun *wakālah* kepada empat bahagian⁹⁰, iaitu:

- i. Pewakil atau yang mewakilkan (*muwakkil*), iaitu pihak yang meminta pihak lain untuk melakukan sesuatu tugas bagi mewakili dirinya⁹¹.
- ii. Wakil atau orang yang mewakili (*wakil*), iaitu pihak yang melaksanakan sesuatu tugas bagi pihak yang lain dengan keizinan pihak atau pewakil tersebut⁹².
- iii. Lafaz akad (*sighah*), lafaz atau ikrar ketika memberi atau menyerahkan kuasa daripada satu-satu pihak kepada pihak yang lain⁹³.
- iv. Sesuatu yang diwakilkan (*al-muwakkil fīh*), iaitu sesuatu tugas atau urusan yang telah diamanahkan kepada wakil untuk dilaksanakan⁹⁴.

Terdapat dua jenis *wakālah* di dalam sistem *mu‘āmalat* yang sah dilaksanakan, iaitu *wakālah bi al-ajr* (wakil dengan upah) dan *wakālah bidūn al-ajr* (wakil tanpa upah). Ini berdasarkan kepada tindakan Rasulullah s.a.w yang pernah mengutuskan beberapa orang mewakili baginda memungut zakat daripada umat Islam, lalu mereka diberikan upah atas tugas yang telah diamanahkan⁹⁵. Manakala sekiranya *wakālah* yang dilakukan secara sukarela tanpa sebarang upah, maka ia adalah suatu bentuk ihsan dan kebaikan daripada wakil⁹⁶.

Dalam konteks operasi takaful, akad *wakālah* yang diaplikasikan adalah *wakālah bi al-ajr*. Melalui akad ini peserta sebagai suatu kumpulan merupakan *muwakkil*. Pengendali takaful pula dilantik menjadi wakil untuk mengendalikan urusan-urusan

⁹⁰ Al-Jazīrī, *Al-Fiqh al-Mazahib al-Arba‘ah*, 3: 124; Shams al-Dīn bin Muḥammad al-Khatib al-Shirbini, *Mughni al-Muḥṭāj* (Beirut: Dār al-Marifah, 1997), 2: 281; Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* (Dimashq: Dar al-Fikr, 1985), 5: 65; Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bughā dan ‘Ali al-Sharbījī, *Al-Fiqh al-Manhājī ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī*, 7: 168-172.

⁹¹ Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bughā dan ‘Ali al-Sharbījī, *Al-Fiqh al-Manhājī*, 7: 168.

⁹² *Ibid.*, 169.

⁹³ *Ibid.*, 171.

⁹⁴ *Ibid.*, 171.

⁹⁵ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, 5: 74.

⁹⁶ *Ibid.*

berkaitan takaful yang pada prinsipnya disumbangkan oleh para peserta. Dana milik kumpulan peserta tersebut akan diuruskan dengan baik dan teliti dari aspek pengunderaitan serta pelaburan. Tindakan-tindakan tersebut dilakukan adalah demi untuk menjaga kepentingan dan kemaslahatan kumpulan peserta. Di samping itu pengendali takaful juga bertindak sebagai wakil pengurusan hal-ehwal pembayaran tuntutan, takaful semula, rizab teknikal dan pembayaran komisen. Sekiranya aktiviti takaful tersebut digabungkan dengan simpanan dan pelaburan, maka pengendali takaful juga turut bertindak sebagai wakil kepada peserta menguruskan urusan tersebut.

Natijahnya, sebagai ganjaran atas perkhidmatan mereka sebagai wakil yang menguruskan setiap aktiviti yang berkaitan, pengendali takaful akan mengenakan caj atau yuran perkhidmatan ke atas peserta. Bayaran caj tersebut dikenakan sebagai amaun tetap atau berdasarkan nisbah yang dipersetujui bersama di awal perjanjian yang dibayar oleh peserta⁹⁷. Kadar upah yang dikenakan oleh wakil atau ejen ditentukan dan dimaklum kepada peserta takaful⁹⁸. Berasaskan kepada akad ini juga, sebarang risiko kerugian tidak akan ditanggung oleh pengendali takaful, sebaliknya ia akan ditanggung oleh peserta dan dana takaful. Namun, sekiranya kerugian berlaku disebabkan wujudnya salah laku atau kecuaian oleh pihak pengendali maka kerugian itu akan ditanggung oleh pihak mereka. Selaras dengan itu juga, pengendali takaful tidak akan mempunyai bahagian daripada keuntungan yang dihasilkan⁹⁹. Di Malaysia majoriti syarikat takaful mengaplikasikan *wakālah bi al-ajr* dalam operasi perniagaan takaful di syarikat mereka. Contohnya, Takaful Ikhlas¹⁰⁰, Prudential BSN Takaful, HSBC Amanah Takaful¹⁰¹, Great Eastern Takaful Berhad¹⁰² dan Sunlife Malaysia Takaful¹⁰³.

⁹⁷ Bank Negara Malaysia, *Shariah Resolution in Islamic Finance* Edisi kedua (t.p: Bank Negara Malaysia, 2010).

⁹⁸ Wizarah al-Awqāf, *al-Mawsū 'ah al-Fiqhiyyah*, 45: 92.

⁹⁹ Azman dan Sabri, "Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad", 11-12.

¹⁰⁰Takaful Ikhlas, laman sesawang, dicapai 2 Jun 2017 http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas_basic_term_takaful_pds_age35_bm_v1.1.pdf

2.5.3 Akad yang diaplikasikan dalam produk Takaful Keluarga di PruBSN

Sebagai salah sebuah syarikat yang berkhidmat menguruskan dana perlindungan kewangan Islam, secara umumnya PruBSN telah mengaplikasikan akad *iltizām bi al-tabarru'* dan *wakālah bi al-ajr* dalam operasi pengendalian takaful¹⁰⁴. Kedua-dua prinsip syariah ini dijadikan sebagai akad utama dalam operasi syarikat PruBSN.

2.5.3.1 *Iltizām bi al-tabarru'*

Melalui akad *tabarru'* atau *iltizām bi al-tabarru'* setiap individu yang menyertai pelan takaful keluarga akan membayar sejumlah sumbangan *tabarru'*nya kepada PruBSN. Dengan akad ini, setiap peserta bersetuju peratusan tertentu daripada sumbangan *tabarru'*nya akan ditolak untuk dimasukkan ke dalam akaun dana *tabarru'*. Bahagian dana *tabarru'* yang ditolak adalah berdasarkan kepada jenis perlindungan risiko tertentu yang dibawa oleh peserta dan ditetapkan diawal perjanjian. Dana *tabarru'* dikenali sebagai dana khas peserta. Dana *tabarru'* yang dikumpul dikhususkan untuk kemanfaatan bagi membantu mana-mana peserta takaful ditimpa musibah¹⁰⁵.

¹⁰¹HSBC Amanah Takaful, laman sesawang, dicapai pada 2 Jun 2017 http://www.takaful.hsbcamanah.com.my/1/PA_ES_Content_Mgmt/content/MYHT/pdf/hsbc_lifestyle_protector_plus.pdf

¹⁰²Great Eastern Takaful Berhad, laman sesawang, dicapai pada 2 Jun 2017 <https://www.greateasterntakaful.com/content/dam/great-eastern/takaful/en/homepage/takaful-solutions/find-the-right-plan/protect-myself-and-my-family/life-protection/i-great-murni/i-great-murni-en.pdf>

¹⁰³Sunlife Malaysia Takaful, laman sesawang, dicapai 2 Jun 2017, <https://www.sunlifemalaysia.com/SunLife/media/SunLifeMedia/protectionNeeds/sinar-link-sakinah.pdf>

¹⁰⁴ Mohd Fuad Md. Sawari (Dr., Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Syariah Prudential BSN Takaful) dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017; Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus Kajian Shariah dan Penyelidikan Prudential BSN Takaful) dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

¹⁰⁵ Abdul Hakim, dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

2.5.3.2 *Wakālah bi al-ajr*

Akad ini digunakan dalam dua keadaan. Pertama, akad antara PruBSN Takaful dengan peserta. Kedua, akad antara PruBSN dengan ejen-ejen takaful. Penerangan adalah seperti berikut:

(i) Akad *wakālah* antara PruBSN dengan kumpulan peserta

Hubungan antara kumpulan peserta dengan PruBSN terbina berdasarkan kepada akad *wakālah bi al-ajr*. Dalam akad ini, kumpulan peserta akan membayar keseluruhan caruman takafulnya dan bersetuju melantik PruBSN sebagai wakil mereka menguruskan dana tersebut. PruBSN diberikan mandat menguruskan dana milik peserta, merangkumi urusan pengunderaitan¹⁰⁶, pembukaan akaun, penyimpanan, pelaburan, pembayaran tuntutan, takaful semula (*retakaful*), kos pengurusan dan perkhidmatan, rizab teknikal¹⁰⁷ dan lain-lain. Sebagai ganjarannya perkhidmatan tersebut, PruBSN sebagai wakil akan mengenakan caj atau upah ke atas peserta atas tenaga kerja dan kepakaran menguruskan urusan operasi takaful¹⁰⁸. Caj *wakālah* tersebut menjadi salah satu daripada sumber pendapatan kepada pihak PruBSN¹⁰⁹.

Segala perancangan, perkhidmatan serta aktiviti yang dilakukan oleh PruBSN sebagai wakil secara umumnya dilihat terarah kepada dua dimensi utama iaitu: pertama, berusaha menjaga dan mengukuhkan dana takaful yang merupakan teras dan modal utama yang akan membawa kebaikan kepada syarikat. Kedua, berusaha untuk menghasilkan pulangan keuntungan kepada syarikat memandangkan selain daripada menawar kepakaran dan memberikan perkhidmatan menguruskan aktiviti takaful, mendapatkan keuntungan juga menjadi objektif sebenar penubuhan syarikat perniagaan.

¹⁰⁶ Pengunderaitan dapat difahami sebagai suatu satu proses pemilihan dan pengelasan risiko yang akan menentukan sama ada sesuatu risiko itu akan diterima atau ditolak. Ahamd Mazlan et al., *Asas Amalan Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 217.


¹⁰⁷ Abdul Hakim dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

¹⁰⁸ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017.

¹⁰⁹ Abdul Hakim, dalam temu bual dengan penulis 6 Mac 2017.

Secara ringkasnya, Rajah 2.3 menunjukkan carta aliran ringkas operasi takaful keluarga akad *wakālah bi al-ajr* PruBSN beserta dengan penerangannya.

Rajah 2.3: Ilustrasi Carta Aliran Operasi Takaful Keluarga Akad *Wakālah bi al-ajr* di PruBSN



Sumber: Diubah suai daripada Abdul Hakim Johari¹¹⁰

¹¹⁰ Dikirim oleh Abdul Hakim melalui emel kepada penulis pada 11 Mac 2017.

- 1) Selepas perjanjian telah dipersetujui, peserta kemudiannya akan mula membayar sumbangan atau caruman ansuran takaful berdasarkan pelan perlindungan yang disertai. Peserta dikehendaki membayar ansuran sumbangan takafulnya mengikut jumlah manfaat pelan perlindungan yang diambil. Kebiasaannya, jumlah yang dibayar oleh peserta tidak kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan pihak syarikat. Peserta boleh memilih cara pembayaran sumbangan takaful sama ada ansuran secara bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan¹¹¹.
- 2) Daripada jumlah keseluruhan yang dibayar, PruBSN kemudiannya akan menolak beberapa peratus daripada sumbangan tersebut sebagai caj *wakālah* pendahuluan (*upfront wakalah*). Caj tersebut ditolak setiap bulan selama enam tahun. Pada tahun pertama dan kedua 60% daripada jumlah sumbangan peserta akan ditolak. Seterusnya, tahun ketiga 50%, tahun keempat 30%, tahun kelima dan keenam 20%¹¹². Jumlah caj *wakālah* pendahuluan kemudiannya akan terus dikreditkan ke dalam akaun Dana Pemegang Saham milik syarikat¹¹³. Daripada dana tersebut digunakan untuk perbelanjaan berkaitan dengan pengurusan dan pembahagian termasuklah membayar komisen kepada ejen perantara syarikat¹¹⁴.

¹¹¹ Mohd Nazri Othman (Ejen, Prudential BSN Takaful Berhad) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

¹¹² Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari dan 2017 dan 6 Mac 2017; Mohd Nazri dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

¹¹³ Dana Pemegang Saham ialah dana yang ditubuhkan bagi meletakkan aset-aset milik pemegang-pemegang saham syarikat. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (No.91); AAIOFI, *Standard Shari‘ah*, (Standard no. 26/5/2); Mohd Kamil Ahmad, “Hibah Berta‘līq Dan Penggunaannya Dalam Takaful: Kajian Dari Perspektif Fiqh” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 215.

¹¹⁴ Abdul Hakim dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017 dan Mohd Nazri dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

- 3) Baki daripada jumlah sumbangan yang dibayar oleh peserta, selepas ditolak caj *wakālah* tersebut kemudiannya dibahagikan kepada dua unit akaun iaitu: a) Akaun Unit Perlindungan (PUA), dan b) Akaun Unit Pelaburan (IUA)¹¹⁵. PUA secara prinsipnya berperanan sebagai memenuhi keperluan bagi perlindungan risiko peserta bergantung kepada pelan takaful yang disertai oleh peserta¹¹⁶. Setiap bulan, Y% (berdasarkan pelan kepada pelan disertai) daripada PUA kemudiannya akan disuntik (*dripped*) ke dalam dana *tabarru'* sebagai memenuhi tanggungjawab sebagai seorang peserta takaful. IUA¹¹⁷ atau lebih dikenali sebagai akaun simpanan/ pelaburan. IUA ialah akaun yang dibuka untuk tujuan simpanan dan/atau pelaburan bagi peserta.
- 4) Dana yang terdapat dalam PUA dan IUA serta dana *tabarru'* akan dilaburkan. Dana PUA dan IUA akan dilaburkan berdasarkan kepada jenis pelaburan yang dipilih oleh peserta. PruBSN akan membeli unit-unit saham yang telah dipilih oleh peserta diawal akad perjanjian¹¹⁸. Peserta boleh memilih jenis pelaburan sama ada unit Dana Bon¹¹⁹, Dana Unggul¹²⁰ dan Dana Ekuiti¹²¹ atau Dana Dinasti¹²². Unit-unit dana tersebut akan dilaburkan di tempat pelaburan patuh syariah. Prinsip

¹¹⁵ Akaun ini juga lebih dikenali sebagai akaun risiko peserta yang berdasarkan kepada konsep *tabarru'*.

¹¹⁶ Penerangan ini adalah berdasarkan kepada pelan takaful yang menawarkan manfaat lazim sahaja. Jika peserta menambah pelan tambahan seperti pelan kemalangan, pelan takaful wanita dan sebagainya maka sumbangan *tabarru'*nya juga akan dibahagikan (ditolak) ke dalam bahagian akaun pelan tambahan tersebut.

¹¹⁷ Akaun IUA ialah akaun yang dikhaskan untuk tujuan simpanan dan pelaburan setelah ditolak bahagian-bahagian perlindungan risiko untuk *ditabarru'kan*.

¹¹⁸ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017; Abdul Hakim dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017; Mohd Nazri Othman dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

¹¹⁹ Instrumen seleksi sekuriti hutang Islam.

¹²⁰ Instrumen sekuriti hutang Islam.

¹²¹ Instrumen berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

¹²² Instrumen saham yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

pelaburan yang digunakan di PruBSN ialah *al-istithmār bi al-ju ‘ālah*¹²³ di mana PruBSN mengenakan caj pengurusan aset (sebagai komisen) sebagai perkhidmatan menguruskan pelaburan bagi pihak peserta¹²⁴. Keuntungan daripada pelaburan, jika ada, akan dikembalikan ke dalam akaun PUA dan IUA peserta.

- 5) Jumlah dana dan nilai unit-unit dalam PUA dan IUA akan dibayar kepada peserta atau beneficiari atas sebab meninggal dunia, TPD, serahan awal sebelum takaful peserta matang atau tempoh takaful matang. Dengan lain maksud, sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami TPD, PruBSN akan membayar jumlah perlindungan atas peserta¹²⁵ daripada dana *tabarru’* berdasarkan kepada sebelum umur tamat tempoh atau sehingga sijil tempoh tamat, atau yang mana terdahulu. Begitu juga dana daripada IUA akan diserahkan kepada peserta atau beneficiari. Sekiranya peserta masih hidup semasa pelan takaful matang, maka nilai unit dalam akaun IUA akan dibayar kepada peserta. Selain itu, sekiranya peserta berhasrat untuk tidak meneruskan pelan takaful, maka PruBSN akan membayar nilai unit dalam akaun IUA apabila peserta menyerahkan semula sijil takaful kepada PruBSN¹²⁶.
- 6) Dana yang diambil daripada dana *tabarru’* digunakan untuk membayar tuntutan/ klaim, rizab¹²⁷ serta pengurusan berkaitan dengan perkara-perkara tersebut.

¹²³ *Al-istithmār bi al-ju ‘ālah* dapat difahami sebagai suatu upah atas usaha pelaburan yang dilakukan. Sila lihat Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), 226.

¹²⁴ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017 dan Abdul Hakim dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

¹²⁵ Bergantung kepada produk takaful yang disertai.

¹²⁶ Brosur PruBSN Takaful *Link Series*, Prudential BSN Takaful dan berdasarkan kepada temu bual bersama Abdul Hakim pada pada 6 Mac 2017.

¹²⁷ Rizab ialah suatu peruntukan yang bagi tempoh perlindungan yang belum terpakai. Ia juga merupakan peruntukan khas bagi tujuan memantapkan Kumpulan Wang Takaful penimbal balik. Mohd Fadzli

7) Selepas pembayaran tuntutan manfaat dibuat dan ditolak kos-kos lain seperti takaful semula (*re-takaful*) dan kos teknikal dibuat, sekiranya terdapat lebihan¹²⁸ (*surplus*) pada akhir setiap tahun kewangan maka sekurang-kurangnya 50% daripada lebihan tersebut diagihkan (jika ada) kepada peserta, termasuk pulangan pelaburan yang terbit daripada dana *tabarru'*. Manakala, baki lebihan tersebut akan diagihkan kepada PruBSN sehingga 50% sebagai insentif kerana menguruskan dana *tabarru'*¹²⁹. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan mengikut budi bicara pihak Jawatankuasa Penasihat Syariah¹³⁰.

Berdasarkan keseluruhan penerangan di atas, di sini dapat disimpulkan bahawa PruBSN mengaplikasikan dua akad muamalat sebagai akad utama dalam pengendalian operasi takaful keluarga. Pertama, *iltizām bi al-tabarru'* iaitu akad yang menghubungkan antara seseama peserta. Kedua, *wakālah bi al-ajr* iaitu akad antara PruBSN dan peserta takaful. Dengan berdasarkan kepada akad *wakālah bi al-ajr* beberapa peratus yang telah ditentukan daripada sumbangan peserta akan ditolak sebagai caj *wakālah* pengendalian hal-hal yang berkaitan dengan urusan dana takaful, aktiviti pelaburan serta pembayaran komisen. Di samping itu PruBSN sebagai pihak yang menguruskan dana takaful peserta PruBSN juga melantik ejen-ejen takaful sebagai mewakili PruBSN dengan mengaplikasikan akad *wakālah bi al-ajr*.

Yusof, *Takaful: Sistem Insurans Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1996), 55.

¹²⁸ Berdasarkan piawaian syariah AAOIFI lebihan takaful (*surplus*) atau lebihan pengunderaitan boleh dirujuk sebagai lebihan yang didapat daripada keseluruhan jumlah dana sumbangan *tabarru'* yang dibayar oleh peserta takaful dalam satu tempoh kewangan tertentu melebihi jumlah pembayaran tuntutan manfaat yang dikeluarkan selepas ditolak kos-kos lain seperti kos takaful (*re-takaful*) dan kos teknikal. Sila Lihat AAOIFI, "Shariah Standard", (Standard No. 26: Islamic Insurance, (no. 26/5/5), 466.

¹²⁹ Pengagihan lebihan kepada PruBSN adalah atas persetujuan peserta, sebagaimana yang telah tertulis dalam borang cadangan untuk pelan takaful, di "Bahagian Pengakuan". Sila lihat lampiran.

¹³⁰ Abdul Hakim dalam temu bual bersama penulis pada 6 Mac 2017.

(ii) Akad *wakālah* antara PruBSN dengan ejen takaful

Selain hubungan dengan peserta, PruBSN turut menggunakan khidmat perantara lain bagi menghubungkan syarikat dengan peserta. Ini kerana meskipun PruBSN menawarkan pelbagai pelan takaful yang terbaik sekalipun, namun jika tanpa saluran yang berkesan untuk menghebahkan kebaikannya kepada masyarakat umum, belum tentu orang ramai sanggup beratur panjang untuk mendapatkan produk-produk takaful keluarga yang ditawarkan. Justeru itu, penting untuk orang ramai tahu dan sedar akan kelebihan tentang produk takaful keluarga yang ditawarkan terlebih dahulu sebelum mahu mendapatkannya. Maka, di sinilah letaknya salah satu fungsi ejen takaful sebagai perantara PruBSN, iaitu menyampaikan maklumat berkaitan dengan produk-produk yang ditawarkan kepada masyarakat.

Ejen takaful ialah individu yang dilantik dan diberi kuasa sebagai wakil menggalas tugas bagi mendapatkan seramai mungkin pelanggan bagi produk-produk takaful yang ditawarkan oleh pihak pengendali takaful yang diwakilinya¹³¹. Natijahnya, apabila semakin ramai pelanggan takaful, maka semakin banyaklah dana dapat dikumpul dalam tabung dana takaful. Ringkasnya, ejen takaful dilantik sebagai wakil kepada pengendali takaful untuk mendapatkan seramai mungkin peserta. Ejen berperanan melakukan mana-mana tugas berkaitan dengan pemasaran seperti mempromosikan produk-produk takaful keluarga, menawarkan khidmat nasihat berkaitan dengan pelan kewangan takaful yang bersesuaian dengan kemampuan kewangan dan kesihatan prospek¹³², menguruskan hal-hal urusan pendaftaran prospek yang berminat untuk menyertai pelan perlindungan takaful, menyerahkan kad kesihatan, menguruskan hal-hal tuntutan sekiranya peserta dilaporkan meninggal dunia atau


¹³¹ Ahmad Mazlan Zulkifli, *Basic Takaful Practice: Entry Level for Practitioners* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 129.

¹³² Prospek merupakan istilah yang digunakan bagi individu yang belum menyertai pelan takaful. Mohd Nazri Othman dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

dimasukkan ke hospital dan sebagainya¹³³. Justeru, sebagai ganjaran atas perkhidmatan mereka akan dibayar komisen.

Di PruBSN, konsep pembayaran komisen kepada para ejen mereka adalah berdasarkan konsep *wakālah bi al-ajr*¹³⁴. Pada umumnya, bagi setiap penyertaan takaful yang berjaya diperoleh oleh ejen, PruBSN akan membayar komisen kepada ejennya berdasarkan kepada peratusan tertentu daripada jumlah caruman takaful keluarga yang dibayar oleh peserta¹³⁵. Gambar Rajah 2.4 menunjukkan contoh struktur ringkas hubungan wakalah antara PruBSN dengan ejen takaful.

Rajah 2.4: Ilustrasi Struktur Hubungan *Wakālah bi al-ajr* antara PruBSN dengan Ejen Takaful



Sumber: Diubah suai daripada Mohd Kamil Ahmad¹³⁶

¹³³ Mohd Faiz Hafizi Manap (Pengurus Senior Produk, Bahagian Pemasaran) dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017; Mohd Nazri (Ejen, PruBSN) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

¹³⁴ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017; Abdul Hakim dalam temu bual bersama penulis pada 6 Mac 2017 dan Mohd Nazri dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

¹³⁵ Sijil Takaful PruBSN.

¹³⁶ Mohd Kamil, "Hibah Berta'liq dan Penggunaannya dalam Takaful", 210.

- 1) Selepas perjanjian dipersetujui, peserta akan mula membuat pembayaran ansuran sumbangan takafulnya.
- 2) Daripada jumlah keseluruhan sumbangan takaful itu, beberapa peratus daripada sumbangan takaful peserta akan ditolak untuk membayar caj wakalah pendahuluan kepada PruBSN
- 3) Baki daripada jumlah sumbangan selepas ditolak untuk wakalah pendahuluan tersebut akan dimasukkan ke akaun dana takaful peserta.
- 4) Daripada caj wakalah pendahuluan tersebut, PruBSN kemudiannya akan dikreditkan ke dalam akaun Dana Pemegang Saham¹³⁷ milik PruBSN.
- 5) Setelah itu, sekiranya seseorang ejen daripada agensi berjaya mendapatkan peserta takaful maka PruBSN akan membayar X% komisen kepada ejen tersebut dan Y% komisen kepada pengurus agensi takaful.
- 6) Ejen bertugas mencari dan mendapatkan peserta takaful kepada PruBSN manakala pengurus agensi pula akan membuat penyelia ke atas ejen-ejen di bawah agensi pemasaran tersebut.

Memandangkan pelan takaful keluarga kebiasaannya melibatkan penyertaan jangka masa panjang, ejen akan mendapat komisen selama lima tahun, di mana pada tahun pertama hingga tahun ketiga mereka akan mendapat lima belas hingga dua puluh lima peratus daripada bayaran sumbangan takaful peserta setiap bulan selama enam tahun¹³⁸. Berdasarkan kepada Rajah 2.4, bayaran komisen ini diambil daripada caj *wakalah* pendahuluan. Dalam tempoh tersebut ejen terus mendapat komisennya selagi mana peserta terus membayar sumbangan takafulnya dengan konsisten atau selagi mana peserta tidak mengundurkan diri daripada pelan takaful yang disertainya. Walau bagaimanapun, sekiranya peserta tidak membayar sumbangan takafulnya atau

¹³⁷ Telah dijelaskan maksudnya. Sila lihat di muka surat 62.

¹³⁸ Mohd Nazri, dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

mengundur diri daripada pelan takafulnya lebih awal, maka dengan sendirinya ejen juga tidak lagi layak mendapat bahagian komisen tersebut¹³⁹.

Di samping itu, ejen-ejen takaful juga kebiasaannya bergerak di bawah satu agensi pemasaran atau dikenali sebagai agensi takaful. Sehubungan dengan itu, daripada jumlah sumbangan takaful yang berjaya dikutip oleh para ejen, pengurus agensi juga turut mendapat komisen ‘berlapis’ atau *overriding commission* yang dibayar oleh PruBSN¹⁴⁰. Dalam sesebuah agensi pemasaran pengkaji difahamkan, kebiasaannya ia mempunyai beberapa lapisan yang diketuai pengurus agensi dan beberapa orang ejen di bawah seliaannya. Antara tugas pengurus agensi adalah menyelia dan melatih ejen-ejen takaful di bawah seliaannya¹⁴¹.

Selain komisen, PruBSN turut menawarkan bonus dan insentif tambahan jika ejen berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan¹⁴². Sekiranya ejen dapat memastikan peserta di bawahnya membayar sumbangan takafulnya dengan konsisten dan tidak menyerahkan sijil takaful yang disertai sebelum tempoh takaful matang, PruBSN akan memberikan bonus tiga tahun pertama penyertaan setiap peserta. Bonus itu adalah berdasarkan kepada konsep *ju‘ālah*¹⁴³. Meskipun komisen dan bonus yang dibayar kepada ejen zahirnya adalah berdasarkan peratusan tertentu daripada jumlah sumbangan yang dibayar oleh peserta, namun sebenarnya kedua-dua bayaran tersebut diambil daripada aset milik syarikat kerana setiap wang sumbangan peserta, pihak syarikat akan terus membahagikannya kepada unit-unit akaun berdasarkan kepada akad yang diaplikasikan dalam produk takaful yang disertai. Setiap sumbangan yang dibayar oleh

¹³⁹ Pembayaran komisen kepada ejen adalah bergantung kepada bayaran sumbangan takaful peserta, di mana jika peserta menarik balik penyertaan takafulnya atau gagal membuat membayar sumbangan takafulnya maka dengan sendirinya tidak ada komisen akan diterima oleh ejen. Mohd Kamil, “Hibah Berta’liq dan Penggunaannya dalam Takaful”, 211.

¹⁴⁰ Abdul Hakim dalam temu bual bersama penulis pada 6 Mac 2017.

¹⁴¹ Ini berdasarkan kepada kajian oleh Mohd Kamil Ahmad, “Hibah Berta’liq dan Penggunaannya dalam Takaful: Kajian Dari Persepektif Fiqh” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2017), 2,

¹⁴² Abdul Hakim dalam temu bual bersama penulis pada 6 Mac 2017.

¹⁴³ *Ju‘ālah* dapat difahami sebagai upah atau hadiah yang diberikan kepada seseorang kerana mengerjakan sesuatu tugas atau pekerjaan tertentu. Wizarah al-Awqāf, *Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, 15: 208.

peserta, beberapa peratus daripadanya akan terus ditolak oleh PruBSN sebagai caj *wakālah* pendahuluan¹⁴⁴. Caj *wakālah* ini adalah termasuk jumlah komisen yang akan dibayar kepada ejen-ejen sebagai perantara, serta bayaran bonus kepada mereka¹⁴⁵.

2.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa takaful ialah satu konsep saling membantu, menjamin dan melindungi antara satu lain. Dalam takaful sekumpulan manusia saling memberikan sumbangan bagi membantu mana-mana ahli yang kurang bernasib baik yang ditimpa kesusahan atau musibah. Dalam operasi pengendalian takaful keluarga pada masa kini, secara umumnya telah mengaplikasikan dua akad asas utama, iaitu akad *iltizām bi tabarru'* dan *wakālah bil-ajr*. *Iltizām bi tabarru'* ialah akad asas menghubungkan sesama peserta takaful kerana peserta tidak dilindungi oleh pengendali takaful, sebaliknya mereka saling melindungi antara satu sama lain. Oleh itu setiap peserta masing-masing membayar sumbangan *tabarru'* secara konsisten.

Akad *wakālah bi al-ajr* pula menjadi akad asas menghubungkan pengendali takaful dengan peserta. Pengendali takaful berperanan menguruskan perkara yang berkaitan dengan operasi takaful seperti urusan pengunderaitan, mengurus dana *tabarru'* dan tuntutan pembayaran pampasan, dan simpanan dan pelaburan. Sebagai balasan mengendalikan, pengendali takaful mengenakan caj wakalah terhadap peserta sebagai upah perkhidmatan yang telah diberikan. Setiap pihak yang terlibat dalam operasi takaful saling berhubung dan memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan aktiviti perlindungan ‘insurans’ takaful. Pihak peserta membayar

¹⁴⁴ Prudential BSN Takaful, Dokumen Sijil Takaful, 23.

¹⁴⁵ Amalan memberi komisen dan bonus ini adalah selari dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Garis panduan tersebut menjelaskan bahawa semua kos yang melibatkan pengurusan operasi takaful termasuk komisen dan perbelanjaan-perbelanjaan lain mestilah diambil daripada dana milik syarikat dan bukan daripada dana takaful. Bank Negara Malaysian, *Guidelines on Takaful Operational Framework*, (no. 11.4), 19-20.

sumbangan *tabarru'* untuk tujuan saling melindungi, manakala pihak pengendali takaful sebagai wakil pula berperanan mengendali dan menguruskan dana *tabarru'* bagi pihak peserta.

Akad yang diaplikasikan PruBSN takaful ialah akad *iltizām bi al-tabarru'* dan akad *wakālah bi al-ajr*. Akad *iltizām bi al-tabarru'* merupakan akad yang menghubungkan sesama peserta untuk saling membantu, saling menjamin dan saling melindungi di antara satu sama lain. Akad yang menghubungkan PruBSN dengan peserta pula ialah akad *wakālah bi al-ajr*. PruBSN berperanan menguruskan dan mengendalikan dana takaful yang disumbangkan oleh para peserta dengan lebih bersistematik. Di samping itu, *wakālah bi al-ajr* juga menjadi akad yang menghubungkan PruBSN dengan ejen takaful yang berfungi sebagai perantara syarikat memasarkan produk, mendapatkan pelanggan untuk produk-produk takaful yang ditawarkan serta memberikan perkhidmatan kepada peserta.

BAB TIGA: PRODUK-PRODUK TAKAFUL KELUARGA DI PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

3.1 Pendahuluan

Umumnya, pelan takaful keluarga adalah merupakan suatu tabungan jangka panjang dan pelan bantuan untuk melindungi individu dan kumpulan dengan menyediakan bantuan bersama sekiranya berlaku sesuatu musibah. Terdapat juga pelbagai pelan takaful tambahan yang boleh disertakan bersama dengan pelan takaful keluarga asas seperti khairat kematian, perlindungan keilatan kekal, perlindungan kemalangan diri serta manfaat hospital¹. Selain untuk persediaan perlindungan daripada musibah, pelan ini turut menawarkan manfaat simpanan dan pelaburan kepada peserta hasil sumbangan dana yang disalurkan oleh para peserta.

Pelan perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan di Prudential BSN Takaful (PruBSN) terbahagi kepada dua bahagian iaitu pelan takaful keluarga individu dan pelan takaful keluarga berkelompok². Namun begitu kajian ini hanya memfokuskan kepada pelan takaful keluarga individu iaitu tiga produk takaful asas di samping beberapa produk takaful *rider* yang boleh disertakan bersama-sama dengan ketiga-tiga produk tersebut. Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan berkaitan dengan produk takaful keluarga yang merangkumi manfaat produk serta terma dan syarat berkaitan dengannya.

¹ Habibas Tolos et al., “Takaful (Insurans Islam)”, dalam *Pengurusan Risiko dan Insurans*, ed. Lim Chee Chee (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003), 238.

² Pelan takaful berkelompok ialah pelan takaful yang ditawarkan kepada pihak majikan bagi melindungi kebaikan para pekerja mereka dalam sesebuah organisasi. Contohnya PruBSN Employee Benefit. Lihat Prudential BSN Takaful, “PruBSN Employee Benefit”, laman sesawang, dicapai 1 Disember 2016, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/prubsn-employee-benefit/>

3.2 Latar belakang syarikat Prudential BSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) merupakan syarikat pengendali takaful yang telah diberikan lesen oleh Bank Negara Malaysia (BNM), telah menjalankan usahasama di antara Prudential plc (Prudential) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan telah memulakan operasi pada tahun 2006³. Pada asalnya Prudential Insurans (Prudential) merupakan syarikat penyedia insurans hayat dan persaraan terkemuka berpusat di United Kingdom yang telah ditubuhkan dalam tahun 1848⁴. Di Malaysia, jenama Prudential sudah menjangkaui 80 tahun bertapak di negara ini melalui Prudential Assurance. BSN pula adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kewangan Malaysia telah ditubuhkan dan dilancarkan secara rasmi oleh Allahyarham Tun Abdul Razak (Perdana Menteri kedua) pada 1 Disember 1974. Dengan pelancarannya, semua tugas dan tanggungjawab di bawah Akta Bank Simpanan Pejabat POS telah diambil alih oleh Bank Simpanan Nasional⁵. Melalui gabungan kedua-dua jenama syarikat yang telah bertapak kukuh dalam industri masing-masing, ia dilihat mampu memberikan perkhidmatan yang baik dari sudut perlindungan takaful ke atas umat Islam di Malaysia umumnya dan peserta takaful khususnya.

Jenama dan logo Prudential BSN Takaful Berhad secara rasminya telah dilancarkan oleh gabenor (kini bekas gabenor) Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Dr Zeti Akhtar Aziz 8 Ogos 2006. Selepas lima tahun beroperasi, PruBSN telah dinobatkan sebagai syarikat takaful keluarga nombor satu di Malaysia selama enam tahun berturut-turut bermula pada tahun 2011. Seterusnya pada tahun 2016 pula, PruBSN telah menerima anugerah Pencapaian Pengeluaran Perniagaan Baru berjumlah RM427.7 juta dengan 36.8 peratus bahagian pasaran seperti yang telah disahkan oleh agensi penarafan

³ IBFIM, *Buku Panduan Asas Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010), 138.

⁴ Walau bagaimanapun, Prudential BSN Takaful Berhad dan Prudential plc tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan Prudential Financial, Inc., iaitu sebuah syarikat perniagaan yang berpusat di Amerika Syarikat. Lihat PruBSN Takaful, “Profil Syarikat”, laman sesawang, dicapai pada 30 November 2016, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-company/our-brand/company-profile/>

⁵ Lihat “Sejarah Kami” Bank Simpanan Nasional, laman sesawang, dicapai 2 Februari 2017 <http://www.mybsn.com.my/content.xhtml?contentId=231>

industri, Insurance Services Malaysia. Pembangunan yang pesat ini adalah hasil daripada pendekatan mesra pelanggan, strategi saluran pengedaran yang pelbagai, penyelesaian inovatif serta kepimpinan teknologi. Berpandukan kepada proposisi “Takaful Untuk Semua. Untuk Kehidupan”, syarikat pengendali takaful ini telah berusaha untuk membina impak yang kuat dan berkekalan bagi membantu membangunkan Malaysia melalui perlindungan kekayaan dan pelaburan dalam pasaran modal, di samping menunaikan visi menjadi operator takaful pilihan pertama masyarakat dan komuniti⁶.

Kini, setelah lebih sepuluh tahun beroperasi pengendali takaful ini mempunyai lebih enam belas ribu orang perunding yang berperanan memberi perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada lebih lapan ratus ribu orang pelanggan di seluruh Malaysia. Sebagai salah sebuah syarikat pengendali takaful bahagian takaful keluarga, PruBSN menawarkan rangkaian produk-produk takaful keluarga yang berasaskan perlindungan, tabungan dan pelaburan. Setiap produk takaful yang dirangka adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan terutamanya masyarakat bumiputera⁷ yang merangkumi lebih 68.6% daripada 3.71 juta orang penduduk di Malaysia⁸.

PruBSN Takaful telah menggariskan visi dan misi yang positif berdasarkan kepada beberapa prinsip dan nilai-nilai yang telah digaris pandukan dalam Islam. Visi utama PruBSN adalah untuk menjadi operator takaful pilihan pertama masyarakat dan komuniti di Malaysia. Manakala, misi utama ialah beriltizam untuk menjamin masa depan keluarga di Malaysia melalui penyelesaian secara inovatif berasaskan kepada

⁶ “Jenama Kami, Aset Kami”, Prudential BSN Takaful, laman sesawang dicapai pada 1 Januari 2017, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-company/our-brand/>

⁷ PruBSN Takaful, laman sesawang, dicapai pada 2 Disember 2016 http://1prubsnadvisor.blogspot.my/2008_10_01_archive.html

⁸ “Penduduk Malaysia 3.71 juta orang pada tahun 2016”, Utusan Online, laman sesawang, dicapai 30 Disember 2016, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/penduduk-malaysia-31-7-juta-orang-pada-20161.356722>

nilai-nilai Islam⁹. Beberapa elemen positif telah diterapkan dan menjadi nilai teras dalam budaya kerja syarikat. Nilai teras tersebut adalah didorong daripada nilai teras kepercayaan iaitu gabungan T.R.U.S.T¹⁰ yang menjadi konsep penting dan penggerak kepada pihak pengurusan syarikat yang mengendali amanah orang ramai.

Menjadi satu tanggungjawab syarikat untuk sentiasa mengamalkan budaya kerja yang bertanggungjawab, jujur dan ikhlas dalam tugas-tugas yang diamanahkan. Di samping itu, budaya saling menghormati dan memelihara hubungan mesra dapat mengeratkan hubungan PruBSN sebagai pengendali yang memberikan perkhidmatan dan pihak peserta sebagai pelanggan. Dengan berteraskan kepada nilai memahami, PruBSN sentiasa berusaha untuk memahami kehendak para pelanggan dan kakitangan dengan menerapkan nilai positif. Budaya memberikan senyuman serta memupuk semangat kerjasama sikap tolong-menolong dan menghulurkan bantuan dengan ikhlas tanpa diminta sebagaimana yang digalakkan dalam Islam¹¹.

3.3 Pelan-pelan dalam produk Takaful Keluarga di PruBSN Takaful

Takaful Keluarga adalah pelan perlindungan yang digabungkan dengan simpanan jangka panjang. Pelbagai pelan perlindungan ditawarkan dalam pelan ini, antaranya perlindungan kemalangan diri, manfaat rawatan di hospital dan simpanan dan pelaburan¹². Dengan mengaplikasikan akad *iltizām bi al-tabarru'* setiap peserta bersetuju untuk menyumbang secara konsisten sebagai komitmen mereka bagi menghadapi risiko-risiko seperti kematian, hilang upaya, kemalangan, penyakit kritikal

⁹“Profil Syarikat”, Prudential BSN Takaful, laman sesawang, dicapai pada 1 Januari 2017, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-company/our-brand/company-profile/>

¹⁰ T.R.U.S.T adalah singkatan bagi Trusworthy, Respect, Understanding, Smile dan Teamwork.

¹¹ Prudential BSN Takaful, “Visi dan Misi”, laman sesawang, dicapai pada 1 Januari 2017, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-company/our-brand/company-profile/>

¹² Habibah Tolos et. al., “Takaful (Insurans Islam)” dalam *Pengurusan Risiko dan Insurans*, ed. Lim Chee Chee (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003), 238.

dan lain-lain. Sekiranya salah seorang peserta dalam kumpulan tersebut ditakdirkan menghadapi musibah atau kecelakaan maka peserta tersebut akan diberi bantuan¹³.

Secara umumnya PruBSN mengendalikan dua jenis pelan perlindungan takaful iaitu, pelan Takaful Keluarga dan pelan Takaful Am. Namun begitu PruBSN lebih memfokuskan kepada perkhidmatan mengendalikan pelan Takaful Keluarga¹⁴. PruBSN menawarkan Takaful Keluarga pelan asas dan pelan tambahan. Pelan Takaful Keluarga asas individu di bahagikan kepada Pelan Simpanan, Pelan Perlindungan, Pelan Pendidikan¹⁵.

3.3.1 Pelan Asas Takaful Keluarga

Prudential BSN menawarkan pelbagai jenis pelan takaful keluarga asas. Antara produk-produk di bawah pelan takaful tersebut ialah, i.) PruBSN *FirstLink*; ii) PruBSN *TakafulLink*; ii) PruBSN *SmartLink*. Setiap produk takaful keluarga asas ini menawarkan manfaat lazim iaitu manfaat kematian, manfaat hilang upaya kekal menyeluruh (TPD)¹⁶. Rajah 3.1 menunjukkan carta ringkasan pelan asas takaful keluarga PruBSN.


¹³ Sudin Haron, *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: KLBS Sdn. Bhd, 2007), 398.

¹⁴ Selain daripada menguruskan takaful keluarga, PruBSN juga mendapat lesen menguruskan takaful yang memberi perlindungan berkaitan dengan rumah dan kemalangan individu. Mohd Faiz dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017.

¹⁵ Prudential BSN Takaful, “Produk Kami”, laman sesawang, dicapai 1 Disember 2016 <https://www.prbsn.com.my/ms/our-products/>

¹⁶ Mohd Nazri Othman (Ejen, Prudential BSN Takaful Berhad) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

Rajah 3.1: Pelan Asas Takaful Keluarga PruBSN



Sumber: Ilustrasi penulis¹⁷

3.3.1.1 PruBSN *FirstLink*¹⁸

PruBSN *FirstLink*¹⁹ merupakan salah satu produk takaful berkaitan pelaburan (*link series*) yang paling mendapat sambutan²⁰. Ia mula ditawarkan pada tahun 2011. Setiap manfaat perlindungan dan simpanan yang ditawarkan dalam produk ini adalah bagi memenuhi keperluan pasaran dan kemaslahatan golongan belia. Mereka boleh membuat perancangan kewangan demi kemaslahatan dan kesejahteraan hidup mereka di masa akan datang. Antara manfaat dan kelebihan lazim yang ditawarkan bagi pelan ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Manfaat kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh (TPD).

Sekiranya peserta meninggal dunia lebih awal atau TPD²¹ sebelum tempoh sijil matang, 100% daripada jumlah manfaat perlindungan asas dan ditambah baki-baki yang terdapat dalam akaun unit peserta (IUA) akan dibayar kepada peserta atau waris terdekat,

¹⁷ Berdasarkan kepada penerangan temu bual dengan ejen PruBSN Takaful dan Laman sesawang PruBSN <https://www.prbsn.com.my/ms/our-products/>

¹⁸ Prudential BSN Takaful, “PruBSN FirstLink” laman sesawang dicapai 30 Disember 2016 <https://www.prbsn.com.my/ms/our-products/products/prbsn-firstlink/>

¹⁹ Selepas ini disebut *FirstLink*.

²⁰ Mohd Faiz dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017.

²¹ Total Permanent Disability (TPD) atau hilang upaya kekal bermaksud seseorang yang memerlukan penjagaan dan perhatian berterusan, dan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit mesti tinggal di rumah di bawah penyeliaan perubatan atau di hospital atau institusi yang seumpama dengannya. Hilang upaya tersebut mesti kekal dan berlanjutan sekurang-kurangnya selama serratus lapan puluh (180) hari secara berterusan.

tertakluk kepada terma dan syarat yang tertulis dalam dokumen sijil. Manfaat TPD ini akan dibayar sehingga umur peserta 70 tahun.

ii. Bonus Pencapaian kali Pertama (*FirstAchieve*²²)

Bonus RM500 akan diberikan kepada peserta bagi meraikan salah satu daripada peristiwa yang penting dalam hidup sama ada berkahwin, mendapat anak, menerima ijazah. Bonus ini akan dibayar satu kali sahaja. Selain itu Bonus *Loyalty* sumbangan perlindungan tahunan 5% sebagai penghargaan sekiranya peserta lengkapkan tahun sijil kesepuluh, dan setiap tiga tahun sekali yang membayar sumbangan berkala secara konsisten. Di bawah berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat pelan takaful *FirstLink*:

- i. *FirstLink* sesuai disertai oleh mereka yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 25 tahun. Ia boleh diubahsuai mengikut keperluan peringkat kehidupan individu.
- ii. Peserta boleh memilih tempoh matang sijil takaful ini sama ada mencapai umur 80 atau 100 tahun.
- iii. Sumbangan bulanan minimum bagi produk ini ialah RM100. Jumlah perlindungan asas minimum bagi produk ini adalah RM25,000.
- iv. Bagi tujuan peningkatan simpanan dan pelaburan, tiga dana yang boleh dipilih iaitu Dana Urus, Dana Ekuiti atau Dana Ekuiti Dinasti. Manakala untuk mengekalkan simpanan, peserta boleh memilih TakafulLink Dana Bon²³.
- v. Sekiranya pada masa akan datang peserta tidak mampu membayar sumbangan disebabkan oleh hilang pekerjaan, maka pelan ini akan memastikan bahawa perlindungan peserta akan berterusan sehingga enam bulan dengan syarat peserta perlu mengambil pelan *rider* berkaitan *contributor*.

²² Dengan satu kali tuntutan sahaja sebelum peserta mencapai umur 50 tahun. Contohnya, membeli rumah pertama, berkahwin, melahirkan anak, menunaikan ibadah haji atau ibadah umrah, atau memperoleh ijazah pasca siswazah.

²³ Keempat-keempat jenis pelaburan tersebut telah pengkaji nyatakan di bahagian carta aliran operasi takaful *wakalah bi al-ajr* (penerangan nombor tiga).

- vi. Selain itu produk *FirstLink* ini juga boleh dilampirkan bersama-sama dengan pelan tambahan atau pelan *rider*²⁴ untuk perlindungan yang lebih komprehensif.

3.3.1.2 PruBSN *TakafulLink*²⁵

Produk PruBSN *TakafulLink* merupakan pelan takaful perlindungan berkaitan pelaburan. Setiap manfaat yang ditawarkan di bawahnya adalah komprehensif dan menyeluruh mengikut keperluan pasaran dan kemaslahatan terutamanya golongan pertengahan sehingga ke warga emas. Dengan lain maksud *TakafulLink* merupakan pelan yang sesuai untuk golongan dewasa. Di samping manfaat perlindungan lazim, peserta juga boleh membuat perancangan simpanan dan pelaburan sebagai persiapan selepas persaraan. Manfaat-manfaat yang ditawarkan oleh *TakafulLink* adalah seperti berikut:

i. Manfaat kematian atau TPD

Jika berlaku kematian awal peserta bayaran manfaat lazim diberikan kepada penama atau ahli keluarga peserta. Manfaat yang dibayar adalah 100% daripada jumlah perlindungan (PUA) bersama-sama dengan baki daripada akaun pelaburan (IUA)²⁶. Sekiranya peserta ditakdirkan hilang upaya kekal dan menyuruh, peserta akan dibayar manfaat yang diambil 100% daripada jumlah perlindungan ditambah daripada baki akaun pelaburan dan tamat pada umur 70 tahun.

ii. Pengeluaran separa

Peserta boleh memilih untuk membuat pengeluaran daripada baki PUA dan IUA pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu tempoh matang. Pengeluaran tersebut adalah dengan jumlah nilai pelepasan (*total surrender value*) telah melebihi RM1000.

²⁴ Pelan *rider* diterangkan selepas bahagian takaful pelan asas.

²⁵ Prudential BSN Takaful, “PruBSN *TakafulLink*” laman sesawang dicapai 30 Disember 2016 <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/prubsn-takafullink/>

²⁶ Pulangan pelaburan adalah didasarkan kepada prestasi sebenar dan ia tidak dijamin.

iii. Bonus *Loyalty* (Kesetiaan)

Bonus *Loyalty* diberikan bagi menghargai peserta yang konsisten membayar sumbangan takafulnya. Bonus tersebut ialah perlindungan tahunan 5% di mana ia akan diberikan selepas lengkap tahun sijil kesepuluh, dan setiap tiga tahun sekali selepas itu sebagai menghargai peserta yang membayar sumbangan berkala secara konsisten.

Di bawah berikut pula merupakan beberapa terma dan syarat pelan takaful *TakafulLink*:

- i. Boleh disertai oleh individu yang berumur antara 26 hingga 70 tahun.
- ii. Tempoh sumbangan dan tempoh matang pelan adalah sehingga berumur 80 tahun atau 100 tahun.
- iii. Sumbangan minimum²⁷ adalah RM100 sebulan dengan jumlah perlindungan minimum adalah sebanyak RM25,000.
- iv. Terdapat tiga pelan pelaburan pilihan ditawarkan sama ada *TakafulLink Dana Urus*, *Dana Ekuiti* atau *Dana Ekuiti Dinasti* bagi peserta yang berhasrat untuk meningkatkan simpanan. Manakala jika peserta ingin mengekalkan simpanan, peserta boleh memilih jenis pelaburan dana yang lebih terjamin iaitu *TakafulLink Dana Bon*.
- v. Selain itu produk *TakafulLink* ini juga boleh dilampirkan bersama-sama dengan pelan tambahan atau pelan *rider* untuk perlindungan yang lebih komprehensif.

²⁷ Amaun sebenar sumbangan adalah bergantung kepada umur, amaun perlindungan, umur kematangan yang dipilih, status kesihatan, jantina, pekerjaan dan tempoh perlindungan.

3.3.1.3 PruBSN *SmartLink*²⁸

Membuat persediaan awal adalah amat penting bagi para ibu bapa dalam menghadapi peningkatan kos yuran pengajian institusi pengajian awam atau swasta yang dijangka meningkat. Tambahan pula setiap anak-anak berhak mendapat pendidikan yang sempurna demi kesejahtaeraan masa depan mereka. Produk PruBSN *SmartLink* menawarkan gabungan manfaat perlindungan dan simpanan khas pendidikan yang dirangka khusus demi kemaslahatan masa depan kanak-kanak hingga remaja. Pelan ini boleh disertai oleh kanak-kanak dan remaja bermula umur setahun hingga 18 tahun. Selain itu, ibu hamil juga boleh menyertainya demi kemaslahatan anak dalam kandungan yang berusia lebih dua puluh minggu²⁹.

Manfaat produk ini adalah kematian atau hilang upaya kekal (TPD). Di samping itu produk ini juga menawarkan manfaat simpanan jangka panjang demi keperluan pendidikan terjamin. Antara ciri-ciri dan manfaat pelan ini adalah:

- i. Sumbangan minimum bulanan adalah RM50 dengan jumlah perlindungan minimum RM25,000.
- ii. Pelan ini adalah *fleksibel* di mana peserta boleh memilih tempoh matang sijil sama ada tamat apabila anak mencapai umur 25 tahun atau menyambung sehingga 80 atau 100 tahun.
- iii. Apabila sijil takaful matang, peserta akan dibayar jumlah baki yang terkumpul daripada akaun-akaun pelaburan. Namun, sekiranya ditakdirkan berlaku musibah ke atas orang yang dilindungi (anak) sebelum berumur 5 tahun (meninggal dunia) maka manfaat perlindungan asas akan dibayar kepada pembayar (ibu/bapa)

²⁸Prudential BSN Takaful “PruBSN SmartLink”, laman seswang dicapai pada 1 Januari 2017 <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/prubsn-smartlink/>

²⁹ PruBSN SmartLink merupakan pelan takaful pertama di Malaysia ditawarkan untuk anak yang belum dilahirkan. “PruBSN SmartLink, pelan takaful pertama untuk anak belum lahir”, Sinar Harian Online, laman seswang, dicapai 13 Julai 2017 <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/prubsn-smartlink-pelan-takaful-pertama-untuk-anak-belum-lahir-1.92015>

- mengikut jumlah perlindungan asas yang dikurangkan berdasarkan had umur anak.
- iv. Jika peserta ditakdirkan hilang upaya kekal dan menyeluruh, jumlah perlindungan akan dibayar sebelum berumur 70 tahun atau tamat tempoh sijil, yang mana terdahulu.
 - v. Peserta yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, PruBSN akan menganugerahkan Bonus EduSmart³⁰. Bonus ini adalah bergantung kepada jumlah sumbangan tahunan yang dibayar oleh peserta, di mana lebih tinggi sumbangan tahunan yang dibayar oleh peserta dalam pelan ini, lebih tinggi anugerahnya³¹. Pencapaian minimum: UPSR³² (5A), PT3³³ (7A), SPM³⁴ (8A), STPM³⁵ atau STAM³⁶ (4A), GCSE³⁷ (5A), A-LEVEL³⁸ (3A), IB³⁹ (42 mata) dan Diploma atau Ijazah⁴⁰(CGPA 3.5 atau kelas pertama).
 - vi. Bonus Loyalti 5% akan diberikan atas sumbangan yang dibayar secara konsisten daripada sumbangan perlindungan tahunan selepas lengkap tahun sijil ke-10 dan setiap 3 tahun sekali selepas itu.
 - vii. Peserta juga boleh membuat pengeluaran⁴¹ daripada dana pendidikan untuk menampung perbelanjaan pendidikan tinggi anak-anak.
 - viii. Pelan PruBSN *SmartLink* ini juga boleh dilampirkan bersama-sama dengan pelan tambahan atau pelan *rider* tertentu.

³⁰ Untuk tuntutan EduSmart Bonus, peristiwa ini mestilah berlaku selepas sijil berkuasa lebih tiga tahun dan sumbangan yang dikemaskini.

³¹ Contohnya, pembayaran untuk sumbangan perlindungan tahunan berjumlah RM1200.

³² 50% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³³ 100% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³⁴ 150% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³⁵ 150% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³⁶ 150% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³⁷ 150% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³⁸ 150% daripada jumlah sumbangan tahunan.

³⁹ 150% daripada jumlah sumbangan tahunan.

⁴⁰ 200% daripada jumlah sumbangan tahunan.

⁴¹ Termasuk Bonus Loyalti yang telah dikumpulkan.


3.3.2 Pelan Tambahan Takaful Keluarga

Selain pelan takaful asas, PruBSN juga menawarkan pelan tambahan atau pelan *rider*⁴² yang boleh disertakan bersama-sama dengan pelan asas selagi mana pelan asas masih lagi berkuat kuasa. Secara kiasannya, pelan asas takaful boleh diibaratkan sebagai sebuah kereta, manakala pelan *rider* pula adalah beg udara bagi memberikan perlindungan yang lebih optimum kepada pemandu kereta. Pelan *rider* yang ditawarkan adalah bagi membolehkan peserta menambah perlindungan agar lebih komprehensif. Pelan *rider* tersebut merangkumi pelan kemalangan, pelan perubatan, pelan kanak-kanak dan pelan manfaat kepada penyumbang.

Rajah 3.2 menunjukkan beberapa jenis pelan tambahan atau pelan *rider* yang boleh dilampirkan bersama-sama dengan pelan asas produk takaful keluarga.

⁴² Sila lihat “Pelan Rider”, Prudential BSN, laman sesawang, di capai 1 Disember 2016 <https://www.prbsn.com.my/ms/our-products/rider-plans/>

Rajah 3.2: Pelan Takaful Tambahan



Sumber: Ilustrasi Penulis⁴³

⁴³ Berdasarkan kepada penerangan temu bual dengan ejen PruBSN Takaful dan Laman sesawang PruBSN <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/>

3.3.2.1 Takaful Kemalangan

Bagi manfaat pelan perlindungan tambahan berkaitan dengan kemalangan, PruBSN menawarkan *Accident Death & Disablement (ADD)*, *Accident Medical Reimbursement (AMR)* atau Rider *Weekly Indemnity (WI)*⁴⁴.

Manfaat ADD ialah elaun khairat kematian RM2000 kepada penama atau ahli keluarga jika peserta meninggal dunia disebabkan kemalangan atau kematian biasa. Sekiranya berlaku kematian di tempat awam atau ketika dalam kenderaan awam yang bergerak atas jalan raya atau landasan yang mempunyai jadual perjalanan dan laluan yang tetap manfaat ADD akan digandakan dua kali ganda. Contohnya jika manfaat sebenar ADD ialah RM3000 maka ia akan menjadi RM6000. Sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan kecederaan badan peserta dan berlaku dalam tempoh dua belas bulan daripada tarikh kemalangan maka manfaat ADD akan dibayar mengikut peratusan daripada jumlah perlindungan manfaat ADD selaras dengan skala manfaat yang ditetapkan. Contohnya jika peserta kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal menyeluruh dan disahkan tidak boleh dipulihkan maka peserta akan dibayar 100% daripada peratusan amaun manfaat ADD. Contoh lain, jika peserta hilang empat jari tangan kanan maka 40% daripada peratusan amaun manfaat ADD akan dibayar kepada peserta.

Manfaat AMR pula membayar semula kos perbelanjaan rawatan perubatan yang dibayai oleh peserta disebabkan kemalangan dalam tempoh 104 minggu daripada tarikh berlaku kemalangan. Pampasan yang dibayar dalam pelan ini adalah berdasarkan kepada had bagi setiap kes yang berlaku dan bukan had bagi setiap tahun.

Sekiranya peserta hilang upaya menyeluruh sementara disebabkan kemalangan atau mendapat elaun cuti sakit akibat kemalangan maka Rider WI membayar ganti rugi atau

⁴⁴ Prudential BSN Takaful, Pelan Takaful Rider Kemalangan “Accidental Reimbursement” <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/rider-plans/accident/accidental-medical-reimbursement/>, Laman sesawang, dicapai pada 25 Januari 2018.

pampasan mingguan. Manfaat tersebut dibayar berdasarkan kepada jumlah keseluruhan 104 minggu, iaitu RM100 seminggu untuk hilang upaya menyeluruh dan sementara dan RM50 seminggu untuk hilang upaya separa dan sementara.

3.3.2.2 Takaful Perubatan dan kesihatan

Pelan rider perubatan yang boleh disertakan dengan *FirstLink*, *TakafullLink* atau *SmartLink* ialah *HealthEnrich+* (HE+)⁴⁵, *Crisis Shield*, *Crisis Cover Plus*. *Health Enrich+* ialah produk takaful berkaitan dengan kesihatan dan perubatan. Sekiranya peserta menyertai produk ini maka peserta akan diberikan kad kesihatan yang mempunyai nilai tertentu bergantung kepada jumlah yang ditetapkan ketika diawal perjanjian. Kad kesihatan HE+ berperanan membiayai kos perbelanjaan perubatan sekiranya peserta dimasukkan ke hospital, menjalani pembedahan atau menerima rawatan sebagai pesakit luar. Harga sumbangan minimum bagi produk HE+ ialah RM83 sebulan. Namun begitu bayaran tersebut juga bergantung kepada faktor-faktor seseorang individu seperti jantina, umur, gaya hidup sama ada merokok atau tidak dan lain-lain.

Rider *Crisis Shield* (CS) pula ialah produk takaful yang menawarkan perlindungan bagi melindungi punca pendapatan peserta takaful apabila disahkan menghidap salah satu daripada tiga puluh enam (36) jenis penyakit kritikal yang disenaraikan oleh PruBSN. Peserta akan menerima minimum⁴⁶ RM20,000 wang pampasan apabila disahkan menghidap salah satu daripada 36 jenis penyakit kritikal. Berikut adalah senarai 36 jenis penyakit kritikal:

⁴⁵ Produk *HealthEnrich+* mempunyai empat pilihan iaitu HE+ Vital, HE Select, HE+ Premier dan HE+ Advanced. Sebagai contoh dengan HE+ Vital peserta akan mendapat manfaat bilik wad yang berharga RM200 per hari sekiranya perlu dimasukkan ke wad. Had maksimum manfaat bilik wad ialah 120 hari dalam setahun. Elaun rawatan RM100 per hari diberikan untuk rawatan kemoterapi, dialisis buah pinggang, penjagaan susulan penyakit jantung. Untuk rawatan pesakit luar disebabkan kemalangan kad ini boleh dimanfaatkan sehingga RM1500 per tahun.

⁴⁶ Jumlah yang dibayar adalah bergantung kepada bayaran sumbangan yang dibayar oleh peserta. Jika bayaran sumbangan *tabarru*'nya tinggi maka bayaran manfaat pampasannya juga tinggi.

Rajah 3.3: Senarai 36 Penyakit Kritikal

Buta	Pembedahan otak	Tumor otak benign
Kanser	Kardiomiopati	Penyakit sistik medular
Koma	Pekak	Penyakit neuron motor
Strok	Hepatitis viral fulminan	Kelumpuhan anggota
Serangan jantung	Ensefalitis	Pembedahan aorta
Anemia aplastik kronik	Hilang keupayaan bertutur	Meningitis bakteria
Trauma kepala major	Sklerosis Multipel	Kelecuran tahap ketiga
Pembedahan injap jantung	Penyakit Parkinson	Kegagalan hati tahap akhir
Penyakit arteri koronari serius	Hipertensi arteri pulmonari primer	Kegagalan buah pinggang
Transplant organ utama/ sumsum tulang	Penyakit paru-paru tahap akhir	Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
Penyakit Alzheimer/ Demensia teruk	Pembedahan pintasan arteri koronari	AIDS dengan gejala penuh
Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	Lupus eritematosus sistemik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk	Jangkitan HIV melalui transfusi darah

Sumber: www.prubsn.com.my⁴⁷

3.3.2.3 Takaful Penyumbang (*Contributor*)

Rider penyumbang (*Contributor*⁴⁸) merupakan pelan yang akan memberikan manfaat perlindungan kewangan yang berterusan kepada diri peserta sendiri atau orang di bawah jagaannya, contohnya ibu bapa, isteri atau anak-anak. Untuk pelan takaful berkaitan pelaburan (*link-series*⁴⁹) terdapat sembilan jenis produk tambahan di bawah pelan Rider Penyumbang yang boleh disertakan. Produk-produk pelan *rider* penyumbang yang boleh disertakan dengan pelan PruBSN *FirstLink* dan *TakafulLink* ialah *rider Spouse Contributor*, *rider Takaful Server Contributor* dan *rider Takaful Saver Spouse Contributor*. Produk *rider* yang boleh dilampirkan dengan PruBSN *FirstLink*, *TakafulLink* dan *SmartLink* pula ialah *rider Contributor*. Manakala untuk produk asas

⁴⁷ Prudential BSN Takaful, Senarai 36 Jenis Penyakit Kritikal: Senarai Perbandingan Antara Penyakit Kritikal Semasa dan Baru, Laman sawang https://www.prubsn.com.my/export/.../36_critical_illness_bm.pdf, dicapai 30 Januari 2018.

⁴⁸ Rider *contributor* (penyumbang) adalah pelan tambahan yang akan berperanan meneruskan manfaat pembayaran sumbangan takaful peserta sekiranya berlaku musibah ke atas dirinya.

⁴⁹ PruBSN *FirstLink*, PruBSN *TakafulLink* dan PruBSN *SmartLink*.

SmartLink sahaja pula terdapat empat produk takaful tambahan yang boleh disertakan iaitu rider *Parent Contributor*, *Takaful Server Parent Contributor*, *Joint Contributer*, dan *Takaful Server Joint Contributer*.

Sebagai contoh, sekiranya peserta mengambil pelan asas PruBSN *Smart Link* untuk perlindungan kewangan bagi pendidikan anak-anak, peserta boleh sertakan bersama *rider Takaful Saver Parent Contributor*⁵⁰. Pelan ini akan memberikan manfaat tahunan bersamaan dengan pelaburan kepada anak (orang yang dilindungi) apabila ibu bapa atau penjaga sebagai pembayar hilang keupayaan kekal menyeluruh sebelum berumur 70 tahun atau didiagnosis dengan penyakit kritikal atau meninggal dunia. Dengan lain maksud, manfaat pelan ini bukan setakat menyimpan malahan juga manfaat sedia ada dalam pelan itu juga akan kekal seperti biasa. Anak yang ditinggalkan oleh ibu bapa atau penjaga disebabkan oleh sakit kritikal, hilang upaya atau meninggal dunia tidak akan dibiarkan begitu sahaja tanpa terjaga tetapi dibantu dengan sebaik mungkin agar boleh meneruskan kehidupan meskipun telah kehilangan insan yang disayangi.

Berdasarkan kepada huraian berkaitan dengan manfaat takaful keluarga pelan *rider* yang disenaraikan di atas, di sini dapat disimpulkan bahawa, pelan rider hanya boleh disertai oleh peserta sekiranya dia menyertai pelan asas. Apabila peserta mengambil pelan rider maka dia perlu membayar sumbangan tambahan berdasarkan kepada rider-rider yang disertainya. Jika peserta tidak mengambil pelan rider maka dia tidak akan dilindungi sekiranya berlaku apa-apa musibah yang tidak terdapat di dalam pelan takafulnya. Misalnya, Iqbal tidak mengambil pelan rider perubatan dan kesihatan bersama-sama dengan pelan asas yang disertainya. Oleh itu, sekiranya dia ditimpa sakit seperti demam dan dimasukkan ke hospital, maka dia atau ahli keluarganya tidak boleh menuntut manfaat kemasukan ke hospital daripada pihak syarikat kerana ia tidak dilindungi di dalam pelan takafulnya.

⁵⁰ Prudential BSN Takaful, Rider Contributor, “Takaful Saver Parent Contributor”, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/rider-plans/contributor/takaful-saver-parent-contributor/>

Apabila seseorang bakal peserta (prospek) berhasrat untuk mendaftar sebagai peserta takaful di PruBSN maka dia perlu mengisi borang berkaitan yang mengandungi maklumat asas diri, butiran cadangan takaful keluarga iaitu jenis takaful iaitu takaful asas dan takaful tambahan, butiran perlindungan takaful keluarga sedia ada dan penggantian sijil atau polisi. Selain itu prospek juga diminta untuk melengkapkan butiran berkaitan maklumat kesihatan, melantik penama, membuat pengakuan dan pemberian hak kuasa melantik PruBSN sebagai wakil yang berasaskan kepada akad *wakālah bi al-ajr* bagi mengurus dan melabur dana takaful bagi pihak peserta. Di samping itu persetujuan daripada prospek juga diperlukan bagi menentukan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju penolakan unit-unit daripada akaun simpanan (IUA) ditolak untuk membayar potongan *tabarru'* (PUA) sekiranya terdapat tunggakan bagi perlindungan manfaat tambahan (jika ada).

3.4 Kesimpulan

Syarikat Prudential BSN Takaful (PruBSN) merupakan salah sebuah syarikat pengendali takaful di Malaysia. Dari sudut pelan-pelan takaful keluarga yang ditawarkan sama ada dalam pelan asas dan pelan rider pula secara umumnya dilihat dapat memenuhi keperluan dan memberi manfaat kepada masyarakat dan para peserta yang menyertai takaful daripada pelbagai lapisan umur bermula dalam daripada bayi dalam kandungan hingga warga emas.

Berdasarkan kepada huraiyan berkaitan dengan manfaat takaful yang disenaraikan di atas, di sini dapat disimpulkan bahawa, pelan takaful *rider* hanya boleh disertai oleh peserta sekiranya dia menyertai pelan asas. Apabila peserta mengambil pelan *rider* maka dia perlu membayar sumbangan tambahan berdasarkan kepada *rider-rider* yang disertainya. Jika peserta tidak mengambil pelan *rider* maka dia tidak akan dilindungi sekiranya berlaku apa-apa musibah yang tidak terdapat di dalam pelan takafulnya. Misalnya, seseorang itu tidak mengambil pelan *rider* perubatan dan kesihatan bersama-sama dengan pelan asas yang disertainya. Oleh itu, sekiranya dia ditimpa sakit seperti demam dan dimasukkan ke hospital, maka dia tidak boleh menuntut manfaat takaful kemasukan ke hospital kerana ia tidak dilindungi oleh pelan takafulnya.

BAB EMPAT: ANALISIS PEMAKAIAN *MASLAHAH* DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA

4.1 Pendahuluan

Maslahah merupakan elemen yang penting dalam menilai sesuatu produk dalam kewangan Islam sama ada selari ianya dengan tuntutan Syarak ataupun tidak. Ini kerana walaupun produk yang ditawarkan telah melalui proses tertentu dan diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia namun pengaplikasian produk tersebut masih terdedah kepada beberapa isu tertentu khususnya melibatkan aspek *maslahah* dan *mafsadah*. Isu-isu yang sering diutarakan terhadap takaful keluarga ialah isu berkaitan dengan akad yang digunakan dalam penawaran produk, manfaat yang tidak jelas khususnya berkaitan dengan wanita hamil, isu lebihan dana (*surplus*), sumbangan atau caruman takaful yang tinggi, serta status ejen dan syarikat dalam takaful. Justeru itu isu-isu ini akan dikaji terlebih dahulu dalam menilai pemakaian *maslahah* dalam produk takaful keluarga PruBSN Takaful selari dengan *maqāṣid al-shari‘ah*. Bab ini akan menfokuskan analisis pemakaian *maslahah* dalam produk takaful keluarga PruBSN. Untuk mengenalpasti elemen *maslahah* yang diterima pakai analisis dibuat melalui penelitian terhadap sijil takaful, manfaat yang ditawarkan serta akad yang diapliksikan di Prudential BSN Takaful Berhad.

4.2 Definisi *Maslahah*

Secara umumnya, *maslahah* telah diterjemahkan dengan istilah yang pelbagai bergantung kepada kesesuaian dan keadaan tertentu. Justeru, berikut dikemukakan definisi *maslahah* dari sudut bahasa dan istilah menurut pandangan para ulamak silam dan kontemporari.

4.2.1 (a) *Maṣlaḥah* dari sudut bahasa

Maṣlaḥah merupakan kalimah bahasa Arab dari sudut pertimbangan dan makna merupakan sinonim bagi manfaat. Menurut Ibn Manzūr dalam *Lisān al-‘Arab*, *maṣlaḥah* merupakan perkataan yang terbentuk daripada kalimah *maṣdar ṣalaha*. Ia merupakan kata tunggal daripada perkataan *al-maṣāliḥ*, yang bermaksud setiap yang ada padanya manfaat sama ada dengan menarik atau menghasilkan faedah dan kelazatan atau pun dengan menolak atau menjauhi kemudaratan dan kesakitan. Justeru, ianya layak dinamakan sebagai *maṣlaḥah*¹.

Manakala *antonim* bagi *al-maṣlaḥah* ialah *al-mafsadah*, iaitu sesuatu yang boleh mendatangkan kerosakan dan kemudaratan. Sebagaimana yang disebut dalam *Kamus al-Muhiṭ* perkataan *al-ṣalah* (kebaikan) adalah lawan bagi *al-fasad* (kerosakan); memperbaiki sesuatu lawan merosakkannya, melakukan kemaslahatan lawan bagi kerosakan². Begitu juga dalam kitab *Miṣbāḥ al-Munīr* yang menjelaskan kalimah *ṣalaha* dan *ṣaluha* yang dibaca *fathah* dan *dammah* bagi huruf *lam* merupakan kata *antonim* bagi *fasada*. Perkataan *aṣlaha* membawa makna mendatangkan kebaikan (*al-khair*) dan kebenaran (*al-ṣawāb*). Dari sudut ungkapan suruhan (*al-amr*) bagi *maṣlaḥah* pula ia membawa maksud sesuatu itu mengandungi kebaikan dan jamak bagi *maṣāliḥ*³. Di samping itu, perkataan *maṣlaḥah* juga digunakan Bahasa Melayu yang diistilahkan sebagai maslahat. Kamus Dewan telah menterjemahkan maslahat sebagai sesuatu yang berfaedah (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah⁴.

¹ Ibn Manzūr, *Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī*, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Fikr, 1972), 2: 348.

² Muḥammad Ibn Ya‘aqūb al-Fayrūz Ābādī, *Al-Qāmūs al-Muhiṭ* (Beirut: Muassasat al-Risālah’, 1987), 1:235; Tāhir Aḥmad al-Zāwīy, *Tartib al-Qamus al-Muhiṭ ‘Ala Tariqah al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghah* (Al-Qaherah: ‘Isa al-Babi al-Halabi, 1970), 839.

³ Al-Fayyūmī al-Maqra‘ī, Aḥmad bin Muḥammad Bin ‘Ali, *Al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Lubnan: Maktabah Lubnan, 1987), 132.

⁴ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1003, entri “maslahah.”

4.2.1 (b) *Maṣlaḥah* dari sudut istilah

Dengan menggunakan intipati yang sama mengikut kesesuaian penggunaannya, pengertian *maṣlaḥah* telah dikemukakan dengan pelbagai istilah oleh para ulama usul silam dan kontemporari. Secara prinsipnya *maṣlaḥah* menurut pandangan Imām Al-Ghazzālī adalah sesuatu perkara yang boleh mendatangkan manfaat dan menghindarkan kemudaratan⁵. Beliau menambah, teori *maṣlaḥah* dan *mafsadah* bukan sekadar itu sahaja akan tetapi kemanfaatan dan kemudaratan itu mestilah dalam kerangka makna hakiki iaitu bertujuan memelihara *darūriyyāt al-khams* (lima kepentingan asas) iaitu *hifż al-dīn*, *hifż al-nafs*, *hifż al-‘aql*, *hifż al-nasab* dan *hifż al-māl* selari *maqāṣid al-shari‘ah* (objektif syarak) biarpun ianya berlawanan dengan kehendak dan hawa nafsu manusia. Ini kerana penerimaan *maṣlaḥah* dan penolakan *mafsadah* menurut andaian manusia tidak selamanya didasarkan kepada objektif dan kehendak syarak. Secara maknawinya pula, *maṣlaḥah* merupakan asbab tercapainya sesuatu manfaat. Beliau berpandangan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* mestilah bersumberkan al-Qurān, al-Sunnah, Ijma’ dan Qiyās. Oleh itu sekiranya berlaku sesuatu perkara yang bertentangan dengan nas maka *maṣlaḥah* dan *mafsadah* tersebut dengan sendirinya akan tertolak⁶.

Di samping itu, al-Khawārizmī mentakrifkan *maṣlaḥah* sebagai memelihara tujuan syarak dengan menghindari kerosakan atau kemudaratan daripada makhluk⁷. Imam Al-Shāṭibī pula menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *maṣlaḥah* ialah pemeliharaan terhadap *maṣlaḥah* dan penolakan *mafsadah* itu adalah yang selari dengan kelangsungan hidup di dunia bagi tujuan kehidupan akhirat. Beliau juga menegaskan

⁵ Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Al-Muṣṭaṣfa Min ‘Ilm al-Uṣūl*, cet. 1 (Beirut: Dar al-Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi, t.t), 2:216-217.

⁶ *Ibid.*

⁷ Takrif al-Khawarizmi ini dipetik daripada Yusuf Hamid al-‘Alim, *Al-Maqasid al-‘Ammah li al-Syari‘ah al-Islamiyyah* (Virginia: The International Institute of Islamic Thought, 1991), 135.

bahawa *maṣlahah* dan *mafsadah* itu bukanlah yang berlandaskan hawa nafsu dalam memberikan kebaikan dan menolak keburukan⁸.

Sebenarnya, jika diperhalusi pengertian yang dikemukakan oleh kedua-dua ulama ini dilihat selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazzālī dalam konteks setiap kemaslahatan dan kemudaratan sesuatu perkara itu mestilah didasarkan kepada *maqāṣid al-shari‘ah* di samping menjaga hak-hak sebagai seorang hamba Allah s.w.t dan bukan kepada logik akal semata-mata. Walau bagaimanapun definisi *maṣlahah* yang dikemukakan oleh al-Khawārizmī hanya membataskan penjagaan objektif syarak dengan menolak kemudaratan tanpa mengambil kira aspek yang lebih utama iaitu menarik kemanfaatan terhadap manusia.

Najm al-Dīn Al-Tūfī pula menjelaskan bahawa *maṣlahah* dapat dilihat melalui dua sudut yang berbeza. Pertama, secara adatnya *maṣlahah* merupakan faktor penyebab kepada tercapainya sesuatu manfaat. Beliau telah mengemukakan contoh bagi menjelaskan *maṣlahah* tersebut. Dengan sebab seseorang itu menjalankan sesuatu perniagaan maka dia beroleh keuntungan. Yang kedua, dari sudut pandangan hukum Islam pula, beliau menyatakan *maṣlahah* adalah sebab yang membawa akibat bagi tercapainya sesuatu hukum syarak sama ada dari segi ibadah mahupun adat. Beliau telah membahagikan *maṣlahah* tersebut kepada dua bahagian, merangkumi *maṣlahah* yang dikehendaki oleh pencipta hukum dalam hal yang bersangkutan dengan hak dalam ibadah serta *maṣlahah* yang ditujukan bagi memenuhi kemaslahatan manusia dan undang-undang yang berkaitan dengan urusan kehidupan mereka seperti mu‘amalat dan adat⁹. Beliau menegaskan bahawa *maṣlahah* pada pandangan Pencipta hukum sebenar adalah berbeza dengan *maṣlahah* pada pandangan manusia.

⁸ Al-Shāṭibī, Abū Ishaq Ibrāhīm Bin Mūsa al-Lakhmi al-Gharnāṭī al-Mālikī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari‘ah* ed. Shaykh ‘Abd Allah Darraz (Qaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2003), 2:31.

⁹ Hassan, Hussayn Ḥamid, *Nazariyah al-Maṣlahah fī al-Fiqh al-Islāmi* (Al-Qaherah: Maktabah al-Mutanabbi, 1981), 9.

Konklusinya, sebagaimana definisi *maṣlahah* berdasarkan kepada pandangan yang dikemukakan oleh para ulama usul di atas ialah terdapat persamaan dan perbezaan pandangan di antara mereka. Dari sudut persamaan, semua bersepakat menyatakan bahawa intipati *maṣlahah* adalah memelihara kebaikan atau kemanfaatan. Manakala dari sudut perbezaan pula, sesetengah daripada ulama tersebut menjelaskan bahawa *maṣlahah* itu mestilah memelihara terhadap tujuan syarak manakala sesetengah daripada ulama lain pula tidak menyentuh perkara tersebut.

4.2.2 Pembahagian *maṣlahah*

Maṣlahah secara umumnya mempunyai pembahagian yang berbeza. Dalam melakukan penilaian terhadap objektif syari‘ah, Muhammad Sa‘id al-Yūbī¹⁰ telah membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu,: (i) *Maṣlahah* dari aspek pemakaian, kepentingan dan keutamaan (*maṣlahah darūriyyah*, *maṣlahah ḥājiyyah*, dan *maṣlahah taḥṣīniyyah*), (ii) *Maṣlahah* dari aspek pemeliharaan terhadap tahap tinggi rendah tujuan asal dan sampingan (*maqsad asliyyah* dan *maqsad tab‘iyyah*), (iii) *Maṣlahah* dari aspek kesyumulan pemeliharaan (*maṣlahah ‘āmmah*, *maṣlahah aghlabiyyah* dan *maṣlahah khaṣṣah*). Di bawah berikut dijelaskan bagi setiap pembahagian tersebut:

4.2.2.1 *Maṣlahah* dari aspek kepentingan, keutamaan dan kekuatan pemakaian

Maṣlahah dari sudut kekuatan pemakaian, kepentingan dan keutamaan menurut pandangan Ulama Usul terbahagi kepada tiga. Pembahagian tersebut adalah *darūriyyah* (keperluan asas hidup manusia), *ḥājiyyah* (menjaga keperluan hidup manusia), dan *taḥṣīniyyah* (menjaga kemewahan hidup manusia)¹¹.

¹⁰ Muhammad Sa‘id al-Yūbī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Wa ‘Alāqatuha bi al-Adillah al-Shar‘iyyah*, (Mamlakah ‘Arab Sa‘udi: Dār al-Hijrah, 1993), 177.

¹¹ Al-Ghazzālī, *al-Mustasfa*, 2: 217; Al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 6

i) *Maṣlahah Darūriyyah*

Maṣlahah ini merupakan keperluan asas yang kritikal demi kepentingan dan kebahagian hidup manusia di dunia dan akhirat. Sekiranya *maṣlahah* ini tidak wujud maka ia boleh menyebabkan kehidupan manusia menjadi sangat sukar dan tidak sempurna, seterusnya menghilangkan kenikmatan hidup serta menyukarkan perjalannya di hari akhirat¹² kelak.

Jumhur Ulama Uṣūl menyandarkan kepentingan memelihara *maṣlahah darūriyyah* berkaitan dengan pemeliharaan terhadap lima perkara asas iaitu agama (*dīn*), diri (*nafs*), akal ('*aql*), keturunan (*ansāb*), dan harta kekayaan (*māl*). Kelima-lima perkara ini amat penting kepada manusia dan tidak boleh diabaikan agar kemaslahatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat sentiasa terpelihara. Tanpanya lima keperluan asas ini kehidupan manusia akan menjadi rosak dan tidak seimbang. Contohnya, hikmah di sebalik pensyariatan berjihad adalah demi memelihara *maṣlahah* agama. Dari sudut positif dakwah Islam dapat terus disebarluaskan tanpa halangan. Hikmah di sebalik diwajibkan hukum bunuh ke atas golongan murtad yang tidak mahu bertaubat pula meskipun ia kelihatan negatif namun ia adalah demi memastikan golongan tersebut tidak mempengaruhi orang lain murtad daripada Islam.

Dari sudut memelihara diri pula disyariatkan berkahwin bagi mengembangkan zuriat keturunan. Dari sudut penjagaan akal pula, Islam melarang umat Islam melakukan yang boleh merosakkan atau menghilangkan kewarasan akal sama ada terhadap diri sendiri maupun terhadap orang lain. Oleh itu Islam mengharamkan penjualan atau pengambilan alkohol, dadah, dan lain-lain yang boleh merosakkan akal manusia. Islam juga menfardukan setiap Muslim menuntut ilmu dan menggalakkan

¹² Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 6; Ibn ‘Āshur, *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, 219; Wahbah Al-Zuhayli, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, (Dimashq: Dar al-Fikr, 1976), 2:755; Ridzwan Ahmad, “Standard Maslahah dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam di Malaysia (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004), 29; Al-Ayyūbī, Aiman Jubrayn Juwaylis, *Maqāṣid al-Shari‘ah fī Takhṣīṣ al-Nās Bi al-Maṣlahah wa Taṭbiqātuhā fī al-Fiqh al-Islāmī* (Jordan: Dar al-Nafais, 2010), 50.

pemakanan yang boleh menyihat dan mencerdaskan akal supaya *maṣlahah* akal sentiasa terpelihara.

Di samping itu, dari sudut memelihara keturunan pula Islam telah mengharamkan perkara dan perbuatan yang boleh mendekatkan manusia ke arah penzinaan¹³. Bagi tujuan pemeliharaan dari sudut harta pula, diharuskan bermuamalah sesama manusia seperti jual beli, gadaian, sewa, hibah, dan lain-lain serta diharamkan *ribā*, *qimār* dan disyariatkan hudud ke atas pencuri¹⁴. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa *maṣlahah darūriyyah* ialah *maṣlahah* yang diperlukan oleh setiap manusia dalam aspek kehidupan asasi yang melibatkan pemeliharaan terhadap lima perkara utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Ketiadaan *maṣlahah* ini akan memberi impak yang besar dalam hidup manusia dan boleh mengakibatkan berlaku kerosakan, kematian dan kehilangan nikmat hidup. Dengan lain maksud tanpanya akan menyebabkan manusia mengalami kerugian yang nyata¹⁵.

ii) *Maṣlahah Hājiyyah*

Maṣlahah ini diperlukan oleh manusia untuk memberi kemudahan dan menghilangkan kesempitan dalam melaksanakan tanggung jawab mereka sebagai hamba Allah¹⁶. Meskipun tanpanya tidak mengganggu sistem kehidupan manusia sebagaimana *darūriyyah* namun ia tetap membawa kesukaran dan kesempitan dalam sesetengah perkara. *Maṣlahah* ini termasuk juga berkaitan dengan ibadah, adat, jenayah dan muamalah. Contohnya dalam perkara ibadah, Islam memberi keringanan (*rukhsah*) kepada mereka yang bermusafir menjamakkan solat dan membuka puasa disiang hari semasa bulan Ramadan. Dalam perkara muamalah pula *maṣlahah* ini juga berperanan

¹³ Ridzwan Ahmad, “Standard Maslahah dan Mafsadah, 29; Al-Ayyūbī, *Maqāṣid al-Shari‘ah fī Takḥīṣ al-Nās*, 51.

¹⁴ Al-Ayyūbī, *Maqāṣid al-Shari‘ah fī Takḥīṣ al-Nās*, 51.

¹⁵ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 8.

¹⁶ *Ibid*, 326.

meringankan kesukaran yang tak terduga atau bukan pada kebiasaan manusia¹⁷ atau dengan lain perkataan *maṣlahah* ini mempermudahkan urusan hidup manusia¹⁸, contohnya berulang alik dari tempat ke tempat yang lain atau pergi ke sesuatu tempat menggunakan pengangkutan awam. Begitu juga penggunaan akad tertentu dalam jual beli demi memudahkan urusan pembelian¹⁹. Sebagai kesimpulan, *maṣlahah ḥājiyyah* diperlukan dalam urusan kehidupan seseorang manusia bagi meringankan kesukaran dalam kehidupan mereka.

iii) *Maṣlahah Taḥṣīniyyah*

Maṣlahah ini pula adalah untuk menyempurnakan keperluan terhadap *maṣlahah darūriyyah* dan *maṣlahah ḥājiyyah*. Namun begitu *maṣlahah* ini tidak semestinya diperlukan oleh semua manusia. Ketiadaannya juga tidaklah mengakibatkan sistem hidup manusia menjadi sangat sulit yang mengakibatkan terhapusnya *kulliyāt al-khams* sebagaimana tanpa *maṣlahah darūriyyah* dan tidak pula menyebabkan kesukaran atau kesusahan dalam kehidupan mereka sebagaimana dalam *maṣlahah ḥājiyyah*²⁰. Ini kerana *maṣlahah taḥṣīniyyah* hanyalah bersifat keperluan tambahan yang tidak wajib untuk dimiliki dan hanya sebagai pelengkap bagi memperelok dan mempertingkatkan lagi mutu keperluan hidup seorang manusia. Dengan lain maksud, tanpanya tidaklah sampai akan menjelaskan kelangsungan hidup manusia. Contohnya makanan yang lazat, pakaian yang cantik dan indah²¹ atau kediaman yang mewah. Kesimpulannya, *maṣlahah taḥṣīniyyah* merupakan *maṣlahah* yang akan menjadikan kecantikan dan keindahan akhlak sentiasa terpelihara dalam diri manusia. Tambahan lagi adanya sifat saling hormat-menghormati dan sifat amanah hidup manusia menjadi aman dan harmoni apabila setiap orang peka dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

¹⁷ Al-Ayyūbī, *Maqāṣid al-Shari‘ah fī Takhṣīṣ al-Naṣ*, 51.

¹⁸ Al-Zuhayli, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dar al-Fikr, 1986), 1: 1022.

¹⁹ *Ibid.*, 1: 1022-1023.

²⁰ Al-Ayyūbī, *Maqāṣid al-Shari‘ah fī Takhṣīṣ al-Naṣ*, 51.

²¹ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 11.

Sebagaimana yang telah ditekankan oleh Al-Shāṭībī, *maṣlahah darūriyyah* merupakan *maṣlahah* yang menjadi asas kepada *maṣlahah hājiyyah* dan *maṣlahah taḥsīniyyah*²². Kedudukan *maṣlahah* berdasarkan kekuatan pemakaian, kepentingan dan keutamaan amat penting semasa menentukan keutamaan hukum bagi setiap *maṣlahah* sekiranya berlaku sebarang pertembungan di antara satu sama lain. Pengelasan *maṣlahah* ini membuktikan Shariah melihat dari pelbagai sudut yang luas dalam *maqāṣid al-shari‘ah* demi memenuhi kemaslahatan hidup manusia dunia dan akhirat²³.

Al-Ghazzālī telah menambah penyempurnaan atau pelengkap (*mukammilāt*) bagi ketiga-tiga *maṣlahah* tersebut²⁴ dan seterusnya dijadikan panduan oleh al-Shāṭībī dalam membahagikan setiap daripada *maṣlahah* kepada *darūriyyah*, *hājiyyah* dan *taḥsīniyyah*²⁵. Objektif pelengkap ini adalah untuk mencapai objektif ketiga-tiga *maṣlahah* tersebut agar pemeliharaan ke atasnya lebih lengkap dan sempurna. Namun begitu jika tanpa pelengkap sekalipun ia tidak akan menjaskan asal sesuatu hukum²⁶. Misalnya, pengharaman terhadap unsur-unsur *gharar* merupakan pelengkap kepada *hājiyyah* urusan jual beli adalah supaya pelanggan memperoleh hak memilih (*khiyar*) mana-mana barang yang dikehendakinya²⁷.

Sebagai kesimpulannya dapat difahami bahawa *darūriyyah* merupakan *maṣlahah* yang paling diutamakan, diikuti dengan *hājiyyah* yang menjadi pelengkap kepada *darūriyyah* dan seterusnya *taḥsīniyyah* pelengkap kepada *hājiyyah*²⁸. Ketiga-tiga tahap *maṣlahah* ini mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kehidupan manusia kerana ia menjadi satu garis panduan dalam menguruskan hal-ehwal kehidupan agar

²² *Ibid.*, 16.

²³ Nurshirathal Firdaws Abd Rani, “Produk-produk Takaful Wanita Di Syarikat Takaful Terpilih: Analisis Dari Perspektif Maqasid al-Shari‘ah (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 107.

²⁴ Ridzwan Ahmad, “Standard Maṣlahah dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam,” 27.

²⁵ Al-Shāṭībī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 327.

²⁶ *Ibid.*, 2:327-328.

²⁷ Al-Zuhayli, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2:1053.

²⁸ Al-Shāṭībī, *al-Muwāfaqāt*, 328-329.

lebih terancang dan tersusun termasuk juga dengan pengurusan risiko kewangan peribadi atau keluarga.

4.2.2.2 *Maṣlahah* dari aspek tujuan asal dan tujuan sampingan

Jumhur *fuqahā* telah membahagikan *maṣlahah* dari aspek tinggi dan rendah serta tujuan asal dan sampingan pemeliharaan kepada dua bahagian, iaitu *maqṣad aṣliyyah* dan *maqṣad tab ‘iyyah*.

i) *Maqṣad aṣliyyah*

Maqṣad aṣliyyah adalah *maṣlahah* sebenar yang hendak dicapai melalui pensyariatan sesuatu hukum dengan menjaga keperluan dan kepentingan asas (*al-darūriyyāt al-khams*). Misalnya, *maqṣad aṣliyyah* dalam urusan jual beli adalah untuk memiliki dan mendapat manfaat terhadap harta benda tersebut²⁹.

ii) *Maqṣad tab ‘iyyah*

Manakala *maqṣad tab ‘iyyah* pula adalah tujuan sampingan yang dikehendaki oleh syarak bagi memenuhi keperluan dan menguatkan lagi matlamat pencapaian kepada tujuan asal tersebut³⁰.

²⁹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, “Maqasid al-Shari‘ah: Satu Pengenalan” dalam *Maqasid al-Shari‘ah*, ed. Mek Wok Mahmud dan Akhtarzaite Abdul Aziz, ed. ke-1 (Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012), 30-31.

³⁰ Ibn ‘Āshūr, *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, 129.

4.2.2.3 *Maṣlahah* dari aspek kesyumulan pemeliharaan (umum dan khusus)

Maṣlahah terhadap pemeliharaan objektif syarak dari aspek kesyumulan sama ada yang melibatkan kepentingan umum atau kepentingan individu, sarjana Islam telah membahagikannya kepada tiga bahagian. Pembahagian tersebut adalah *maṣlahah ‘āmmah*, *maṣlahah aghlabiyah* dan *maṣlahah khāṣṣah*. Secara umumnya, *maṣlahah-maṣlahah* ini mempunyai pelbagai jenis pembahagian yang berbeza.

i) *Maṣlahah ‘āmmah*

Menurut pengertian Ibn ‘Āshūr *maṣlahah ‘āmmah* atau *maṣlahah kulliyah* ialah makna atau hikmah yang diambil kira dalam perkara-perkara yang mengandungi kepentingan umat. Dengan erti kata sebenar apa-apa sahaja yang membawa kebaikan kepada kelompok yang ramai dalam kalangan umat. *Maṣlahah* ini melibatkan kepentingan dan kebaikan kepada keseluruhan masyarakat yang ramai merangkumi umat Islam di dalam sesebuah negara. Contohnya, melakukan pelbagai usaha demi menjaga agama daripada dilenyapkan, memelihara dua kota suci umat Islam Makkah dan Madinah daripada jatuh ke tangan musuh, menjaga hubungan baik di antara umat Islam daripada berpecah³¹.

iii) *Maṣlahah khāṣṣah*

Maṣlahah khāṣṣah pula ialah *maṣlahah* yang melibatkan kepentingan sebilangan kecil masyarakat atau individu, antaranya menjaga *maṣlahah* harta daripada diboroskan. Contohnya, diharuskan menangguhkan pemberian pemilikan harta kepada anak yatim yang belum mampu menguruskan harta tersebut walaupun sudah mencapai umur baligh³².

³¹ Ibn ‘Āshūr, *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, 313-315.

³² *Ibid.*, 204.

4.2.2.4 Pembahagian *Maṣlahah* Dari Sudut Keperluan

Menurut Muhammad Ṭāhir Ibn ‘Āsyūr, sekiranya *maṣlahah* yang dinilai dari sudut keperluan bagi mencapai kebaikan dan menolak keburukan padanya maka *maṣlahah* tersebut dapat dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu *qaṭ‘iyah*, *zanniyyah* dan *wahmiyyah*. Berikut diuraikan bagi ketiga-tiga pembahagian tersebut³³:

i) *Maṣlahah qaṭ‘iyah*

Merupakan *maṣlahah* yang diyakini dan disokong oleh pentakwilan dalil nas yang kuat dan diiktiraf oleh syarak. Contohnya *maṣlahah* terhadap memelihara keperluan *darūriyyah* yang lima iaitu menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta.

ii) *Maṣlahah zanniyyah*

Maṣlahah ini adalah maslahah yang disyariatkan dengan dalil-dalil *zanni* atau kemaslahatan yang diduga oleh akal di bawah lingkungan objektif syarak. Contohnya, *maṣlahah* yang melarang seorang hakim daripada menjatuhkan hukuman ketika dalam keadaan marah.

iii) *Maṣlahah wahmiyyah*

Merupakan *maslahah* yang pada sangkaannya dilihat mendatangkan kebaikan dan kemanfaatan, namun apabila penelitian sebenar dilakukan didapati ia sebenarnya lebih mendatangkan kemudaran dan keburukan atau menghapuskan *maṣlahah* yang lebih besar daripadanya. Contohnya, mengambil dadah atau meminum minuman yang memabukkan walaupun ianya bertujuan untuk menghilangkan tekanan dan masalah namun kesan disebaliknya dapat merosakkan akal dan kewarasan seseorang manusia.

³³ *Ibid.*, 229-230.

4.3 Analisis pemakaian *maṣlaḥah* dan *mafsadah* berkaitan dengan produk takaful keluarga

Maṣlaḥah berkaitan dengan takaful dari sudut ruang lingkup terletak di bawah kategori *maṣlaḥah khāṣṣah* kerana ia berkait dengan satu disiplin ilmu yang khusus. Namun takaful juga dilihat mempunyai perkaitan dan sangat dekat dengan *maṣlaḥah ‘āmmah* terutamanya yang melibatkan kepentingan masyarakat Islam sebagaimana yang dikemukakan oleh para ulama³⁴ dari sudut memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat³⁵. Sementara kedudukan takaful dalam pembahagian *maṣlaḥah* dari aspek tujuan asal dan tujuan sampingan pula adalah di bawah bahagian *maqṣad aṣlīyyah*. Mengurus risiko merupakan tujuan asal yang disarankan oleh Islam ke atas setiap Muslim dan ia termasuk dalam kategori *maṣlaḥah hājiyyah*. Manakala penyertaan takaful pula dilihat sebagai penyempurnaan (*al-takmīlāt*) kepada elemen *maṣlaḥah hājiyyah* menguruskan risiko kerana tidak semestinya dengan pelan takaful keluarga sahaja dapat melindungi orang ramai daripada risiko musibah dan menguruskan risiko. Manakala, *maṣlaḥah* berkaitan takaful dari aspek kepentingan, keutamaan dan kekuatan pemakaian adalah terletak di bawah kategori *maṣlaḥah hājiyyah* yang melibatkan lima perkara asas (*darūriyyāt al-khams*). Terdapat pelbagai kriteria dalam produk takaful keluarga yang boleh dikaitkan dengan elemen *maṣlaḥah* sama ada dari aspek manfaat takaful, perkongsian lebihan takaful (*surplus*), ejen takaful dan sebagainya. Penerangan selanjutnya berhubung dengan perkara ini akan dibuat di bahagian seterusnya.

³⁴ Al-Ghazzālī, *al-Mustasfa*, 2: 217; Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 6.

³⁵ Asyraf Wajdi Dusuki Dan Said Bouheraoua, “The Framework Of Maqasid Al-Shari‘ah (Objectives Of The Shari‘ah) And Its Implications For Islamic Finance” Research Paper ISRA, no 22 (2011), 12.

4.3.1 Elemen *maṣlahah* dalam produk takaful keluarga Prudential BSN Takaful

Secara umumnya jika dikaji dari aspek pemakaian *maṣlahah*, takaful keluarga mempunyai perkaitan dengan *maṣlahah ‘āmmah* dari sudut pemeliharaan *uṣūl al-khams*³⁶. Memelihara *maṣlahah* nyawa merupakan salah satu *maṣlahah darūriyyah* yang mesti dilindungi³⁷. Sekiranya berlaku musibah atau kemudaratan, takaful boleh menjadi *maṣlahah darūriyyah* iaitu dari segi bantuan kewangan untuk menyelamatkan nyawa peserta sama ada disebabkan kemalangan atau penyakit kritis seperti sakit jantung, kanser, dan lain-lain. Walau bagaimanapun menyertai pelan takaful keluarga juga boleh diletakkan di bawah kategori *maṣlahah ḥājiyyah* kerana ia melibatkan tahap kemampuan kewangan dan keperluan bagi seseorang individu. Lebih-lebih lagi pelan ini merupakan satu pelan jangka panjang yang memerlukan komitmen untuk membayar sumbangan takafulnya secara konsisten.

Berbeza dengan pelan insurans konvensional meskipun ia mempunyai elemen memelihara *maṣlahah* nyawa dan harta pemegang polisi, namun disebabkan operasinya mengandungi unsur *gharar*, *ribā* dan *maysir* menyebabkan majoriti ulama telah menfatwakannya haram untuk dibeli khususnya umat Islam³⁸. Fatwa tersebut boleh dilihat sebagai satu elemen dalam memelihara *maṣlahah* agama umat Islam. Justeru itu, apabila seseorang Muslim menyertai pelan takaful keluarga pada hakikatnya dia telah berusaha memenuhi sebahagian daripada tanggungjawabnya menjaga *maṣlahah* agama.

Pelan takaful keluarga diperlukan sebagai langkah kepada perancangan awal kewangan terhadap perlindungan risiko. Risiko-risiko yang berkemungkinan boleh berlaku hendaklah sentiasa dititik beratkan agar *mafsadah* musibah yang boleh mengancam kemaslahatan dapat dikurangkan. Islam menggalakkan umatnya

³⁶ Ibid.

³⁷ Al-Shāṭībī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 19.

³⁸ Mohamad Akram Laldin, “Takaful dan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu Serta Fatwa Pilihan” (makalah, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam KLIFF 2007, Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 19 November 2007), 8.

menguruskan risiko dengan sebaiknya. Galakan tersebut dapat difahami menerusi hadith Rasulullah s.a.w berkaitan dengan konsep tawakkal oleh seorang Arab Badwi dengan untanya, iaitu kisah seorang Badwi yang meninggalkan untanya tanpa ditambat terlebih dahulu. Rasulullah saw bertanya kepadanya: “mengapakah engkau tidak menambat untamu?” Orang itu menjawab: “Aku bertawakkal kepada Tuhan” lalu Rasulullah menjawab “Tambatlah untamu terlebih dahulu dan kemudian bertawakallah kepada Tuhan”³⁹.

Dalam pelan takaful keluarga, dua aspek penting diambil kira iaitu *mortaliti* dan *morbidity* (jangkaan dijangkiti penyakit kritis). *Mortaliti* ialah bilangan atau jumlah kematian dalam sesebuah masyarakat tertentu dalam tempoh masa dan yang tertentu atau dengan lain maksud ia difahami sebagai populasi bilangan bagi kadar kematian⁴⁰, manakala *morbidity* pula ialah insiden yang dikaitkan dengan penyakit⁴¹. Risiko ialah suatu kebarangkalian atau kemungkinan yang boleh membawa kerugian atau kemudaratan. Dengan lain perkataan, sesuatu kemungkinan yang diharapkan tidak berlaku sebaliknya terjadi sesuatu yang membawa kerugian⁴². Meskipun dalam kalangan kita mungkin jarang membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan risiko, namun kita sering diperdengarkan tentang cerita atau berita mengenai ahli keluarga, saudara-mara, rakan-rakan atau rakyat Malaysia yang ditimpa musibah seperti kemalangan, hilang keupayaan, sakit kronik, kematian, ditimpa kesusahan atau menghadapi masalah kewangan. Kerana itulah Islam amat menitik beratkan umatnya supaya mengambil langkah berwaspada supaya kesan kemudaratan musibah yang

³⁹ Hadith riwayat al-Tirmizi, bab *Sifat al-Qiyāmah*, al-Hadīth A‘aqalāhā wa Tawakkal, no. Hadith 2517. Lihat Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah Ibn Mūsa al-Tirmizi, “Jāmi’ al-Tirmizi”, dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shykh (Riyādh: Dār al-Salām, 2000), 1905; Bab “al-Tawakkal Billāh ‘Azza wa Jalla wa al-Taslīm Li Amrihi Ta‘āla fi Kulli Syai’i”, no. hadith 1161. Lihat Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Baihaqī, *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2011) 2: 428.

⁴⁰ “Mortality”, laman sesawang, *Merriam Webster*, dikemaskini 2018, dicapai 25 Ogos 2018, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/mortality>

⁴¹ “Morbidity”, laman sesawang, *Merriam Webster*, dikemaskini 2018, dicapai 25 Ogos 2018, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/morbidity>

⁴² Emmet J. Vaughan, *Fundamentals Of Risk and Insurance* (New York: John Wiley & Son, Inc., 1997), 5; Etti Baraboff., *Risk Management and Insurance* (New York: John Wiley & Son, Inc., 2004), 12.

berlaku dapat dikurangkan. Ia boleh datang tanpa disangka dan berlaku kepada sesiapa dan di mana sahaja tanpa dapat diduga. Perkara ini dapat difahami melalui firman Allah s.w.t:

وَلَئِلَّوْنَكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٦﴾ أَذْلَّنَ إِذَا أَصَبَّتْهُمْ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Al-Baqarah 2: 155-156

Terjemahan: Dan sungguh akan Kami berikan dugaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar, (yaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, “sesungguhnya kami milik Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

Apabila seseorang individu itu menyertai skim perlindungan takaful pada hakikatnya dia telah membelanjakan bahagian tertentu daripada hartanya demi perlindungan risiko. Setelah ikhtiar dan persediaan awal telah dibuat sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung bukan sahaja ke atas dirinya sendiri bahkan keluarganya sekiranya ditakdirkan musibah atau bencana benar-benar belaku. Lebih-lebih lagi apabila berlaku musibah harta atau wang merupakan sesuatu yang amat diperlukan. Meskipun nilai wang tidak dapat mengembalikan insan yang telah meninggal dunia namun kecederaan tubuh badan pasti amat memerlukan rawatan. Oleh itu dengan adanya harta berupa bekalan wang yang mencukupi derita yang ditanggung dapat diringankan.

Membelanjakan jumlah tertentu daripada harta yang ada demi untuk membayar sumbangan tetap pelan takaful sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan penderitaan akibat daripada musibah yang terpaksa dipikul. Ini kerana sumbangan tersebut sama-sama dikongsi dengan peserta-peserta lain dan tidak membebankan individu yang kurang bernasib itu sahaja. Meskipun dari satu sudut penyertaan seseorang individu dalam pelan takaful dilihat mengandungi elemen *mafsadah* dari

sudut hartanya kerana terpaksa mengeluarkan belanja untuk membayar caruman takafulnya setiap bulan namun ia sebenarnya adalah suatu *maṣlahah* kepadanya kerana dengan takaful dapat meringankan bebanan kewangan sekiranya berlaku musibah. Elemen *maṣlahah* dari membelanjakan harta demi untuk perlindungan risiko yang berasaskan kepada takaful ini dilihat selari dengan kaedah fiqh⁴³

يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر⁴³ yang bermaksud menanggung kemudarat khusus demi menolak kemudaran umum.

Pelbagai manfaat ditawarkan dalam pelan takaful keluarga. Antaranya pelan takaful perlindungan hilang upaya kekal dan menyeluruh (TPD), pelan manfaat penyakit kritikal (*rider*) pelan manfaat kemalangan (*rider*), pelan manfaat perubatan dan pendapatan kemasukan ke hospital (*rider*). Setiap pelan yang ditawarkan mempunyai justifikasi tersendiri ke arah usaha pemeliharaan kemaslahatan diri dan nyawa para peserta.

4.3.1.1 Perlindungan *maṣlahah* nyawa melalui penawaran takaful manfaat penyakit kritikal dan manfaat takaful perubatan dan kemasukan ke hospital

Selain manfaat kemalangan, PruBSN juga turut menawarkan manfaat perlindungan takaful berkaitan dengan 36 jenis penyakit kritikal sebagaimana yang telah disenaraikan dalam Bab 3⁴⁴. Pelan takaful ini merupakan pelan tambahan yang boleh dilampirkan bersama-sama dengan produk takaful asas seperti *TakafulLink*, *FirstLink*, *SmartLink* dan lain-lain. Sekiranya peserta pada bila-bila masa sahaja semasa dalam tempoh sijil takafulnya masih berkuatkuasa disahkan menghidap mana-mana satu daripada senarai

⁴³ Muḥammad Muṣṭafa al-Zuhayli, *Al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah wa al-Taṭbiqātihā fī al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Dimashq: Dar al-Fikr, 2006), 235.

⁴⁴ Sila lihat di muka surat 87.

jenis penyakit kritikal yang disenaraikan maka PruBSN akan membayar manfaat pampasan kepada peserta⁴⁵.

Penyakit kritikal merupakan *mafsadah* yang boleh menimpa sesiapa sahaja dan iaanya akan memberi kemudaratian kepada mereka yang menghidapinya. Sememangnya tidak dinafikan bahawa menjaga kesihatan dan mencegahnya daripada terjadi merupakan suatu tanggungjawab ke atas setiap individu. Namun begitu, sekiranya seseorang membuat persediaan awal lebih-lebih lagi dari aspek kewangan sekurang-kurangnya dia mempunyai sumber yang mencukupi kerana dirinya tidak dapat menjangka sama ada dirinya dimasa akan datang akan sentiasa sihat atau tidak. Tambahan pula dalam keadaan kos perubatan yang meningkat juga menjadi salah satu faktor pentingnya ada tabungan kesihatan yang khusus. Semakin kronik sesuatu penyakit itu maka kos rawatannya akan menjadi sangat mahal⁴⁶. Justeru, dengan adanya dana daripada takaful bebanan tanggungan rawatan dan perubatan dapat diringankan memandangkan rawatan bagi sesuatu penyakit kritikal memerlukan belanja yang besar. Dengan rawatan dan perubatan yang diterima sekurang-kurangnya peluang untuk peserta sembah daripada penyakit kritikal yang dihidapi juga adalah tinggi sekaligus *maslahah* nyawa peserta takaful tersebut juga dapat dipelihara.

Malah kadar manfaat yang akan diterima oleh peserta takaful juga adalah melebihi daripada jumlah sebenar yang sempat disimpan oleh peserta. Tanpa sumber kewangan yang banyak peluang untuk mengubatinya juga agak mustahil. Pesakit juga akan mengambil masa yang lama untuk mengubati penyakit tersebut disebabkan menunggu giliran yang panjang. Jika tidak ada rezeki pesakit mungkin meninggal dunia sebelum rawatan dapat dilakukan. Justeru itu dengan adanya manfaat ini sedikit sebanyak dapat

⁴⁵ Mohd Nazri Othman (Ejen, Prudential BSN Takaful Berhad) dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

⁴⁶ Teoh Pei Ying, “Perlu RM150,000 biaya kos hospital”, 14 Mac 2018, laman sesawang *MyMetro*, dicapai 14 Disember 2018, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/03/321074/perlu-rm150000-biaya-kos-hospital>.

memelihara kemaslahatan nyawa para peserta dan ini menunjukkan bahawa *maṣlahah* terhadap perlindungan nyawa dapat dicapai.

Selain itu manfaat PruBSN *HealthEnrich⁺*⁴⁷ misalnya dapat dimanfaatkan sekiranya peserta dimasukkan ke hospital untuk menerima rawatan dan perlu menjalani pembedahan disebabkan penyakit yang dihidapinya. Peserta tidak perlu lagi memikirkan kos penginapan bilik di hospital semasa dalam tempoh rawatan kerana perlu mendapatkan rehat yang cukup. Apabila mendapat rawatan yang terbaik dan rehat yang cukup peluang untuk sihat semula juga adalah lebih cerah.

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa wujud elemen-elemen perlindungan dan pemeliharaan *maṣlahah* nyawa menerusi manfaat-manfaat produk perlindungan risiko penyakit kritikal. Lebih-lebih lagi nyawa merupakan kurniaan terpenting daripada Allah s.w.t kepada manusia. Justeru amat penting ke atas setiap manusia menjaga *maṣlahah* nyawa dengan sebaik-baiknya. Oleh sebab itulah para ulama telah meletakkan kepentingan memelihara *maṣlahah* nyawa di bawah *dariūriyyāt al-khams*⁴⁸.

Begini juga dengan manfaat takaful keluarga berkaitan pelan takaful perubatan dan pendapatan kemasukan ke hospital yang bertujuan memberi kebaikan dan memelihara *maṣlahah* nyawa masyarakat umumnya dan peserta takaful khususnya. *Maqṣad aṣliyyah* pelan takaful ini adalah bagi membantu meringankan beban peserta yang ditimpa musibah (*mafsadah*) sekiranya memerlukan rawatan yang segera. Dengan kombinasi pelan perlindungan risiko yang digabungjalinkan dengan elemen simpanan dan pelaburan, pelan takaful ini dilihat sebagai satu tarikan yang dapat menarik orang ramai untuk memilih perlindungan takaful keluarga. Selain *maṣlahah* berkaitan manfaat-manfaat takaful yang ditawarkan sebagaimana yang dibincangkan di atas,

⁴⁷Prudential BSN Takaful Berhad, laman sesawang, dicapai 8 Ogos 2017 <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/healthenrichplus/>. Manfaat pelan takaful ini telah disentuh dalam Bab 3.

⁴⁸ Telah disentuh di muka surat 96-97.

terma dan syarat berkaitan dengan pelan takaful keluarga juga merupakan suatu aspek yang penting dan perlu dipatuhi oleh setiap peserta takaful. Apabila seseorang menyertai mana-mana pelan takaful di PruBSN, setiap terma dan syarat termasuk juga pengecualian yang termaktub dalam sijil takaful yang diberikan perlu dipatuhi. Sebagai contoh, antara syarat pengecualian perlindungan takaful khususnya berkaitan dengan pelan takaful berkaitan perubatan dan pendapatan kemasukan ke hospital. Pelan takaful tersebut mengecualikan manfaat rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin dan komplikasi kehamilan. Ini dapat dapat dilihat berdasarkan kepada klausa berikut:

Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin dan komplikasi, kehamilan, sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan kaum wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan kerana sebab psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan dengan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan di bawah HealthEnrich, jika berkenaan)⁴⁹.

Jika diperhatikan syarat pengecualian tersebut dinyatakan secara umum iaitu berkaitan dengan rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin. Justeru itu, pengkaji berpandangan bahawa sekiranya seseorang peserta takaful yang hamil dimasukkan ke dalam wad kerana demam misalnya, dan bukan disebabkan oleh komplikasi-komplikasi biasa yang berkait dengan kehamilan, maka dirinya berhak untuk mendapat manfaat perlindungan takaful sebagaimana yang dijanjikan berdasarkan pelan takaful keluarga yang diambil. PruBSN sebagai pengendali takaful tidak

⁴⁹ Prudential BSN Takaful, Dokumen Sijil Takaful, Lampiran 200: Takrifan, Pengecualian dan Syarat, Ver 7.4 (07/2013), Pengecualian di (2.5.2 (i)), 42.

sepertinya terus menolak permohonan tuntutan manfaat takaful daripada peserta yang hamil begitu sahaja atas alasan kerana terdapat klausa yang mengecualikan perlindungan berkaitan kehamilan daripada mendapat manfaat perlindungan takaful. Sebaliknya, PruBSN seharusnya meneliti terlebih dahulu laporan doktor yang merawat peserta tersebut berkaitan sebab-sebab sebenar peserta tersebut dimasukkan ke wad. Adakah disebabkan ada kaitan dengan komplikasi kehamilannya atau sebab lain, seperti demam panas, batuk dan sebagainya. Dengan bersandarkan kepada laporan kesihatan yang dikeluarkan oleh doktor yang merawat barulah boleh ditentukan sama ada tuntutan manfaat takafulnya diterima atau ditolak, dan bukannya terus ditolak begitu sahaja atas alasan, dalam laporan kesihatan peserta wanita tersebut sedang hamil maka dia terus dikecualikan daripada manfaat takafulnya. Di sebabkan peserta tersebut sudah dimasukkan ke wad dan menerima rawatan, maka mahu atau tidak bayaran rawatan yang dikenakan tersebut terpaksa dibayar sendiri oleh peserta disebabkan tuntutan manfaat takafulnya ditolak.

Jika dilihat dari aspek *maṣlahah* berkaitan dengan syarat pengecualian manfaat perlindungan takaful perubatan dan kemasukan ke hospital, *maqṣad aṣliyyah* yang hendak dicapai ialah mendapat manfaat perlindungan takaful sekiranya dimasukkan ke hospital. Manakala, *maqṣad tab'iyyah* yang ingin dicapai daripada dana *tabarru'* pula ialah supaya dana tersebut sentiasa mencukupi bagi menampung kos-kos tuntutan manfaat takaful berkaitan dengan risiko-risiko penyakit lain sebagaimana yang ditetapkan dalam sijil takaful. Dalam hal ini, para peserta takaful khususnya peserta wanita hamil memerlukan polisi yang lebih jelas dan terperinci tentang situasi yang bagaimakah menyebabkan isu manfaat takaful perubatan dan kemasukan ke wad yang berkaitan pengecualian perlindungan berkaitan kehamilan tidak boleh membuat tuntutan sekiranya mereka dimasukkan ke hospital.

Menjaga kesihatan diri merupakan salah satu daripada elemen *maṣlahah* terhadap perlindungan *maṣlahah* nyawa⁵⁰ peserta. Walau bagaimanapun, memang tidak dinafikan tuntutan manfaat takaful berkaitan kehamilan berlaku di luar daripada tanggungan polisi takaful. Kemungkinan sekiranya pengecualian tersebut dijelaskan dengan lebih terperinci boleh menyebabkan pihak pengendali takaful akan menanggung kos yang tinggi untuk menampung kos-kos tuntutan takaful yang berkaitan dengan isu yang hampir sama. Perkara ini boleh menimbulkan *mafsadah* sampingan, misalnya ada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan berunding dengan pihak doktor terlebih dahulu supaya tidak menulis laporan berkaitan dengan kehamilannya dalam laporan kesihatannya.

Maqṣad aṣliyyah penawaran pelan-pelan takaful keluarga berkaitan dengan perlindungan kesihatan adalah untuk membantu meringankan bebanan peserta yang ditimpa musibah (*mafsadah*). Di samping itu *maqṣad tab‘iyyah* iaitu memperoleh keuntungan juga diambil dikira dalam penawaran pelan takaful ini⁵¹. Walau bagaimanapun, yang menjadi isu di sini ialah berkaitan dengan keadilan kepada para peserta yang berterusan membayar secara konsisten dengan harapan sekiranya terjadi musibah sebagaimana keadaan yang disebut maka dia dapat memanfaatkan manfaat takaful yang dijanjikan kepadanya. Manfaat yang tidak jelas tentang pengecualian perlindungan ke atas peserta yang hamil seharusnya diteliti terlebih dahulu, iaitu berdasarkan kepada laporan kesihatan yang diberikan oleh pihak doktor sama ada punca sakitnya ada kaitan dengan dirinya yang hamil atau sakit selainnya dan bukannya ditolak begitu sahaja permohonan tuntutan manfaat berkaitan dengan kemasukan hospital. Ada ketikanya sakit yang menimpa wanita hamil bukan penyakit yang berkaitan dengan kehamilannya. Sebaliknya, penyakit tersebut adalah penyakit-penyakit

⁵⁰ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 20

⁵¹ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017; Abdul Hakim dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

biasa yang boleh jadi juga orang-orang lain yang tidak mengandung misalnya kaum lelaki, kanak-kanak atau wanita yang belum berkahwin juga berkemungkinan boleh terkena penyakit tersebut.

Meskipun terdapat terma dan syarat menyatakan bahawa pelan takaful tidak melindungi penyakit disebabkan kehamilan namun timbul persoalan adakah seseorang ibu hamil tidak dibenarkan untuk jatuh sakit? *Maṣlahah* takaful berkaitan dengan manfaat perlindungan ke atas ibu hamil selain daripada sakit berkaitan dengan bersalin perlu dititikberatkan. Hal ini kerana seseorang manusia tidak dapat menjangka bagaimana, bila dan di mana sakit akan menimpa dirinya. Adalah tidak adil jika hanya kerana seseorang ibu hamil dimasukkan ke dalam wad untuk menerima rawatan tidak mendapat hak untuk menuntut hak pampasan disebabkan oleh dirinya hamil, sedangkan rawatan penyakit yang juga menimpa terhadap mereka yang tidak hamil diterima adalah penyakit yang orang yang tidak hamil juga ada kemungkinan untuk kena seperti demam, batuk, selesema dan sebagainya. Pengecualian tersebut mengundang kewujudan *mafsadah* terhadap peserta yang hamil. Sedangkan tidak ada pula syarat yang mengecualikan pembayaran sumbangan *tabarru'* sekiranya seseorang peserta disahkan hamil. Jika syarikat pengendali takaful ingin mengecualikan perlindungan terhadap penyakit yang berkaitan dengan ibu hamil, maka adalah wajar juga sekiranya pengendali takaful membuat klausa khas berkaitan dengan kehamilan. Misalnya, sekiranya peserta wanita mengambil pelan takaful keluarga tetapi tidak mengambil bersama takaful wanita, namun apabila dalam tempoh takaful tersebut mereka disahkan hamil. Jika pihak takaful ingin mengecualikan perlindungan berkaitan dengan rawatan atau prosedur berkaitan dengan mengandung ke atas peserta hamil maka adalah lebih wajar sekiranya peserta yang hamil tersebut diberikan pengecualian membayar sumbangan *tabarru'*nya atau dikurangkan bayaran sumbangannya sepanjang tempoh kehamilannya sehingga selepas bersalin.

Pengecualian atau pengurangan bayaran sumbangan tersebut dilihat mampu memberikan *maṣlahah* dari sudut keadilan kepada setiap pihak yang terlibat dalam pelan takaful. Misalnya, jumlah sumbangan takaful bulanan yang perlu dibayar oleh peserta ialah RM165, namun disebabkan peserta tersebut disahkan hamil maka jumlah bayaran sumbangan takaful yang dia boleh bayar dikurangkan⁵² sehingga selepas bersalin. Pengendali takaful juga boleh menetapkan syarat khusus supaya peserta memaklumkan kehamilannya beserta dengan bukti laporan pihak hospital dan perlu diserahkan kepada pihak syarikat. Walau bagimanapun, pihak syarikat juga boleh memberi pilihan kepada peserta sama ada ingin memaklumkan kepada pihak syarikat atau tidak. Pengurangan jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar tersebut pula dilihat sebagai suatu usaha ke arah memelihara *maṣlahah* peserta kerana dengan cara itu dapat meringankan bebanan kos bayaran peserta sepanjang tempoh kehamilannya. Baki daripada pengurangan bayaran tersebut juga sedikit sebanyak membolehkan peserta berdikari dan dimanfaatkan untuk membayar bil rawatan hospital sekiranya dalam tempoh kehamilannya dia dimasukkan ke hospital. Dengan itu, pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* dari aspek memberi keadilan kepada setiap pihak yang terlibat dapat dicapai.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, di sini dapat difahami bahawa *maqṣad aṣliyyah* manfaat takaful adalah untuk memberikan manfaat perlindungan terhadap peserta takaful. Namun, manfaat perlindungan takaful tersebut dilihat bersifat *maṣlahah wahmiyyah*⁵³. Dengan lain maksud seseorang peserta lebih-lebih lagi peserta wanita yang membayar sumbangan takafulnya setiap bulan sepanjang penyertaan takafulnya tidak pasti sama ada manfaat takaful tersebut akan diperoleh atau tidak dimasa akan datang. Misalnya, dua orang wanita telah menyertai takaful pelan yang sama. Mereka

⁵² Misalnya, mengecualikan bayaran sumbangan takaful berkaitan dengan pelan takaful perubatan dan kemasukan ke hospital.

⁵³ *Maṣlahah wahmiyyah* ada disentuh di muka surat 103. Yang dimaksudkan dengan *maṣlahah wahmiyyah* berkaitan dengan manfaat takaful di sini ialah ada kemungkinan peserta akan dapat dan ada kemungkinan juga peserta tidak akan mendapat manfaat takaful tersebut.

telah dimasukkan ke hospital disebabkan oleh sakit demam panas. Salah seorang daripada mereka sedang hamil manakala seorang lagi tidak hamil. Setelah sihat, kedua-duanya membuat tuntutan manfaat takaful sebagai gantian kepada bayaran bil rawatan mereka sepanjang dirawat di hospital kepada pihak pengendali takaful. Namun begitu, tuntutan manfaat takaful peserta takaful yang hamil tersebut ditolak disebabkan laporan doktor menyatakan dirinya sedang hamil meskipun dia dimasukkan ke hospital kerana demam panas. Manakala peserta yang tidak hamil pula telah diberikan tuntutan bayaran manfaat takaful. Berdasarkan kepada contoh situasi permasalahan yang ditimbulkan di atas, dapat difahami bahawa *maṣlahah* manfaat takaful ke atas peserta takaful yang tidak hamil tersebut adalah bersifat pasti atau *maṣlahah ẓanniyyah* kerana manfaat takafulnya pasti akan diperoleh disebabkan dirinya dimasukkan ke hospital kerana sakit atau demam. Manakala, *maṣlahah* manfaat takaful ke atas peserta yang hamil tersebut pula bersifat tidak pasti atau *maṣlahah wahmiyyah* kerana tidak pasti demam yang dihidapinya itu disebabkan ada kaitan dengan kehamilannya atau tidak kerana ianya susah untuk dibuktikan melainkan sekiranya ia disebabkan oleh demam dengan misalnya, barulah dia mendapat manfaat takafulnya.

4.3.1.2 Perlindungan *maṣlahah* akal melalui manfaat takaful pendidikan

Pendidikan yang sempurna merupakan salah satu elemen *maṣlahah* penjagaan akal yang penting untuk dipelihara di samping *maṣlahah* nyawa. Pelan takaful keluarga berkaitan manfaat simpanan pendidikan merupakan antara elemen *maṣlahah* terhadap pemeliharaan *maṣlahah* akal. PruBSN *SmartLink*⁵⁴ merupakan satu pelan takaful berkaitan dengan tabungan simpanan pendidikan. Dengan *SmartLink* ibu bapa dapat merancang perlindungan risiko demi kemaslahatan anak-anak mereka. Ibu atau bapa

⁵⁴ Prudential BSN Takaful Berhad, Produk Kami, Pelan-pelan Rider, laman sesawang, dicapai 3 Oktober 2017 <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/prubsn-smartlink/>. Manfaat pelan takaful ini telah disentuh dalam Bab 3.

berperanan sebagai pemegang sijil akan membayar sumbangan manakala anak pula adalah orang yang dilindungi⁵⁵. Setiap bulan, sejumlah tertentu daripada PUA *SmartLink* akan dipotong untuk disuntik ke dalam tabung dana *tabarru'* demi untuk melindungi peserta. Manakala sejumlah wang IUA peserta pula akan disimpan dan dilaburkan bagi membolehkan ianya terus bertambah hasil daripada keuntungan pelaburan. Apabila sampai tempoh takaful matang dana dari IUA akan dikembalikan dan boleh dimanfaatkan dan dibelanjakan untuk menyambung pelajaran di universiti.

Sebagaimana yang diketahui, pendidikan merupakan satu keperluan yang sangat penting dalam kehidupan setiap insan. Dalam Islam, setiap umat tidak kira lelaki mahupun perempuan diwajibkan supaya menuntut ilmu kerana orang yang berilmu itu lebih baik daripada orang jahil. Dengan ilmu manusia dapat memberi manfaat kepada manusia yang lain dan dengan ilmu jugalah manusia dapat membezakan mana yang hakiki dan mana yang batil⁵⁶. Suruhan kewajipan menuntut ilmu ini dapat dapat dilihat di dalam hadith daripada Anas bin Malik r.a beliau berkata Rasulullah s.a.w bersabda:

ظَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Terjemahan: Menuntut ilmu itu adalah kewajiban ke atas setiap orang Islam⁵⁷.

⁵⁵ Mohd Faiz Hafizi Manap (Pengurus Senior Produk, Bahagian Pemasaran) dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017; Mohd Nazri dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

⁵⁶ Yūsuf Ḥāmid al-‘Ālim, *Al-Maqāṣid al-‘Āmmah Li al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Riyāḍ: Dār al-‘Ālamīyyah Li al-Kitāb al-Islāmi, 1994), 351.

⁵⁷ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Rab‘īy Ibn Mājah al-Qazwayni, “Sunan Ibn Majah,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 2491 (Kitab Abwāb fī Faḍā’il Aṣḥāb Rāsūl, Bāb Faḍl al-‘Ulamā wa al-Ḥas ‘Ala Ṭalab al-‘Ilm, no Hadith 224).

Tambahan pula, dengan ilmu juga dapat mengangkat darjat seorang manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Sebagaimana firman Allah s.w.t:

يَرْفَعُ اللَّهُ أَلَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ



Al-Mujadalah 58: 11

Terjemahan: Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan.

Melalui pembelajaran sesuatu ilmu dapat melatih akal fikiran manusia berfikir dan meneroka perkara-perkara baru dan mendalami ilmu tersebut. Imam al-Ghazzali menyifatkan akal sebagai satu alat kefahaman dan pemegang amanah yang menjadi tempat sasaran perintah dan menyampaikan urusan agama dan dunia dan akal juga mengawasi sifat-sifat manusia⁵⁸. Menurut Dr. Yusuf Hamid al-‘Alīm, akal manusia perlu kepada makanan dan makanan bagi akal adalah ilmu pengetahuan. Proses pembelajaran dapat diibaratkan sebagai satu jalan yang menghubung ke arah kebaikan dan dengannya manusia memperoleh ilmu pengetahuan dan pengiktibaran⁵⁹. Justeru itu, dengan pendidikan yang baik dapat mendorong menyempurnakan keperluan *tahsīniyyah* dan seterusnya membawa kepada penyempurnaan *hājiyyah* dan yang lebih penting melengkapkan keperluan *darūriyyah*.

Keperluan terhadap takaful pendidikan boleh diletakkan di bawah *maṣlahah hājiyyah*⁶⁰ iaitu wasilah kepada ibu bapa penjaga ke arah usaha memelihara *maṣlahah nyawa* dan akal anak-anak. Di samping mendapat manfaat-manfaat takaful sebagaimana orang dewasa seperti manfaat kematian, keilatan kekal menyeluruh, kemalangan atau kad kesihatan, pelan takaful berkaitan dengan simpanan pendidikan juga membolehkan

⁵⁸ Al-‘Alīm, *Al-Maqāṣid al-‘Āmmah Li al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, 350.

⁵⁹ *Ibid.*, 351.

⁶⁰ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 19.

ibu atau bapa membuat perancangan membuat tabungan demi masa depan pendidikan anak-anak mereka dengan lebih komprehensif⁶¹. Ia merupakan langkah untuk mengelakkan anak-anak daripada terpaksa berhutang apabila berjaya melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi sama ada awam atau swasta (IPTA/IPTS). Elemen *maṣlaḥah* yang boleh dikaitkan dengan keperluan terhadap pelan takaful berkaitan simpanan pendidikan adalah untuk menghilangkan *mafsadah* bebanan membayar semula hutang pengajian setelah tamat pengajian⁶². Tambahan pula tidak semua graduan akan terus mendapat pekerjaan sejurus selepas tamat pengajian. Sedangkan hutang pengajian perlu dibayar sama ada telah mendapat pekerjaan atau belum mendapat pekerjaan.

Elemen *maṣlaḥah* pemeliharaan akal juga dapat dikenali pasti melalui penawaran insentif yang dinamakan sebagai Bonus EduSmart. Bonus ini akan diberikan kepada peserta takaful yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan seperti UPSR, PT3, SPM, STAM atau STPM, GCSE, A-Level, IB serta Diploma atau Ijazah⁶³. Dengan adanya penawaran bonus dalam pelan takaful pendidikan yang ditawarkan oleh syarikat takaful dapat menaikkan semangat anak-anak untuk belajar bersungguh-sungguh dan dalam masa yang sama memotivasi mereka untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka di masa akan datang. Manfaat tempoh matang daripada pelan ini yang ditawarkan dalam pelan SmartLink pula dapat memberikan peluang kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, sebarang tindakan dan usaha ke arah

⁶¹ Mohd Nazri dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

⁶² Mohammad Yasir Jaafar, 685 Peminjam PTPTN Masih Hutang RM4.7 bilion, Utusan Online, 23 April 2015, laman sesawang, dicapai 30 Ogos 2018, <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/605-685-peminjam-ptptn-masih-hutang-rm4-7-bilion-1.83851>

⁶³ Manfaat-manfaat takaful berkaitan dengan penawaran bonus insentif ada disentuh di Bab 3. Sila lihat di muka surat 81-82.

memelihara kemaslahatan akal merupakan satu daripada lima kepentingan asas (*darūriyyāt al-khams*) yang menjadi matlamat yang dipelihara oleh syariat Islam⁶⁴.

Islam telah menetapkan dua kaedah untuk memelihara kemaslahatannya, iaitu pertama: menetapkan hukum ke arah perkara dan usaha-usaha yang boleh mewujud dan mengekalkan kewujudannya⁶⁵. Contohnya, menggalakkan usaha ke arah pengembangan dan akal dengan cara menuntut ilmu dan sebagainya. Kedua: menghalang sebarang usaha atau apa-apa perkara ke arah yang boleh mengganggu, merosakkan atau menghapuskan kepentingan tersebut⁶⁶. Contohnya, mengharamkan apa-apa sahaja perkara atau benda yang boleh menyebabkan hilang kewarasan akal manusia dan menjelaskan kemaslahatan akal mereka seperti arak, dadah dan perkara-perkara yang memabukkan.

Justeru itu, melalui kaedah yang pertama ini manfaat-manfaat yang ditawarkan menerusi *SmartLink* dan pelan-pelan *rider* yang dapat diambil bersama-sama dengannya dapat mendorong ke arah usaha untuk memelihara dan menyuburkan akal. Ini kerana, daripada manfaat tempoh matang daripada pelan tersebut dapat memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, insentif anugerah pencapaian kecemerlangan pula secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk belajar dan berusaha bersungguh-sungguh demi meningkatkan pencapaian dan terus cemerlang dalam pelajaran mereka.

⁶⁴ Mohd Fuad Md. Sawari (Dr., Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Syariah Prudential BSN Takaful) dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017.

⁶⁵ Al-Shāṭibī, Abū Iṣhāq Ibrāhīm Bin Mūsa al-Lakhmī al-Gharnāṭī al-Mālikī, *Al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Shari‘ah* ed. Shaykh ‘Abd Allah Darraz (Beirut: Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1991), 2:8.

⁶⁶ *Ibid.*, 21-22.

4.3.1.3 Perlindungan *maṣlaḥah* harta melalui manfaat takaful kematian

Harta benda merupakan suatu kurniaan Allah s.w.t kepada manusia bertujuan untuk dimanfaat bagi memenuhi keperluan hidup manusia. Lebih-lebih lagi dalam kehidupan harta merupakan salah satu wasilah bagi seorang manusia untuk memenuhi keperluan hidup dan keperluan ibadah. Kerana itulah harta sememangnya diperlukan oleh setiap manusia walaupun sedikit. Islam tidak pernah menghalang umat Islam untuk mencari harta asalkan dengan cara yang halal dan diuruskan dengan baik. Salah satu langkah yang boleh diambil adalah memperuntukkan bahagian tertentu daripada hartanya untuk disimpan dan dipelihara dengan bijaksana kerana harta juga merupakan sebahagian daripada pemberian dan amanah Allah s.w.t ke atas setiap hambaNya.

Oleh sebab itu amat penting bagi setiap umat Islam untuk membuat tabungan simpanan untuk kegunaan di masa hadapan. Justeru melalui penyertaan seseorang individu dalam skim takaful keluarga dilihat sebagai satu wasilah ke arah usaha untuk melakukan simpanan. Ini kerana dengan skim takaful peserta dengan sendirinya akan dapat menyimpan sebahagian daripada wang sumbangan takafulnya dengan lebih berdisiplin memandangkan peserta perlu membayar caruman sumbangan dengan tetap. Di samping simpanan untuk kemanfaatan diri sendiri peserta juga sebenarnya dapat menyumbang kepada sesama ahli yang ketika diperlukan.

Galakkan menyimpan harta tersebut dapat difahami berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abi Hurayrah r.a. Baginda bersabda:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ سَيْعًا: هَلْ تَنْتَظِرُونَ إِلَّا فَعْرَا مُنْسِيًّا، أَوْ غَيْرَ مُطْغِيًّا، أَوْ مَرَضًا مُفْسِدًا، أَوْ هَرَمًا مُفْنِدًا، أَوْ مَوْتًا جُنْهِيًّا، أَوْ الدَّجَالَ؛ فَشَرُّ عَائِبٍ يُنْتَظَرُ، أَوْ السَّاعَةُ؛ فَالسَّاعَةُ أَذْهَى وَأَمْرُ؟

Terjemahan: Bersegerakanlah kamu beramal sebelum tujuh perkara; adakah kamu menunggu kefakiran yang menyebabkan seseorang itu dilupakan, atau kaya yang membawa seseorang itu melakukan kezaliman, atau penyakit yang merosakkan, atau tua yang bongkok atau mati secara tiba-tiba, atau dajjal yang membawa kejahatan yang aneh-aneh, atau datangnya hari kiamat. Maka hari kiamat itu adalah yang jelas dan nyata⁶⁷.

Berdasarkan kepada hadith di atas dapat difahami bahawa dari kacamata Islam harta merupakan salah satu alat yang dapat menjamin keselesaan hidup manusia di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat. Justeru itu tidak dapat tidak harta tersebut perlulah diurus dan disimpan dengan sebaiknya. Perancangan kewangan yang berdasarkan kepada ajaran Islam akhirnya dapat menjadikan aspek kewangan menjadi salah satu wasilah ke arah memperoleh hasanah bukan sahaja di dunia bahkan hingga ke akhirat.

Sekiranya peserta meninggal dunia sebelum tempoh takaful matang, PruBSN akan membayar sejumlah wang manfaat pampasan yang dibayar sekaligus beserta dengan jumlah unit dalam akaun simpanan pelaburan peserta kepada benefisiari yang telah ditetapkan oleh peserta. Manfaat kematian yang menjadi manfaat asas dalam produk takaful keluarga sekurang-kurangnya dapat memberikan kemudahan terutamanya kepada waris untuk meneruskan kehidupan selepas ditinggalkan. Misalnya, sekiranya berlaku kematian maka dana yang terkumpul dalam dana *tabarru'* akan diagihkan kepada benefisiari peserta. Dengan manfaat takaful kematian tersebut sekurang-

⁶⁷ Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah Ibn Mūsā al-Tirmizi, “Sunan al-Tirmizi,” dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 1774 (Kitab Abwāb al-Zuhd, Bab Mā Ja’ā fī al-Mubādirah bi al-‘Amal, no. Hadith 2306). Al-Tirmizi mengatakan hadith ini adalah hadith *gharīb ḥassan*.

kuranyanya dapat membantu ahli keluarga peserta selepas kematiannya⁶⁸. Di samping itu, bagi jumlah simpanan yang terdapat dalam IUA yang sempat disimpan juga akan dikeluarkan dan dikembalikan semula kepada benefisiari peserta takaful. Contohnya, salah seorang peserta takaful PruBSN iaitu Allahyarham Mohd Khairul Asraff Mohamad Yusof yang dilaporkan telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan ke tempat kerja. Tambahan pula beliau merupakan anak lelaki sulung dalam keluarga. Menurut ibu bapa beliau, mereka tidak mengetahui Allahyarham telah menyertai perlindungan takaful keluarga PruBSN meskipun baru mula bekerja. Rentetan daripada kemalangan tersebut ibu bapa Allahyarham telah menerima cek pampasan berjumlah RM47,000 daripada PruBSN Takaful⁶⁹. Justeru itu, di sini dapat disimpulkan bahawa elemen *maslahah* dari sudut membelanjakan harta untuk tujuan perlindungan risiko dikenalpasti dapat meringankan beban dan mengurangkan kedukaan ahli keluarga atau waris yang kehilangan salah seorang anggota keluarganya kerana meninggal dunia.

Hutang merupakan antara *mafsadah* yang dikaitkan sekiranya berlaku kematian. Apabila seseorang meninggal dunia persoalan hutang akan menjadi persoalan utama yang akan ditanya kepada waris sama ada si mati ada meninggalkan hutang atau tidak. Sekiranya si mati mempunyai dan meninggalkan harta maka prosedur pertamanya adalah harta tersebut akan dibelanjakan untuk urusan pengebumiannya, dan keduanya dilihat kepada hutangnya⁷⁰. Hutang yang ditinggalkan oleh si mati hendaklah dilangsakan daripada harta yang ditinggalkannya.

⁶⁸ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017.

⁶⁹ Wartawan Sinar Harian “Terkejut terima pampasan anak”, Sinar Harian Online, 17 Januari 2017 laman sesawang dicapai 30 November 2017, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/terkejut-terima-pampasan-anak-1.613798>.

⁷⁰ Abdul Hakim dalam temu bual bersama penulis pada 6 Mac 2017 dan Mohd Nazri dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

Dengan adanya manfaat takaful kematian dapat mendatangkan *maṣlahah* kepada peserta. Manfaat takaful ini dapat digunakan untuk membayar hutang yang ditinggalkan oleh si mati. Manfaat ini merupakan salah satu elemen *maṣlahah* yang bertepatan dengan *maqāṣid al-shari‘ah* ke arah memelihara *maṣlahah* keturunan dan harta. Hutang menjadi satu beban yang menjadi penyebab roh seorang Mukmin tergantung di antara langit dan bumi sehingga hutangnya diselesaikan. Ini sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w daripada Abū Hurayrah:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّىٰ يُقْضَى عَنْهُ

Terjemahan: Roh seorang Mukmin itu terus tergantung disebabkan hutangnya sehingga ia dilunaskan⁷¹.

Oleh sebab kewajipan melangsaikan hutang bertukar menjadi tanggungjawab pewaris sekiranya berlaku kematian, maka dengan adanya manfaat takaful dapat membantu simati (peserta) menyelesaikan hutang yang ditinggalkan tanpa kerisauan dan membebankan orang yang membantu menjelaskan hutangnya. Sebahagian tertentu daripada caruman takaful oleh peserta akan dimasukkan ke dalam akaun unit peserta (PUA) yang sememangnya dikumpul dan diperuntukkan untuk tujuan meringankan beban mana-mana peserta yang ditimpa musibah. Justeru itu sebagai peserta takaful jika dia meninggal dunia maka dia mempunyai hak untuk mendapat manfaat yang diperuntukkan tersebut sebagaimana dipersetujui di dalam akad. Tambahan pula wang di dalam PUA adalah hak milik bersama setiap peserta yang sama-sama bertabarru'.

Di samping itu, manfaat perlindungan takaful juga dapat dijadikan jalan usaha ke arah mengurangkan masalah pembekuan harta pusaka yang tidak dituntut. Sehingga ke hari ini dilaporkan bahawa jumlah harta pusaka umat Islam yang tidak dituntut telah

⁷¹ Abī ‘Īsa Muḥammad bin ‘Īsa bin Sūrah Ibn Mūsa al-Tirmizi, “Sunan al-Tirmizi”, dalam *Mawsū ‘āt al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz al-Syaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 1755 (Kitab al-Janā’iz ‘An Rasūlullah s.a.w, Bāb Mā Jā’ a ‘An Nafs al-Mukmin Bidaynihi Ḥatta Yuqdā ‘Anhu, no. hadith 1078).

mencecah lebih enam puluh bilion ringgit⁷². Ketidakmampuan ahli keluarga untuk membayar kos-kos berkaitan dengan urusan tuntutan harta pusaka antara faktor menyebabkan ianya semakin meningkat⁷³. Justeru, melalui pelan takaful yang menawarkan manfaat berkaitan dengan *hibah* sememangnya dilihat mempunyai elemen *maṣlaḥah* dari sudut meringankan masalah yang dihadapi oleh ahli keluarga peserta sekiranya peserta meninggal dunia.

4.3.2 *Maṣlaḥah* dan *mafsadah* dalam isu berkaitan dengan akad dalam Takaful Keluarga di Prudential BSN Takaful

Akad-akad terma dan syarat yang terdapat dalam sijil sesuatu pelan takaful merupakan aspek yang penting dan mesti diambil perhatian oleh setiap peserta takaful kerana ia merupakan sebahagian daripada pelan tersebut. Misalnya, jika seseorang peserta takaful dimasukkan ke hospital kerana sakit, namun disebabkan oleh jenis penyakit yang dihidapinya tidak dilindungi di bawah sijil takafulnya maka dia tidak layak untuk mendapat manfaat perlindungan takafulnya. Oleh itu, dalam bahagian ini kajian akan menganalisis berkaitan dengan akad terma dan syarat yang terdapat dalam sijil takaful.

⁷² Mohd Faiz dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017.

⁷³ Lihat Ilah Hafiz Azizi, “RM60b harta umat Islam tidak dituntut”, Berita Harian Online, 29 Mac 2016, dicapai 10 September 2017, <https://www.bharian.com.my/node/138450>; Norshahzura Mat Zuki, “Urus harta pusaka, usah beban waris”, Sinar Harian Online, 15 Ogos 2016, dicapai 10 September 2017 <http://www.sinarharian.com.my/mobile/bisnes/urus-harta-pusaka-usah-beban-waris-1.552337>; Norisah Ibrahim, “Harta pusaka orang Islam tidak dituntut RM60 bilion”, Utusan Online, 13 Oktober 2016, dicapai 10 September 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/harta-pusaka-tidak-dituntut-mencecah-angka-rm60-bilion-1.185501>.

4.3.2.1 *Maṣlahah* dan *mafsadah* berkaitan dengan isu perkongsian lebihan pengunderaitan (*underwriting surplus sharing*) di Prudential BSN Takaful

Secara umumnya, sekiranya berlaku lebihan pengunderaitan (selepas ini disebut dengan lebihan dana *tabarru'*) dalam dana *tabarru'* selepas berakhir aktiviti takaful pada setiap akhir tahun kewangan, ia akan diagihkan semula sama rata kepada para peserta takaful dengan pihak PruBSN. Amaun atau jumlah lebihan yang akan diagihkan semula kepada peserta tersebut ditentukan setiap tahun dan adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN⁷⁴. Lima puluh peratus (50%) akan diagihkan dan dikreditkan ke dalam PUA peserta termasuk keuntungan pelaburan yang terbit daripada dana *tabarru'*. Manakala, baki 50% daripada lebihan tersebut pula akan diagihkan kepada syarikat atas alasan sebagai upah prestasi atau insentif kerana menguruskan dana *tabarru'*. Berkennaan dengan dengan perkongsian agihan lebihan ini, ianya dapat dilihat menerusi klausa berikut:

“Saya/ Kami memahami bahawa saya/ kami layak menerima sekurang-kurangnya 50% daripada lebihan yang diagihkan (jika ada), termasuk pulangan pelaburan, yang terbit daripada Dana *Tabarru'* pada akhir setiap tahun kewangan dan jumlah tersebut akan dikreditkan ke dalam PUA. Saya/ Kami akan memberikan anda (PruBSN) mengambil lebihan yang diagihkan (jika ada) sehingga 50% sebagai insentif kerana menguruskan Dana *Tabarru'*. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah anda”⁷⁵.

Berdasarkan kepada klausa di atas, dapat difahami bahawa setiap peserta takaful bersetuju memberikan lebihan dana *tabarru'*⁷⁶ turut dikongsikan kepada PruBSN. Justifikasi perkongsian lebihan tersebut adalah sebagai bayaran insentif atas usaha pihak

⁷⁴ Prudential BSN Takaful, “Dokumen Sijil Takaful” Bahagian Pengakuan, Bahagian ke-7 (no. 7.10), 9.

⁷⁵ PruBSN Takaful, Borang Cadangan Untuk Pelan Takaful Sumbangan Tetap dalam Dokumen Sijil Takaful.

⁷⁶ Klausa tersebut menjadi sebahagian daripada pengakuan yang perlu diakui oleh mana-mana bakal peserta dan peserta yang ingin menyertai takaful. Setelah pengakuan dibaca, bakal peserta kemudiannya akan menandatangani borang tersebut sebagai perakuan bersetuju dengan terma-terma yang terdapat dalam borang tersebut.

syarikat menguruskan dana *tabarru'* (dana peserta) dengan baik sehingga menerbitkan lebihan. Selain itu, ia juga dianggap sebagai galakan kepada PruBSN untuk terus menguruskan dana tersebut dengan cemerlang secara berterusan. Pengerusi Syariah PruBSN juga berpandangan bahawa pemberian ganjaran daripada lebihan dana *tabarru'* tersebut adalah sesuatu yang baik kerana ia dapat menjadi pendapatan tambahan kepada PruBSN di samping caj-caj *wakālah*, caj perkhidmatan dan caj pengurusan aset kerana menjadi wakil peserta menguruskan dana-dana *tabarru'* di samping dana simpanan dan membantu melaburkan dana-dana tersebut⁷⁷.

Menurut piawaian Shariah AAIOFI, lebihan takaful atau lebih pengunderaitan (*underwriting surplus*) bermaksud baki yang tinggal daripada jumlah sumbangan(caruman) para peserta dalam dana *tabarru'*, di samping mengambil kira sumbangan yang dikumpulkan daripada peserta dan pendapatan yang dijana daripada aktiviti pelaburannya, dan segala kos-kos selepas pembayaran tuntutan dan / atau manfaat, kos takaful semula (*reinsurance*) serta perbelanjaan lain yang berkaitan sepanjang tahun tersebut⁷⁸. AAIOFI dalam *Standard Shariah* yang dikeluarkan pada tahun 2010 telah membenarkan peserta mengagihkan lebihan dana *tabarru'* antara sesama kumpulan peserta. Manakala, pengendali takaful pula tidak berhak untuk menerima apa-apa daripada lebihan tersebut⁷⁹. Dengan kata lain, lebihan dana *tabarru'* tersebut tidak boleh dikongsi kepada pengendali takaful. Alasannya, amalan perkongsian lebihan tersebut boleh menyebabkan takaful menjadi suatu amalan yang menjurus kepada sifat *mu‘āwadah*, bukan *tabarru'*. Pengagihan semula lebihan tersebut (jika ada) kepada peserta telah menjadi satu faktor terbesar membezakan operasi takaful keluarga dengan insurans konvensional.

⁷⁷ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

⁷⁸ Sila lihat Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAIOFI), *Al-Ma‘āyir al-Shari‘iyah* (Al-Manamah: Hay’at al-Muḥāsabah wa al-Murāja‘ah li al-Mu‘assat al-Maliyah al-Islamiyah, 2009) (Mi’yar no. 26 (mulhaq (ζ)), 376.

⁷⁹ AAIOFI, *Shariah Standard* 2010, (Standard no. 26 5/5), 466.

Dalam operasi takaful, lebihan dana *tabarru'* dianggap hak milik kumpulan peserta sahaja. Justeru, sekiranya ada, maka ia harus diagihkan semula kepada peserta. Sebaliknya, lebihan dalam operasi insurans konvensional pula dimiliki oleh syarikat insurans yang dianggap sebagai imbalan kepada perlindungan yang ditawarkan⁸⁰. Oleh sebab itu, apa-apa pemberian daripada bahagian lebihan tersebut kepada pengendali takaful boleh menyebabkan ia dianggap sebagai balasan untuk perlindungan yang ditawarkan oleh pengendali takaful. Akibatnya, ia boleh mengubah bentuk mu‘āmalāt takaful daripada *tabarru'* kepada *mu‘āwadah*, dan operasi takaful juga akan menjadi tidak ubah seperti insurans konvensional⁸¹. Namun begitu, selepas dikemaskini pada 2012, AAIOFI kemudiannya telah mengeluarkan ketetapan baharu yang akhirnya membenarkan juga pengendali takaful menerima lebihan dana *tabarru'* selepas ditolak rizab dan *indeminiti*. Bahkan badan Syariah tersebut juga mencadangkan supaya tiga puluh peratus daripada lebihan tersebut diagihkan kepada pengendali takaful. Berdasarkan keputusan tersebut juga dapat difahami bahawa keputusan mengharuskan perkongsian lebihan tersebut adalah berdasarkan kepada yuran prestasi berasaskan akad *ju‘ālah*⁸².

⁸⁰ Ibid., standard no. 26/ Appendix B: Basis of The Shari‘ah Rulings, 475-476.

⁸¹ Adnan Mahmud Al-‘Assaf, “Al-Faid al-Ta’mīnī, Aḥkāmuhu wa Ma‘āyīr Ihṭisabuhu wa Tawzī‘uh” dalam Makalah, Mu’tamar al-Ta’mīn al-Ta‘āwunī, kerjasama antara Al- Jāmi‘ah al-Urdūniyyah, Al-Munazzamah al-Islāmiyyah li al-Tarbiyyah wa al- ‘Ulūm wa al-Thaqāfah, dan Al-Ma‘had al-Islāmī li al-Buhūth wa al-Tadrīb, 11-13 April 2010, 28; AAIOFI, *Standard Shariah*, (Standard no. 26/5/5); Ahmad Kamil, “Hibah Berta’liq dan Penggunaannya dalam Takaful”, 258.

⁸² Mohd Isa Mohd Deni dan Nurul Huda Abdullah @ Abdul Aziz, “Pengurusan Lebihan Dana Takaful: Satu Analisis”, (makalah Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), 10-12 Mei 2016), 1766; AAIOFI, *Standard Shariah*, (Standard no. 26/5/5).

Di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara telah mengharuskan perkongsian lebihan dana *tabarru'* terhadap syarikat pengendali takaful. Resolusi Syariah yang membenarkan lebihan dana *tabarru'* dikongsi dengan pengendali takaful adalah sebagaimana berikut:

MPS pada mesyuarat ke-42 bertarikh 25 Mac 2004 dan mesyuarat ke-59 bertarikh 25 Mei 2006 telah memutuskan bahawa lebihan dana risiko peserta (bagi pelan takaful keluarga dan pelan takaful am) boleh diagihkan antara peserta dengan syarikat takaful. Walau bagaimanapun, kaedah pengagihan lebihan dana risiko peserta perlu dinyatakan dengan jelas dan dipersetujui oleh peserta takaful semasa kontrak perjanjian takaful dimeterai. MPS, pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006, seterusnya memutuskan bahawa: Untuk model takaful yang berasaskan konsep wakalah, lebihan dana risiko boleh diambil oleh pengurus dana takaful sebagai yuran prestasi berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui⁸³.

Berdasarkan kepada resolusi di atas, asas pertimbangan MPS Bank Negara membenarkan perkongsian lebihan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa akad takaful secara umumnya terbina atas dasar *tabarru'* dan *ta'awun*, di samping persetujuan bersama antara pihak yang berkontrak. Prinsip *tabarru'* merupakan prinsip utama yang mendasari takaful, di samping akad *wakalah* dan *muqarabah* berdasarkan kepada pertimbangan bahawa pengagihan tersebut dibuat atas dasar sebagai yuran prestasi (*performance fee*) yang wajar diterima oleh syarikat takaful⁸⁴ dengan mengambil kira kaedah fiqh:

⁸³ الأصل في العقد رضى المتعاقدين، وتبينه هي ما التزم به بالتعاقد

Pada asasnya, lebihan dana *tabarru'* tersebut tidak terbit begitu sahaja. Sebaliknya ia bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya, kecekapan dan kecemerlangan syarikat takaful seperti mengelak daripada membuat tawaran perlindungan ke atas

⁸⁴ Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua, (Resolusi no. 52), 78.

⁸⁵ *Ibid.*, 78-79

⁸⁵ Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan kepada hak dan tanggungjawab yang telah mereka persetujui dalam akad. Ahmad Muhammad al-Zarqa', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Dimashq: Dar al-Qalam, 1989), 482.

elemen-elemen yang berisiko tinggi, membuat penelitian sebelum menentukan harga sesuatu produk yang ditawarkan, serta memasarkan produk-produk takaful dengan aplikasi kemahiran yang tinggi. Oleh itu, peranan pengendali takaful sangat penting dan diperlukan bagi menyusun strategi dan kajian yang teliti dari aspek teknikal dan lapangan mengenai keadaan dan realiti pasaran semasa⁸⁶. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa kecekapan dan kecemerlangan pihak pengendali takaful dalam memasarkan produk takaful keluarga telah menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada kewujudan lebihan dalam dana *tabarru'* peserta⁸⁷.

Meskipun lebihan dana *tabarru'* wujud disebabkan kepakaran dan kecekapan pengurusan syarikat takaful, namun hakikatnya ia tidak boleh dianggap sebagai keuntungan daripada aktiviti takaful. Ini kerana konsep sebenar takaful adalah saling memberi untuk membantu dan melindungi dengan tujuan meringankan bebanan dan kesan buruk disebabkan oleh musibah yang menimpa. Oleh itu, di sini dapat difahami bahawa lebihan dana *tabarru'* bukanlah suatu bentuk keuntungan ataupun pendapatan kepada peserta mahu pun syarikat takaful. Sebaliknya, takaful itu sendiri lahir daripada sifat akad *tabarru'* atau *iltizām bi al-tabarru'* iaitu kerjasama antara para peserta takaful dan bertabarru' dengan harta mereka sendiri. Sekiranya salah seorang peserta dalam kumpulan takaful tersebut ditimpa musibah, maka sejumlah dana daripada dana *tabarru'* tersebut boleh diberikan sebagai pampasan.

Secara ringkasnya, apabila jumlah *tabarru'* melebihi bayaran jumlah pampasan maka akan wujudlah lebihan dalam akaun dana *tabarru'*. Ianya tidak disandarkan kepada keuntungan sebagaimana yang berlaku dalam akad *mu‘āwadah*. Manakala konsep sebenar takaful pula adalah bersifat *tabarru'* dalam kalangan peserta. Jika diperhatikan lebihan dana *tabarru'* merupakan antara unsur utama yang membezakan sistem takaful Islam dengan sistem insurans konvensional, iaitu terbina di atas landasan

⁸⁶ Mohd Kamil Ahmad, “Hibah Berta’liq dan Penggunaannya dalam Takaful,” 235.

⁸⁷ *Ibid.*, 236.

hubungan saling bertabarru' antara sesama peserta takaful, dan bukannya berlandaskan kepada hubungan *mu'āwadah* antara syarikat yang menawarkan perlindungan dan peserta membayar caruman. Jelas bahawa pemulangan semula lebihan dana *tabarru'* kepada para peserta takaful merupakan unsur penting dalam sistem takaful Islam, yang membezakannya dengan sistem insurans konvensional yang telah difatwakan haram.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa dana *tabarru'* adalah milik kumpulan peserta secara bersama. Oleh itu segala lebihan (jika terhasil) merupakan milik dana ini. Lantaran itu, jika wujud lebihan dalam dana *tabarru'* maka ia hendaklah diuruskan dengan sebarang cara yang boleh mendatangkan *maṣlahah* dan manfaat kepada pihak peserta dan dana *tabarru'*, seperti membina rizab, memberi diskau ke atas bayaran caruman yang akan datang, mengagihkan sebahagiannya kembali kepada peserta dan lain-lain⁸⁸. PruBSN merupakan wakil yang berperanan mengurus dan mengedalikan dana *tabarru'* bagi pihak peserta. Setiap usaha yang dilakukan tersebut tidak lain dan tidak bukan demi kemaslahatan para peserta yang menyertai mana-mana pelan takaful keluarga⁸⁹. Antara usaha-usaha tersebut ialah: i) mengumpulkan sebanyak mungkin jumlah *tabarru'* dalam dana demi keperluan pampasan kepada peserta, dan ii) menghasilkan pelaburan yang sebanyak mungkin bagi kemaslahatan dana *tabarru'* dan kumpulan peserta⁹⁰. Setiap usaha yang dilakukan penting bagi membolehkan jumlah dana terkumpul dalam akaun bercambah semakin banyak dan seterusnya dapat meningkatkan keupayaannya bagi menampung jumlah bayaran pampasan dan perbelanjaan yang bakal ditanggung supaya tidak berlaku defisit.

Jika dilihat dari aspek *maṣlahah* dan *mafṣdah*, dengan membenarkan lebihan dana *tabarru'* dikongsi dengan pengendali takaful dengan alasan sebagai yuran prestasi di

⁸⁸ AAOIFI, *Standard Shariah*, (Standard no. 26/5/5).

⁸⁹ Mohd Fuad dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari 2017; Abdul Hakim dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

⁹⁰ *Ibid.*; Roslinah Daud, "Underwriting Family Takaful Schemes", *Takaful Articles*, ICMIF Takaful, no. 18, (September 2009).

samping caj *wakālah* dan/ atau nisbah keuntungan daripada pelaburan dapat menjadi suatu galakan dan motivasi kepada mereka menguruskan dana takaful secara lebih cekap dan efisien pada masa hadapan. Tambahan pula, lebihan dana *tabarru'* yang wujud pada akhir sesuatu tempoh kewangan tersebut bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada pengendali takaful bahkan juga kepada para peserta takaful itu sendiri⁹¹. Meskipun keputusan institusi-institusi Syariah mengharuskan atau membenarkan lebihan dana *tabarru'* dikongsi dengan pihak pengendali takaful dengan mencadangkannya ia dipanggil sebagai ‘yuran prestasi’ atau ‘insentif’, bahkan terdapat klausa khusus dalam sijil takaful yang membuktikan peserta bersetuju dengan perkongsian lebihan tersebut, namun pada pandangan pengkaji perkongsian lebihan tersebut pada hakikatnya dilihat sebagai suatu *mafsadah* iaitu dari sudut ketidak adilan kepada para peserta. Ini kerana, jika teliti semula kepada pembahagian-pembahagian jumlah sumbangan takaful yang dibayar oleh peserta takaful, PruBSN sebagai pengendali takaful pada hakikatnya telah memperoleh hak mereka dari sudut bayaran caj-caj *wakālah* yang telah dikenakan ke atas setiap peserta seperti caj wakalah pendahuluan, caj perkhidmatan dan pengurusan bagi kedua-dua jenis akaun iaitu PUA dan IUA sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.3 pada bab dua⁹².

Meskipun diakui perjanjian berkaitan dengan perkongsian yang telah dibuat tersebut adalah sah kerana terdapat klausa yang menyatakan bahawa peserta telah memberi persetujuan membenarkan pihak syarikat mengambil sehingga lima puluh peratus (50%) daripada baki lebihan dana *tabarru'* (sekiranya ada)⁹³. Namun begitu dari sudut *maṣlahah* dan *mafsadah*, klausa tersebut dilihat mendatangkan *mafsadah* dari sudut ketidak adilan dan penganiayaan kepada pihak peserta. Sedangkan *maqsad aṣliyyah* takaful keluarga adalah untuk memelihara dan menjaga *maṣlahah* para peserta

⁹¹ Hamim Syahrum Ahmad Mokhtar, Izwayu Abdul Aziz dan Noraziyah Md. Hilal, “Surplus-Sharing Practices of Takaful Operators in Malaysia” dalam Jurnal ISRA International Journal of Islamic Finance Vol. 7 Issue 1 (2015), 1.

⁹² Sila lihat di muka surat 61.

⁹³ Sila lihat klausa berkaitan di muka surat 126.

menerusi pelan-pelan perlindungan takaful keluarga berbanding *maqsad tab'iyyah* iaitu menghasilkan keuntungan perniagaan yang dijalankan. PruBSN sebagai pengendali takaful pada hakikatnya sudah mendapat manfaat tetap untuk bahagian mereka iaitu bahagian caj-caj *wakālah* yang dikenakan ke atas para peserta. Salah satu bukti yang dapat dilihat ialah dengan caj *wakālah* tersebut juga PruBSN dapat melantik pihak ketiga iaitu ejen takaful sebagai wakil mereka yang mengambil peranan untuk mendapatkan seramai mungkin orang awam untuk menyertai pelan takaful keluarga yang ditawarkan. Dengan bantuan ejen takaful mencari seramai mungkin orang awam maka sudah tentu syarikat mendapat keuntungan. Oleh sebab itu, pada pandangan pengkaji adalah tidak munasabah bagi pihak PruBSN untuk tetap mahu diagihkan lebihan dana *tabarru'* kepada mereka.

Walau bagaimanapun, itu bukanlah bermakna PruBSN sebagai pengendali takaful dilarang secara mutlak untuk turut mendapat bahagian daripada lebihan dana *tabarru'* tersebut sedangkan ia telah mendapat persetujuan daripada pihak peserta. Persetujuan bersama dengan kerelaan tanpa sebarang penipuan dan penindasan meskipun perkongsian agihan lebihan tersebut dilihat agak tinggi masih tidak bercanggah dengan firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوْا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تَجْرِيَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا ﴿٢٩﴾

Al-Nisa' 4: 29

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Namun, alasan yang membolehkan ia diambil perlulah jelas supaya unsur *mafsadah* iaitu *gharar* dan tidak adil dapat dihindarkan. Oleh itu, antara langkah bagi membolehkan PruBSN turut mendapat bahagian lebihan dana tersebut, pengkaji mencadangkan supaya klausa perkongsian lebihan dana *tabarru'* sedia ada tersebut dibaiki sedikit. Untuk tujuan menghargai pihak PruBSN, sekiranya berlaku lebihan maka dicadangkan supaya PruBSN melaburkan lebihan dana *tabarru'* tersebut untuk kali kedua. Tujuh puluh peratus (70%) daripada keuntungan pelaburan tersebut bolehlah diagihkan semula kepada para peserta, manakala tiga puluh peratus (30%) daripadanya pula dijadikan sebagai rizab atau didermakan kepada badan kebajikan. Apabila keuntungan pelaburan lebihan dana *tabarru'* tersebut dikembalikan semula kepada peserta dengan sendirinya ia dilihat akan dapat mendatangkan *maslahah* kepada para peserta takaful dari sudut meningkatkan jumlah dana *tabarru'* yang boleh dimanfaatkan oleh kumpulan peserta dimasa akan datang.

Manakala, atas usaha PruBSN berusaha membantu melaburkan lebihan dana *tabarru'* tersebut, maka pihak syarikat dibolehkan untuk mengenakan caj *wakalah* kali kedua kerana melaburkan lebihan dana *tabarru'* tersebut. Dengan cara itu barulah ia dibolehkan untuk mendapat bahagian daripada lebihan dana *tabarru'* tersebut atas alasan sebagai upah melaburkan dana lebihan, bukan mengambil begitu sahaja tanpa alasan yang kukuh. Berbeza dengan cara yang telah diamalkan pada masa kini yang dilihat menekan peserta dan dilihat seolah-olah memaksa peserta untuk bersetuju dengan syarat yang ditetapkan oleh pihak syarikat⁹⁴. Meskipun pihak PruBSN juga dibolehkan mendapatkan keuntungan atas perniagaan yang dijalankan dan ianya dibenarkan, dan pengagihan lebihan tersebut dibolehkan dikongsi antara peserta dengan

⁹⁴ Para peserta diminta untuk memberikan persetujuan dengan menandatangani perjanjian sebagaimana yang telah ditetapkan dalam borang penyertaan semasa diawal penyertaan. Perjanjian persetujuan tersebut kemudiannya akan dilampirkan bersama-sama dengan dokumen sijil takaful yang diberikan kepada peserta. Pada pandangan pengkaji perjanjian berkaitan dengan persetujuan yang membenarkan pihak pengendali takaful turut mengambil lebihan tersebut sebagai insentif adalah tidak boleh diterima kerana pada hakikatnya pengendali takaful sudah mengenakan caj wakalah ke atas setiap peserta takaful yang menyertai pelan perlindungan takaful keluarga.

pengendali takaful kerana telah mendapat persetujuan daripada para peserta takaful, namun perkongsian lebihan tersebut pada pandangan pengkaji perlulah mengambil kira kemaslahatan kepada para peserta. Dengan lain maksud, jika ia dilaksanakan maka ia perlulah dalam situasi menang-menang (*win-win situation*).

Jika diteliti dari sudut *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dilaksanakan pelan perlindungan takaful keluarga, *maqṣad asliyyah* (matlamat asal) utamanya diperkenalkan adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban peserta sekiranya memerlukan. Menyertai pelan takaful keluarga yang ditawarkan merupakan suatu usaha yang diambil oleh peserta bagi melindungi diri dan ahli keluarga daripada *mafsadah* musibah yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Manakala, *maqṣad tab‘iyyah* (matlamat sampingan) dalam takaful keluarga untuk membuat simpanan dan pelaburan jangka panjang.

Selain itu, syarikat pengendali takaful pula skim pelan takaful juga menjadi sumber pendapatan mereka yang boleh mendatangkan keuntungan. Menjana pendapatan dan keuntungan dalam perniagaan takaful dikategorikan sebagai *maqāṣid tab‘iyyah* kepada perlaksanaan sistem takaful kepada pihak pengendali takaful. Hal ini kerana mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan sudah pasti mahukan keuntungan. Dalam mengelak daripada terjebak dengan unsur-unsur *gharar* dan *maysir* dalam takaful keluarga di samping mencapai keuntungan pelbagai jenis langkah strategi telah diatur oleh pengendali takaful supaya dapat menghasilkan keuntungan semasa kepada syarikat. Usaha tersebut termasuklah dari aspek perkongsian lebihan dana *tabarru’*. Dalam usaha mencapai *maqṣad tab‘iyyah* tersebut usaha yang dilakukan itu mestilah tidak bercanggah dengan *maqṣad asliyyah* takaful keluarga diadakan. Sekiranya berlaku pertembungan antara *maqsad asliyyah* dengan *maqṣad tab‘iyyah* maka *maqsad asliyyah* lebih perlu diutamakan.

4.3.2.2 *Maslahah* dan *mafsadah* berkaitan dengan isu penglibatan ejen takaful dalam takaful keluarga di Prudential BSN Takaful

Berdasarkan kepada perbincangan bab yang lepas berkaitan dengan hubungan antara syarikat dengan peserta, secara umumnya didapati bahawa syarikat takaful PruBSN mengaplikasikan akad *wakalah bi al-ajr*⁹⁵. Dengan berasaskan kepada akad tersebut, PruBSN mewakili peserta mengurus dan mengendalikan urusan berkaitan takaful, bermula daripada urusan pengunderaitan, pembukaan akaun PUA dan IUA, melaburkan dana-dana simpanan dan dana *tabarru'* milik para peserta, sehinggalah kepada aktiviti berkaitan dengan perlindungan insurans seperti membayar manfaat pampasan sekiranya diperlukan dan sebagainya.

Dalam sistem takaful di Malaysia, kebiasaan yang diamalkan ketika ini ialah diwujudkan pihak ketiga yang memainkan peranan sebagai kepada wakil kepada syarikat pengendali takaful yang bertujuan untuk mempromosi dan memasarkan produk-produk takaful keluarga kepada masyarakat umum⁹⁶. Pihak ketiga tersebut ialah ejen takaful. Peranan ejen-ejen takaful merupakan antara salah satu faktor penyumbang kepada kejayaan syarikat pengendali takaful mengembangkan pelan-pelan takaful keluarga dalam kalangan masyarakat⁹⁷. Peranan dan sumbangan ejen takaful dalam industri dalam memberi pendedahan dan kefahaman dalam kalangan masyarakat telah meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan takaful⁹⁸ sememangnya tidak dapat dinafikan. Dengan usaha pihak ejen yang bertungkus-lumus mempromosikan dengan memberi pendedahan dan kefahaman tentang pelan-pelan takaful keluarga menjadikan produk ini semakin dapat diterima dalam kalangan masyarakat. Peranan dan

⁹⁵ Sila lihat perbincangan di muka surat 59-65.

⁹⁶ Ahmad Mazlan Zulkifli et al., Basic Takaful Practitioners: Medical& Health Takaful, General Takaful and Family & Investment Linked Takaful (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 129.

⁹⁷ Zulkifli Zakaria, "Malaysian Takaful Agency Force: A Pre-recruitment Assesement", *ICMIF Series of Takaful Articles*. no. 4 (Feb 2006).

⁹⁸ Nurauliani Jamlus Rafdi et. al., "Penerimaan Masyarakat Terhadap Perlindungan Takaful", (makalah, Persidangan Antarabangsa Pengurusan dan Muamalah IV 2017 (4th ICoMM 2017), Peringkat Kebangsaan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Hotel Palm Garden Putrajaya, 7-8 November 2017) 481

sumbangan ejen dalam industri takaful pada hari ini dalam hari ini telah meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan perlindungan takaful.

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab lalu⁹⁹, setiap ejen takaful telah diberi kuasa untuk melaksanakan aktiviti pemasaran dan urus niaga produk bagi pihak pengendali takaful. Melalui tugas yang diberikan tersebut para ejen takaful dengan inisiatif sendiri akan bertemu masyarakat bagi menjelaskan tentang takaful keluarga, manfaat dan kelebihan menjadi peserta takaful keluarga. Dengan cara demikian akan memudahkan dan melancarkan urusan bertemu orang ramai dan peserta¹⁰⁰ sekiranya diperlukan, misalnya membantu para peserta berkaitan urusan proses tuntutan pampasan dan sebagainya. Di samping itu dapat memperkembangkan pengetahuan berkenaan produk-produk perlindungan musibah Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam¹⁰¹. Hasilnya, apabila semakin ramai orang menyertai takaful keluarga maka semakin banyak dana *tabarru'* dapat dikumpulkan dalam tabung dana *tabarru'*. Jika dibandingkan dengan sebelum adanya sistem ejen takaful¹⁰² semasa di awal penubuhan industri takaful kesedaran orang ramai tentang kepentingan mempunyai pengurusan dan perlindungan kewangan adalah sangat rendah¹⁰³. Dari situ dapat dilihat kelebihan memasarkan produk takaful keluarga ejen takaful. Ejen telah menjadi salah satu wasilah yang dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan skim perlindungan risiko yang patuh Shariah.

Setiap penyertaan individu yang berjaya didaftarkan menjadi peserta bagi mana-mana pelan takaful keluarga maka ejen akan dibayarkan upah atau komisen¹⁰⁴. Bagi pelan takaful keluarga khususnya yang melibatkan penyertaan jangka panjang,

⁹⁹ Sila lihat perbincangan di muka surat 65-69.

¹⁰⁰ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), *Buku Panduan Takaful* (Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd, 2007), 108

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² Mohd Faiz dalam temu bual bersama penulis pada 28 April 2017.

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ Pembayaran upah ini bergantung kepada selagi mana peserta terus membuat pembayaran secara konsisten dan tidak mengundur diri daripada skim takaful yang disertainya dalam tempoh tersebut.

seseorang ejen takaful akan mendapat komisen selama enam tahun¹⁰⁵ bagi setiap seorang peserta. Pengkaji difahamkan bayaran komisen kepada ejen takaful adalah daripada caj *wakālah* pendahuluan yang dicaj ke atas jumlah bayaran sumbangan yang dibayar oleh peserta. Pada kebiasaannya komisen tersebut dihitung berdasarkan kepada peratusan tertentu daripada jumlah sumbangan takaful yang berjaya diperoleh daripada peserta¹⁰⁶. Misalnya, jumlah sumbangan bulanan yang perlu dibayar oleh seorang peserta takaful ialah RM165. Enam puluh peratus daripada jumlah keseluruhan bayaran sumbangan tersebut kemudiannya ditolak sebagai caj *wakālah* pendahuluan, dan dimasukkan ke akaun pemegang saham syarikat. Daripada akaun syarikat tersebut, dua puluh lima peratus daripadanya pula diperuntukkan untuk membayar komisen kepada ejen¹⁰⁷. Komisen tersebut akan terus diperoleh selagimana peserta terus membuat pembayaran sumbangan takafulnya secara konsisten dan tidak mengundurkan diri dari pelan takaful yang telah disertainya. Sebaliknya, jika peserta tidak membayar sumbangan atau menarik diri lebih awal daripada pelan takafulnya, maka ejen takaful juga tidak lagi mendapat komisen¹⁰⁸ tersebut. Jika jumlah komisen yang diberikan kepada ejen adalah besar, maka pengendali takaful mengenakan caj *wakālah* yang agak besar juga ke atas sumbangan takaful peserta¹⁰⁹.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas berkaitan dengan isu ejen takaful, jika dilihat dari sudut *maṣlahah* dan *mafsadah*, meskipun pembayaran komisen kepada ejen dikatakan harus dengan anggapan kos tersebut termasuk dalam kos yang berkaitan

¹⁰⁵ Perkara ini selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh BNM. Di bawah polisi takaful keluarga berkaitan pelaburan, jumlah komisen dibayar kepada agensi atas aktiviti pemasaran dan perkhidmatan selepas pembayaran caruman takaful. Bagi sijil takaful keluarga yang melibatkan pembayaran sumbangan dalam tempoh dua puluh tahun atau lebih, seratus enam puluh peratus (160%) daripada jumlah sumbangan tahunan akan dibayar kepada agensi dalam tempoh enam tahun. Jumlah maksimum bagi pembayaran komisen yang dibayar dalam tempoh tiga tahun pertama ialah 40%, 40% dan 25% setiap tahun. Sila lihat Bank Negara Malaysia, *Guidelines on Investment-Linked Insurance/Takaful Business* (no. 18.1 (B)), 15-16.

¹⁰⁶ Abdul Hakim dalam temu bual bersama penulis pada 6 Mac 2017.

¹⁰⁷ Perkara ini telah disentuh di muka surat 65-69.

¹⁰⁸ Mohd Kamil, “Hibah Berta’liq dan Penggunaannya dalam Takaful”, 211.

¹⁰⁹ Bank Negara Malaysia, “Guidelines on Investment-Linked Insurance/ Takaful Business” (no. 18.1 (B)), 15-16.

pengurusan operasi, namun hakikatnya akad *wakālah* yang dimeterai adalah antara ejen dengan PruBSN. Para ejen takaful pula menjalankan tugas-tugas pemasaran demi kemaslahatan pihak PruBSN, maka adalah seharusnya sebarang ganjaran yang ditawarkan kepada ejen takaful perlulah bersumberkan kepada wang syarikat, bukannya wang para peserta. *Mafsadah* daripada tindakan tersebut menyebabkan berlaku ketidak adilan kepada para peserta kerana pihak syarikat mengenakan caj *wakālah* yang tinggi ke atas sumbangan takaful peserta, dengan alasan untuk menampung kos komisen.

Pada dasarnya fungsi ejen dalam operasi takaful jika diteliti tidak mempunyai perkaitan secara langsung dengan *maslahah* peserta atau dana *tabarru'*. Malahan juga sukar untuk dikatakan bahawa penggunaan khidmat ejen adalah sebahagian daripada tugas menguruskan dana *tabarru'*, sebagaimana yang telah dipertanggungjawabkan ke atas pihak pengendali takaful sehingga kosnya juga perlu dicaj ke atas peserta. Justeru itu, ia dianggap sebagai *mafsadah* dari aspek ketidak adilan kepada para peserta kerana diletakkan bebanan membayar kos komisen ejen takaful, sedangkan hakikatnya sebahagian besar hasilnya adalah untuk menjaga kemaslahatan dan kemanfaatan pihak pengendali takaful.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya sudah tiba masanya pihak kerajaan mengambil alih mengendalikan industri takaful sebagaimana Tabung Haji dan institusi-institusi zakat kerana takaful juga merupakan suatu isu yang melibatkan kepentingan dan kemaslahatan wang umat Islam. Pengkaji melihat antara kekangan utama yang menjadikan industri takaful masih belum sepenuhnya mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia khususnya adalah disebabkan oleh kekangan kewangan kerana jika diperhatikan kebanyakan harga bagi satu-satu produk takaful lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan perlindungan kesihatan adalah agak mahal¹¹⁰.

¹¹⁰ Utusan Online, “Premium Insurans, Takaful Mahal di Malaysia” laman sesawang, dicapai 18 Ogos 2018 http://ww1.utusan.com.my/utusan/Korporat/20140702/ko_03/Premium-insuranstakaful-mahal-di-Malaysia. Misalnya, harga minimum takaful keluarga asas berkaitan pelaburan (PruBSN FirstLink

Apabila diteliti, didapati bahawa struktur komisen kepada ejen serta bonus dan lain-lain tidak dinyatakan dengan jelas dalam *brosur* mahupun sijil takaful. Perkara ini bertentangan dengan kaedah fiqh . ﻚُلُّ عَقْدٍ يُؤَدِّي إِلَى الْجَهَالَةِ فَهُوَ مُبْطَلٌ¹¹¹. Jika aspek *maṣlahah* diterima pakai dalam pembayaran komisen dan bonus kepada ejen takaful sehingga membolehkan pengendali takaful mengenakan caj pendahuluan yang tinggi ke atas peserta melalui akad *tabarru'*, maka aspek *maṣlahah* kepada peserta takaful juga hendaklah diterima pakai bersama. Oleh itu demi *maṣlahah* bersama, pengkaji mencadangkan supaya adalah lebih baik sekiranya pengendali takaful turut menyatakan dengan jelas dalam *brosur* penerangan produk dan sijil takaful supaya peserta atau bakal peserta mendapat gambaran dan kefahaman tentang bagaimana operasi takaful yang patuh Syariah dikendalikan. Ini sekali gus dapat menukar persepsi negatif masyarakat terhadap industri takaful dan ketelusan produk perlindungan takaful keluarga yang patuh Syariah dan bukan dianggap hanya mementingkan keuntungan perniagaan semata-mata.

Oleh sebab itu apa-apa sahaja tawaran ganjaran kepada ejen tidak sepatutnya dikaitkan dengan sumbangan peserta, sebaliknya ia mestilah daripada sumber kewangan syarikat sendiri. Berdasarkan kepada perbincangan di atas caj *wakālah* pendahuluan yang tinggi dikenakan dilihat sebagai suatu *mafṣadah* kepada para peserta. Apabila dilihat dari sisi sebagai seorang peserta takaful, pengkaji merasakan jumlah caj tersebut agak membebankan kerana peserta terpaksa membayar sumbangan takaful yang mahal, lebih-lebih lagi jika pelan takaful yang disertai adalah berkaitan dengan pelaburan.

ialah RM100 sebulan. Manfaat yang akan diperolehi peserta hanyalah manfaat asas iaitu manfaat kematian atau TPD dan manfaat yang dijanjikan tersebut akan diberikan sekiranya berlaku musibah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam sijil takaful. Sekiranya peserta mahukan manfaat perlindungan berkaitan dengan kesihatan dan perubatan peserta perlu menambah pelan tambahan bersama-sama dengan pelan asas. Bagi pelan asas PruBSN *HealthEnrich+* misalnya harga sumbangan minimum bagi pelan takaful tambahan ini ialah RM83 sebulan. Sila lihat PruBSN Takaful Berhad, laman sesawang, <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/healthenrichplus/>.

¹¹¹ Setiap akad yang mengandungi unsur tidak jelas kedudukannya maka akad tersebut dengan sendirinya akan terbatal. Wizarah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizarah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2012), 38:63.

Kesan daripada itu juga boleh mendarangkan *mafsadah*, lebih-lebih lagi pada bahagian simpanan kerana jumlah yang dapat dimasukkan bagi akaun dana simpanan dan pelaburan peserta sedikit sahaja dalam tempoh tersebut.

Sesungguhnya adalah tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa situasi yang berlaku dalam sistem insurans Islam atau takaful pada masa kini seolah-olah aspek yang mendarangkan *maslahah* kepada peserta takaful kurang dititikberatkan jika ianya kurang mendarangkan keuntungan kepada pengendali takaful. Lebih-lebih lagi jika perkara itu akan mengurangkan keuntungan kerana ia merupakan sebuah entiti perniagaan yang sudah semestinya memerlukan keuntungan. Adalah menjadi sesuatu *mafsadah* sekiranya hanya satu pihak sahaja yang lebih mendapat manfaat manakala satu pihak lagi hanya mendapat manfaat sekiranya berlaku peristiwa atau musibah.

4.4 Kesimpulan

Dalam setiap manfaat dalam pelan-pelan takaful keluarga yang ditawarkan di Prudential BSN takaful sememangnya mengandungi elemen-elemen *maṣlahah* menurut *maqāṣid al-shari‘ah* yang tersendiri. Jika dilihat elemen *maṣlahah* dari aspek ruang lingkup khusus, dapat disimpulkan bahawa takaful keluarga dikenal pasti terletak di bawah kategori *maṣlahah khassah*. Selain itu, takaful ini juga mempunyai perkaitan dengan *maṣlahah ‘āmmah* kerana ia dilihat sebagai salah satu instrumen perlindungan dari aspek pemeliharaan *darūriyyāt al-khams*. Justeru itu, takaful keluarga dapat disimpulkan sebagai salah satu cara dalam mencapai *maṣlahah* mengurus risiko dan ia termasuk di bawah kategori *maṣlahah hājiyyah*. Meskipun begitu, penyertaan takaful keluarga dikenal pasti sebagai penyempurnaan (*al-takmīlāt*) kepada *maṣlahah hājiyyah* memandangkan ia melibatkan keperluan dan tahap kemampuan kewangan seseorang individu untuk menyertainya. Elemen *maṣlahah* dari aspek kepentingan, keutamaan dan kekuatan pemakaianya, takaful ini merupakan *maṣlahah hājiyyah* memandangkan ianya melibatkan lima perkara asas utama yang mesti dijaga dan dipelihara.

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan dapatan kajian yang telah dilakukan berdasarkan permasalahan dan perbahasan yang telah dikemukakan dan objektif yang hendak dicapai. Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan cadangan dan saranan bagi meneruskan usaha yang telah dibuat oleh para sarjana dan pihak yang terlibat dalam industri takaful ini. Bahagian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu rumusan keseluruhan, saranan dan penutup.

5.2 Rumusan Kajian

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

- i. Objektif 1: Menjelaskan akad yang diaplikasikan dalam takaful keluarga.

Dalam operasi takaful keluarga akad yang diaplikasikan ialah akad *tabarru'* dan akad *wakālah bi al-ajr*. Akad *tabarru'* diaplikasikan antara sesama kumpulan peserta takaful, manakala akad *wakālah bi al-ajr* pula diaplikasikan antara peserta dengan pengendali takaful, serta ejen takaful dengan pengendali takaful. Ianya dapat dinyatakan sebagaimana berikut:

- (i) Akad antara sesama kumpulan peserta takaful.

- a. Dalam takaful keluarga, *tabarru'* atau *iltizām bi al-tabarru'* diaplikasikan sebagai akad pendasar yang menghubungkan antara sesama peserta takaful. Akad ini menjadi elemen paling penting yang membezakan takaful dengan insurans konvensional yang mengaplikasikan akad *mu'āwadah* iaitu akad jual beli.

- b. Akad *tabarru'* yang diaplikasikan ialah akad *tabarru'* bersyarat. *Tabarru'* yang berlaku dalam takaful bukanlah pemberian tanpa apa-apa balasan, sebaliknya ia merupakan *tabarru' ta'awuniyyah ma'a mu'awadah*. Peserta bersetuju untuk saling bekerjasama dan menyumbang kepada dana *tabarru'*. Dalam tempoh penyertaan jika sekiranya peserta ditimpa musibah maka berhak mendapat manfaat daripada dana tersebut.
- c. Meskipun akad tersebut dilihat mengandungi unsur *mu'awadah* kerana jumlah *tabarru'* yang sempat dibayar oleh peserta baru mungkin sedikit, namun disebabkan musibah yang berlaku misalnya kemalangan, peserta tersebut mendapat jumlah manfaat pampasan yang lebih besar berbanding jumlah *tabarru'* yang sempat peserta bayar. Hakikatnya peserta tersebut tidak mengambil peluang mengaut pulangan daripada bayaran *tabarru'* nya. Berbeza dengan akad *mu'awadah* yang difahami sebagaimana dalam akad jual beli, dalam akad jual beli pembeli membayar harga barang yang dibeli kepada penjual kerana berniat untuk mendapat faedah ke atas barang yang dibelinya.
- d. Manakala dalam takaful pula apabila peserta bertabarru', mereka tidak lagi layak untuk menuntut semula sumbangan yang telah dibayar kerana ia telah menjadi sebahagian daripada hak milik dana *tabarru'*. Melainkan, sekiranya berlaku musibah yang dilindungi maka peserta akan diberikan dalam bentuk bayaran manfaat pampasan.

(ii) Akad *wakālah bi al-ajr* antara kumpulan peserta dengan pengendali takaful.

- (a) Akad ini diaplikasikan bagi menghubungkan kumpulan peserta dengan pengendali takaful, di mana ia bertujuan untuk mewakilkan pihak lain melaksanakan sesuatu tugas demi kemaslahatan pihak pewakil.
- (b) Pengendali takaful ialah *wakīl* yang bertanggungjawab menghubungkan peserta takaful dalam satu kumpulan. Peserta takaful pula ialah *muwakkil*. Dalam situasi ini, PruBSN ialah *wakīl* yang mengambil tanggungjawab menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan operasi takaful pihak peserta. Dalam takaful keluarga, tidak wujud hubungan pihak yang melindungi dan pihak yang dilindungi antara kumpulan peserta takaful dengan pengendali takaful.
- (c) Sebagai wakil, PruBSN akan menetapkan kadar tertentu jumlah *tabarru'* yang perlu dibayar oleh setiap peserta mengikut kesesuaian dan risiko yang ingin dilindungi. Ini bagi memastikan dana *tabarru'* sentiasa cukup dan mampu untuk membayar manfaat pampasan sekiranya peserta ditimpa musibah. Di samping itu, PruBSN juga memikul tanggung jawab sebagai wakil dari aspek menguruskan hal ehwal pengunderaitan, pembukaan akaun, penyimpanan, pembayaran tuntutan manfaat takaful dan lain-lain.
- (d) Selain itu, dana yang disumbangkan oleh peserta juga akan dilaburkan. Akad yang diaplikasikan ialah akad *wakālah bi al-ajr*. PruBSN akan mengenakan caj *wakālah* ke atas setiap peserta sebagai upah kerana menguruskan bahagian pelaburan dana tersebut bagi pihak peserta.

- (e) Sebagai salah sebuah institusi kewangan yang berdasarkan perniagaan, PruBSN juga turut menjana pulangan atas perniagaan yang dijalankan. Natijahnya, menerusi akad *wakālah bi al-ajr* peserta akan dikenakan caj sebagai sebagai ganjaran atas perkhidmatan *wakālah* yang telah diberikan. Caj tersebut dikenakan berdasarkan kepada jumlah yang dipersetujui bersama di awal perjanjian yang dibayar oleh peserta.
- (iii) Akad *wakālah bi al-ajr* antara ejen takaful dengan pengendali takaful.
- (a) Akad *wakālah bi al-ajr* juga turut diaplikasikan bagi menghubungkan ejen takaful dengan PruBSN. Menerusi akad ini, PruBSN ialah *muwakkil*, manakala ejen takaful pula ialah *wakīl*.
 - (b) Ejen takaful dilantik sebagai wakil kepada pengendali takaful untuk mendapatkan seramai mungkin individu untuk menyertai pelan-pelan takaful yang ditawarkan. Apabila semakin ramai menyertai takaful dapat meningkatkan jumlah dana *tabarru'* juga akan dapat dikumpul dalam tabung dana takaful.
 - (c) Natijahnya, setiap seorang penyertaan takaful ejen takaful akan diberikan komisen sebagai bayaran upah atas usahanya berjaya mendaftarkan seseorang individu menjadi peserta takaful. Bayaran komisen tersebut adalah berdasarkan kepada peratusan tertentu, misalnya dua puluh lima peratus daripada jumlah bayaran *tabarru'* peserta yang berjaya didaftarkan akan diberikan kepada ejen.

- ii. Objektif 2: Mengenal pasti elemen-elemen *maṣlahah* yang diterima pakai dalam produk takaful keluarga PruBSN.

Berdasarkan kepada hasil analisis yang telah lakukan, didapati bahawa kedudukan takaful keluarga adalah di bawah bahagian *maqṣad aṣliyyah*. Di samping itu, *maṣlahah* yang dikaitkan dengan takaful keluarga mempunyai perkaitan yang dekat dengan *maṣlahah ‘āmmah*, khususnya yang melibatkan kepentingan *maṣlahah* masyarakat Islam. *Maṣlahah* dari aspek kepentingan, keutamaan dan kekuatan pemakaian yang boleh dikaitkan dengan takaful keluarga adalah terletak di bawah kategori *maṣlahah hājiyyah* yang melibatkan lima perkara asas (*darūriyyāt al-khams*).

- (a) Penyertaan seseorang individu dalam takaful keluarga dilihat sebagai penyempurnaan (*al-takmīlāt*) kepada elemen *maṣlahah hājiyyah* menguruskan risiko. Ini kerana tidak semestinya dengan pelan takaful keluarga sahaja dapat melindungi risiko musibah orang ramai.
- (b) Keperluan terhadap pelan takaful keluarga khususnya berkaitan perubatan boleh berubah menjadi *maṣlahah darūriyyah* sekiranya terjadi apa-apa musibah atau kemudaratan.
- (c) Elemen-elemen pemeliharaan *maṣlahah* nyawa.
 - i. Secara keseluruhannya, elemen *maṣlahah* dari aspek penjagaan *maṣlahah* nyawa, akal dan harta sememangnya diterima pakai dalam produk-produk takaful keluarga PruBSN. Misalnya, takaful HealthEnrich+ menawarkan manfaat berkaitan dengan perlindungan terhadap 36 jenis penyakit kritikal. Menerusi manfaat takaful tersebut, elemen pemeliharaan *maṣlahah* nyawa dapat dikenalpasti dari aspek membantu menolak kemudaratan yang boleh mengancam kemaslahatan nyawa.

- ii. Sebagai contoh sekiranya peserta disahkan menghidap penyakit kanser, dengan manfaat takaful ia boleh menjadi sebagai bantuan tambahan bagi mendapatkan rawatan dan keperluan ubat-ubatan agar penyakit yang menimpa dapat dirawat. Oleh itu, masalah berkaitan dengan masa dan giliran yang panjang bagi mendapatkan rawatan yang sering dihadapi pesakit di hospital kerajaan juga dapat dikurangkan. Ini kerana dengan manfaat takaful peserta mempunyai pilihan alternatif bagi menjalani rawatan kanser yang dihadapi dengan kadar segera. Dengan usaha rawatan segera yang dilakukan, kemungkinan untuk sembuh juga tinggi. Justeru itu, menerusi manfaat berkaitan perlindungan 36 jenis penyakit yang ditawarkan dalam produk takaful keluarga di PruBSN menunjukkan bahawa elemen pemeliharaan *maslahah* nyawa sememangnya dititikberatkan dalam penawaran produk takaful tersebut.
- iii. Manfaat takaful keluarga berkaitan pelan perubatan dan pendapatan ke hospital pula adalah untuk memberikan kebaikan dan kemudahan kepada peserta yang dimasukkan ke wad bagi mendapatkan rawatan. Menerusi pelan takaful ini peserta akan diberikan kad kesihatan yang dimanfaatkan untuk tujuan tersebut.
- iv. Walau bagaimanapun, syarat pengecualian berkaitan dengan wanita bagi manfaat takaful perubatan dan pendapatan kemasukan ke hospital memerlukan kepada penambahbaikan supaya manfaat takaful tersebut benar-benar memberikan *maslahah* dan menolak *mafsadah* peserta yang menyertai takaful. Misalnya, sekiranya seseorang peserta takaful wanita tidak mengambil pelan takaful

wanita namun mengambil pelan takaful perubatan dan pendapatan kemasukan ke hospital. Sekiranya peserta wanita hamil dan dimasukkan ke hospital bukan disebabkan masalah berkaitan kehamilannya seperti demam panas maka peserta hamil tersebut juga seharusnya diberikan hak untuk mendapat manfaat takafulnya. Adalah tidak adil sekiranya dalam tempoh kehamilannya peserta tetap terus membayar sumbangan takafulnya, namun dalam masa yang sama sekiranya dia dimasukkan ke wad disebabkan sakit selain kehamilan dan yang berkaitan dengannya tidak dapat dimanfaatkan demi kemaslahatannya. Pengecualian tersebut dilihat dapat mengundang kewujudan *mafsadah* ketidak adilan terhadap peserta yang hamil. Adalah wajar sekiranya peserta yang hamil tersebut diberikan pengecualian membayar sumbangan *tabarru'*nya atau dikurangkan bayaran sumbangannya sepanjang tempoh kehamilannya sehingga selepas bersalin. Pengecualian atau pengurangan bayaran sumbangan tersebut dapat dilihat sebagai langkah usaha pengendali takaful dalam memelihara *maslahah* para peserta.

- v. Pengurangan jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar tersebut pula dilihat sebagai *maslahah* yang dapat meringankan bebanan kos bayaran peserta sepanjang tempoh kehamilannya. Baki daripada pengurangan bayaran tersebut juga sedikit sebanyak membolehkan peserta berdikari dan dimanfaatkan untuk membayar bil rawatan hospital sekiranya dalam tempoh kehamilannya dia dimasukkan ke hospital. *Maqṣad aṣliyyah* manfaat takaful adalah untuk memberikan manfaat perlindungan terhadap peserta takaful.

Dalam situasi ini manfaat perlindungan takaful tersebut dilihat bersifat *maṣlahah wahmiyyah*. Ini kerana seseorang peserta lebih-lebih lagi peserta wanita yang membayar sumbangan takafulnya sepanjang penyertaan takafulnya tidak pasti sama ada manfaat takaful tersebut akan diperoleh atau tidak dimasa akan datang.

(d) Elemen pemeliharaan *maṣlahah* akal.

- i. Elemen pemeliharaan *maṣlahah* akal dikenal pasti menerusi produk PruBSN *SmartLink* yang menawarkan manfaat perlindungan takaful bersama-sama dengan simpanan pendidikan. Manfaat takaful ini dilihat sesuai untuk ibu atau bapa yang berhasrat membuat persediaan perlindungan risiko untuk anak-anak mereka, dan dalam masa yang sama dapat membuat simpanan tabungan pendidikan bagi membolehkan anak mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- ii. Elemen *maṣlahah* yang boleh dikaitkan dengan keperluan terhadap pelan takaful berkaitan simpanan pendidikan adalah untuk menghilangkan *mafsadah* bebanan membayar semula hutang pengajian setelah tamat pengajian.
- iii. Selain itu, elemen pelengkap kepada pemeliharaan *maṣlahah* akal dapat dikenal pasti menerusi Bonus EduSmart. Mana-mana peserta yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akan diberikan bonus ini sebagai penghargaan atas kesungguhan dan usaha yang gigih peserta takaful. Pemberian bonus tersebut juga merupakan salah satu elemen usaha ke arah memelihara *maṣlahah* akal.

- (e) Elemen pemeliharaan *maṣlahah* harta.
- i. Dari aspek pemeliharaan elemen *maṣlahah* harta pula, kajian mendapati bahawa produk takaful keluarga PruBSN turut mementingkan pemeliharaan *maṣlahah* tersebut. Sebagai contoh, menerusi konsep *hibah* yang diterima pakai dalam takaful merupakan salah satu langkah usaha menghindarkan risiko *mafsadah* pembekuan harta pusaka yang tidak dituntut.
 - ii. Dengan menamakan benefisiari yang telah dipilih, sekiranya peserta meninggal dunia sekurang-kurangnya dapat menghindarkan *mafsadah* yang boleh membawa kepada kemudarat di kemudian hari seperti perbalahan, pengkhianatan atau penipuan.
 - iii. Kelebihan dan kepentingan menyertai takaful keluarga perlu lebih diketengahkan dan ditonjolkan agar masyarakat daripada pelbagai lapisan umur lebih memahami dan tertarik untuk menyertai pelan-pelan takaful keluarga yang bercirikan Islam.

iii. Objektif Ketiga: Menilai sejauhmanakah produk takaful keluarga PruBSN bertepatan dengan *maṣlahah*.

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan terhadap manfaat-manfaat takaful yang ditawarkan oleh PruBSN Takaful kepada para peserta yang menyertai pelan-pelan takaful keluarga, kajian mendapati bahawa manfaat-manfaat takaful tersebut sememangnya selari dan bertepatan dengan tujuan pemeliharan *maṣlahah darūriyyāt al-khams* para peserta takaful. Namun begitu, berdasarkan kepada analisis kajian berkaitan dengan operasi takaful iaitu berkaitan dengan isu lebihan dana *tabarru'* dan isu ejen takaful pengkaji mendapati bahawa *maṣlahah* kepada peserta telah dikesampingkan. Penerangannya adalah sebagaimana berikut:

(i) *Maṣlahah* dan *mafsadah* berkaitan isu perkongsian lebihan pengunderaitan atau dana *tabarru'*.

a) Kebiasaan jika berlaku lebihan (*surplus*) dana *tabarru'* selepas berakhir aktiviti takaful, ia akan diagihkan semula kepada para peserta. Pengagihan semula lebihan merupakan salah satu aspek yang membezakan takaful dengan insurans konvensional yang menjadikan lebihan tersebut sebagai pendapatan tambahan kepada syarikat insurans. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini pihak pengendali takaful juga turut menuntut supaya diberi hak untuk mendapatkan bahagian lebihan tersebut. Antara alasan yang diberikan ialah sebagai upah prestasi atau insentif kepada syarikat kerana berjaya menguruskan dana *tabarru'* dengan baik. Malahan, dalam sijil takaful peserta juga telah diletakkan klausa berkaitan dengan perkongsian lebihan. Sekiranya berlaku lebihan tersebut

maka ia akan diagihkan semula kepada peserta, di samping turut dikongsikan dengan PruBSN atas persetujuan peserta.

- b) Sebenarnya, meskipun perkongsian tersebut dikatakan sebagai suatu *maṣlahah* kepada syarikat takaful dari aspek meningkatkan motivasi mereka memikul amanah mengurus dana *tabarru'* bagi pihak peserta, namun apabila dilihat semula kepada akad yang diaplikasikan hakikatnya peserta telah pun dikenakan caj *wakālah* pendahuluan. Justeru itu pengkaji berpendapat perkongsian lebihan yang dilakukan oleh syarikat takaful adalah suatu *mafsadah* kepada para peserta dari sudut ketidak adilan. Ini kerana meskipun peserta memberikan persetujuan untuk berkongsi lebihan tersebut, namun hakikatnya peserta tidak mempunyai pilihan. Perjanjian tersebut seolah-seolah mengutamakan *maṣlahah* syarikat takaful berbanding *maṣlahah* peserta, sedangkan matlamat asal takaful adalah demi kemaslahatan peserta berbanding dengan matlamat sampingan iaitu keuntungan perniagaan yang dijalankan.
- c) Sekiranya syarikat PruBSN turut ingin mendapatkan lebihan tersebut maka pihak syarikat perlu kembali semula kepada akad *wakālah bi al-ajr* yang diaplikasikan. Justeru, sekiranya berlaku lebihan, dicadangkan supaya pihak syarikat takaful melaburkan semula lebihan tersebut. Sebagai wakil, pihak syarikat bolehlah mengenakan caj wakalah kali kedua kerana melaburkan lebihan tersebut. Dengan cara tersebut, ia dilihat lebih jelas dan selari dengan akad wakalah yang diaplikasikan dalam operasi takaful berbanding mengambil begitu sahaja tanpa alasan yang lebih

munasabah untuk turut mendapatkan bahagian mereka dalam lebihan tersebut. Apa yang lebih penting ialah, *maṣlahah* dari sudut keadilan dengan sendirinya dapat dicapai sekaligus menolak *mafsadah* ketidak adilan kepada kedua-duanya.

- d) Klaus berikaitan dengan agihan lebihan dana *tabarru'* antara PruBSN dengan peserta juga perlu kepada penambahbaikan demi *maṣlahah* para peserta. Hal ini kerana, dana *tabarru'* merupakan dana yang diperuntukkan untuk para peserta dan sumber dana tersebut juga daripada sumbangan peserta. Oleh itu, adalah tidak adil sekiranya PruBSN juga inginkan lebihan tersebut. Melainkan PruBSN menambah di dalam klaus akan melaburkan semula lebihan dana tersebut. Caj *wakālah* kali kedua akan dikenakan sebagai bayaran upah kerana membantu melaburkannya bagi pihak peserta. Dengan cara itu alasan pengambilan lebihan tersebut lebih munasabah berbanding dengan mengambil begitu sahaja tanpa alasan yang kukuh. Dengan itu ia dapat memelihara *maṣlahah* peserta dan PruBSN dan *mafsadah* ketidak adilan dapat dihindarkan.

(ii) *Maṣlahah* dan *mafsadah* berkaitan isu ejen takaful

- a) Akad yang diaplikasikan yang menghubungkan PruBSN dengan ejen takaful ialah akad *wakālah bi al-ajr*. Melalui akad tersebut, ejen akan dibayar komisen sebagai upah bagi setiap seorang peserta yang menyertai pelan takaful di PruBSN. Ejen takaful berperanan memberi penerangan tentang kepentingan takaful dan manfaat memiliki perlindungan takaful. Melalui aktiviti

turun ke lapangan dan bertemu masyarakat umum dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang takaful sedikit sebanyak memberi kesan positif. Dengan itu, ia boleh mendatangkan kebaikan dan kemaslahatan kerana melalui ejen takaful masyarakat mengenali takaful, sekali gus mendorong mereka untuk menyertai takaful. Walau bagaimanapun, penglibatan ejen takaful dilihat sebagai *mafsadah* kepada peserta kerana untuk membayar upah komisen kepada ejen, pihak syarikat akan menolak daripada sumbangan yang dibayar oleh peserta. Bahkan, peratusan komisen kepada ejen yang ditolak daripada sumbangan peserta bukanlah sedikit.

- b) Jika dilihat semula kepada akad *wakālah*, hubungan peserta dengan ejen takaful tidak mempunyai perkaitan secara langsung sebagaimana hubungan ejen dengan PruBSN. Penolakan caj *wakālah* kepada ejen boleh dianggap suatu *mafsadah* dari sudut ketidak adilan kepada peserta sedangkan manfaat daripada *wakālah* tersebut lebih mendatangkan *maṣlahah* kepada PruBSN.
- c) Sebenarnya penglibatan ejen dalam operasi takaful adalah *maṣlahah* untuk peserta, namun akan menjadi *mafsadah* sekiranya *maṣlahah* tersebut lebih dimanfaatkan oleh pihak syarikat dan agensi. Manakala, pihak peserta akan mendapat manfaat hanya apabila berlaku musibah sedangkan matlamat utama takaful keluarga adalah untuk demi memelihara *maṣlahah* para peserta.

- d) Namun, menggunakan dana *tabarru'* peserta untuk diberikan kepada pihak ejen dilihat sesuatu yang perlu dikaji dan dibaiki semula. Meski pun pemberian komisen kepada ejen termasuk dalam kos yang berkaitan pengurusan operasi, namun hakikatnya akad *wakālah* yang sebenar adalah antara PruBSN dengan ejen. Oleh itu, sudah sampai masanya PruBSN mencari sumber alternatif lain untuk membayar caj komisen kepada ejen takaful.

5.3 Saranan dan Cadangan

Sehingga kajian ini dijalankan, akad yang diaplikasikan dalam operasi pengendalian Takaful keluarga di kebanyakan institusi takaful ialah akad *tabarru'* dan *wakālah bi al-ajr*. Hal ini kerana kedua-dua akad ini mempunyai peranan yang berbeza namun matlamat yang sama iaitu mendatangkan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah* terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam takaful. Sebagaimana yang diketahui takaful keluarga merupakan instrumen perlindungan risiko alternatif yang dapat menggantikan insurans konvensional. Manfaat-manfaat yang ditawarkan menerusi produk-produk takaful keluarga juga sememangnya mengandungi elemen-elemen yang mendatangkan *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah*.

Struktur pelan-pelan dalam produk takaful masih perlu ditambahbaik dan dipertingkatkan lebih-lebih lagi yang melibatkan pelan asas. Pihak PruBSN juga disarankan untuk sentiasa mengutamakan kemaslahatan peserta dan pada masa yang sama tidak mengabaikan *maṣlahah* syarikat. Misalnya, luaskan lingkup pelan asas yang lebih mengutamakan *maṣlahah* kepada peserta iaitu selain manfaat kematian dan TPD boleh juga ditambahkan manfaat kemalangan sebagai sebahagian daripada manfaat asas. Selain itu, dicadangkan juga supaya pihak PruBSN dan pengendali-pengendali takaful yang lain supaya mengurangkan kebergantungan mengambil bayaran daripada sumbangan peserta untuk membayar upah atau komisen kepada ejen takaful. Adalah sebaiknya sekiranya pihak syarikat takaful mencari sumber kewangan alternatif lain untuk membayar caj kepada ejen atau mengurangkan tempoh bayaran komisen kepada ejen berbanding selama enam tahun sebagaimana yang dilaksanakan pada masa kini.

Di samping itu pihak PruBSN juga perlulah mengambil kira juga *maṣlahah* para peserta takaful lain yang tidak pernah membuat sebarang tuntutan manfaat pampasan semasa dalam tempoh mereka menyertai pelan takaful keluarga yang ditawarkan kerana ditakdirkan tidak ditimpa sakit atau kesusahan-kesusahan lain. Para peserta hanya

mendapat manfaat takaful yang dijanjikan sekiranya berlaku musibah yang menimpa dirinya, atau dengan lain maksud sekiranya tidak berlaku apa-apa musibah sebagaimana yang disenaraikan di dalam sijil takaful ke atas peserta maka peserta hanya membayar sumbangannya tanpa mendapat apa-apa manfaat dan keistimewaan. Seharusnya pihak takaful haruslah mencari alternatif atau cara yang lebih komprehensif bagi menambahbaik manfaat-manfaat yang sedia ada di PruBSN. Sebagai contoh, pihak PruBSN boleh memberikan diskauan beberapa peratus pembayaran sumongan atas sebab kesetiaan mereka. Selain PruBSN juga perlu meneliti semula terma-terma yang terdapat pelan takaful. Hal ini kerana bagi mengelakkan peserta merasa caruman takaful yang dibayar tidak memberikan sebarang faedah atau manfaat kepada mereka.

5.4 Penutup

Sesungguhnya produk takaful keluarga PruBSN mampu memberikan manfaat dan melengkapkan elemen-elemen pemeliharaan *maṣlahah darūriyyāt al-khams* sepermata yang disarankan dalam hukum Islam khususnya yang melibatkan pemeliharaan agama, nyawa, akal dan harta. Pelan-pelan yang terdapat di bawah produk takaful keluarga adalah suatu keperluan bersifat *maṣlahah ḥājiyyat* yang bertujuan untuk mendatangkan kebaikan dalam hidup masyarakat, iaitu memperoleh kemudahan serta meringankan bebanan mana-mana peserta yang ditimpa musibah.

Sehubungan dengan itu, sokongan dan kerjasama dari sudut tenaga dan buah fikiran daripada semua pihak sangat diperlukan supaya dapat meningkatkan prestasi industri takaful serta menarik lebih ramai masyarakat umum khususnya umat Islam di Malaysia untuk terus menyokong produk perlindungan risiko Islam. Ini kerana produk takaful keluarga sememangnya telah terbukti mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan berbanding produk insurans konvensional dari sudut pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* terhadap manusia. Diharap produk takaful keluarga akan mendapat dokongan yang kuat dari pemerintah dan sokongan yang utuh dari umat Islam demi memartabatkan industri takaful di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

Bahasa Arab

- ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān. *Al-Takāful al-Ijtīmā’ī fī al-Islām*. Qāherah: Dār al-Salām, 1983.
- _____. *Hukm al-Islam fī al-Ta’mīn (al-Sukarah)*. Beirut: Dar al-Salam, 1980.
- ‘Abd Sattār Abū Ghuddah. *Buhūth fī al-Mu’āmalat wa al-Asālib al-Maṣrafiyyah al-Islāmiyyah*. Jeddah: Dallah al-Barakah Group, 2008.
- ‘Ali al-Sharbījī. *Al-Fiqh al-Manhajī ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī*. Dimashq: Dar al-Qalam, 1992.
- ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz Bin ‘Abd Al-Salām. *Al-Qawā‘id Al-Kubra Al-Mawsūm Bi Al-Qawā‘id Al-Aḥkām Fī Maṣāliḥ Al-Anām*. Dismashq: Dar al-Qalam, 2010
- Abd Sattār Abū Ghuddah. *Buhūth fī al-Mu’āmalat wa al-Asālib al-Maṣrafiyyah al-Islāmiyyah*. Dallah al-Barakah Group, 2008.
- Abī al-Fidā’ Ismā‘il bin Kathir al-Qursyi al-Dimashqī. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm*. Jilid ke-2. Beirut: Dar al-Andalus, 1966/1385h.
- Abī al-Hussayn Aḥmad Bin Fāris bin Zakariyyā. *Mu’jam Maqāyīs al-Lughah*. Jilid ke-5. t.tp: Dar al-Fikr, t.t.
- Abī Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Baihaqī. *al-Jāmi‘ li Shu‘ab al-Imān*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2011.
- Ahmad bin Muhammad Bin ‘Ali al-Fayyumi Al-Maqra‘i. *Al-Misbah Al-Munir*. Lubnan: Maktabah Lubnan, 1987.
- Aḥmad Muḥammad al-Zarqa’. *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1989.
- Al-‘Alīm, Yusūf Ḥamid. *Al-Maqāṣid Al-‘Āmmah Li Al-Syāri‘ah Al-Islāmiyyah*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, 1991.
- Al-Asyqār, ‘Umar Sulayman ‘Abd Allah. *Nażarāt fī Uṣūl al-Fiqh*. Jordan: Dar al-Nafa’is, 2015.
- Al-Ayyūbī, Aiman Jubrayn Juwaylis. *Maqāṣid al-Shari‘ah fī Takhṣīṣ al-Nās Bi al-Maṣlaḥah wa Taḥbiqātuhā fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jordan Dar al-Nafais: Dar al-Nafais, 2010.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il. “Ṣahīḥ al-Bukhārī.” Dalam *Al-Jāmi‘ al-Ṣahīḥ al-Musnad min Hadīth al-Rasūl Ṣalla Allah ‘Alayh wa Sallam wa Sunanīh wa Ayyāmih*, ed. Muhib al-Din al-Khatib et al. Jilid 1. Kaherah: Dar al-Salafiyyah, 1980.
- Al-Fāsi, ‘Alāl. *Maqāṣid Al-Shari‘ah Al-Islāmiyyah Wa Makārimuha*. ed. Ahmad Al-Raysuni. Al-Qaherah: Dar al-Kalimah, 2014.

Al-Fayruz Abadi, Muhammad Ibn Ya‘aqub. *Al-Qāmus al-Muhiṭ*. Beirut: Muassasat al-Risalah, 1987.

Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Al-Mustasfa Min ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.

Ali Muhyi al-Din ‘Ali al-Qurrah Daghi. *Al-Ta’min al-Islāmi: Dirāsaḥ Fiqhīyyah Ta’sīliyyah*. Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2005/1426H.

Al-Maqra‘i al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad Bin ‘Ali. *Al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Lubnan: Maktabah Lubnan, 1987.

Al-Sharbīnī, Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muhtāj Ila Ma’rifah Ma’ani Alfāz al-Manhāj*. Jilid ke-3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Al-Shāṭibī, Abī Ishaq. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari‘ah*, ed. ‘Abd Allāh Darraz. Jilid ke-2. Kaherah, Miṣr: Maktabah Dar al-Tawfiqiyah, 2003.

Al-Tirmizi, Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah Ibn Mūsā al-Tirmizi. “Sunan al-Tirmizi.” Dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.

Al-Zawiyi, Ahmad Tahir. *Tartib Al-Qamus Al-Muhit ‘Ala Tariqah Al-Misbah Al-Munir Wa Asas Al-Balaghah*. Al-Qaherah: ‘Isa al-Babi al-Halabi, 1970.

Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1976.

Hassan, Hussayn Ḥamid. *Nazariyah al-Maṣlahah fī al-Fiqh al-Islāmi*. Al-Qaherah: Maktabah al-Mutanabbi, 1981.

Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad ‘Amin bin ‘Umar. *Radd al-Muhtār ‘ala al-Dār al-Mukhtār*. T.tp: Dar al-Kutub al-‘Amaliyyah, 1992.

Ibn ‘Asyur, Muḥammad Tahir. *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*. ‘Amman: Dar al-Nafā’is, 1999.

_____, Muhammad Tahir. *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*. Al-Qāherah: Dār al-Salām, 2006.

Ibn Majah, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Rab‘īy Ibn Mājah al-Qazwayni. “Riwayat Ibn Majah.” Dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.

Ibn Manzūr, Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram al-Afriqī al-Miṣrī. *Lisan Al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Fikr. 1972.

_____. Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram al-Afriqī al-Miṣrī. *Lisān al-‘Arab*. Jilid ke-3. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Ibn Rushd, Abī Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Ahmad Ibn Rushd al-Qurṭubī al-Andalūsī al-Syahīr al-Ḥafid. *Bidāyāt al-Mujtahid wa Nihāyāt al-Muqtaṣid*, ed. Farīd ‘Abd al-‘Azīz al-Jundī. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2004.

Maḥmud al-Rubi, *Al-takāful al-ijtimā’ī fī al-Qur’ān al-Karīm: Tahlil al-Iqtisādī wa al-Fiqh* (Qāhirah: Jāmi‘at al-Azhar, Markaz Salih, ‘Abd Allāh Kāmil, 1998).

Manṣūr ibn Yūnus ibn Idrīs al-Buhūth, *Kashāf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’*, ed. Mansur ibn Yunus al-Buhuti. Jilid ke-4. Al-Riyād: Dār ‘Alam al-Kutub, 2003.

Muhammad Abu Zahrah, *Al-Takāful al-Ijtimā’ī fī al-Islām*. Qaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, t.t.

Muhammad Muṣṭafa al-Zuhayli. *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah wa al-Taṭbiqātihā fī al-Mazāhib al-Arba'ah*. Dimashq: Dar al-Fikr, 2006.

Muhammad Sa‘id al-Yūbī. *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah Wa ‘Alāqatuha bi al-Adillah al-Shar‘iyah*. Mamlakah ‘Arab Sa‘udi: Dar al-Hijrah, 1993.

Muslim, Abī al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin. “Ṣāḥīḥ Muslim.” Dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.

Mustafa Ahmad al-Zarqa'. *Niżām al-Ta'min: Haqīqatuh wa al-Ra'y al-Shar'i Fih*. Cetakan ke- 4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1984.

Muṣṭafa al-Khin, Mustāfa al-Bughā dan ‘Ali al-Sharbiji. *Al-Fiqh al-Manhajī ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī*. Jilid ke-7. Dimashq: Dar al-Qalam, 1992.

Nazīḥ Hammād. *Mu'jam al-Mustalaḥāt al-Māliyyah wa al-Iqtisādiyyah fi Lughah al-Fuqha'*. Dimashq: Dar al-Qalam, 2008.

Rohi Baalbaki. *Al-Mawrid a Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar el-Elm Lilmalayin, 1995.

Rūhī al-Ba'labakkī, *al-Mawrid: Qamus 'Arabi-Inklizi*. Beirūt: Dār al-Ilm li al-Malāyīn, 1997.

Shams al-Dīn bin Muhammad al-Khatib al-Shirbini. *Mughni al-Muhtāj*. Jilid ke-2. Beirut: Dār al-Marifah, 1997.

Shihāb al-Dīn Abū ‘Amrū. *Al-Qāmūṣ al-Munjid*. Bayrut: Dar al-Fikr, 2003.

Suhayli, Muhammad Amin. *Qā'idah Dar'u Al-Mafāsid*. 1st ed. Iskandariyyah: Dar al-Salam, 2010.

Wizarah al-Awqāf. *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Jilid ke-38. Kuwait: Wizarah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2012).

_____. *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Jilid ke-44. Kuwait: Wizarah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.

Zaidan, ’Abd al-Karim. *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1996.

Bahasa Melayu

- Ab. Mumin Ab. Ghani. *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999.
- Azman Mohd Noor. "Takaful: Analisis ke Atas Konsep dan Aqad." Makalah, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2009 kali ke-4. Hotel Nikko Kuala Lumpur, 2 November 2009.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011
- Fadillah Mansor dan Azman Ismail. "Konsep Takaful dan Amalannya di Malaysia." Dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mukmin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Habibas Tolos et al. "Takaful (Insurans Islam)." Dalam *Pengurusan Risiko dan Insurans*, ed. Lim Chee Chee. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003.
- Hailani Muji Taher dan Sanep Ahmad. *Aplikasi Fiqh Mu'amalah dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009.
- Halimatussaadiah Hairudin dan Mat Noor Mat Zain. "Aplikasi Prinsip dalam Kontrak dan Keuntungan Produk Takaful Keluarga di Syarikat-Syarikat Takaful di Malaysia: Satu Sorotan Literatur". Dalam *Prosiding Kolokium Siswazah Jabatan Syariah 2013*, ed. Anwar Fakhri Omar. Bangi: Departmen Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Hendon Redzuan, Rubayah dan Mohamad Abdul Hamid. *Risiko Dan Insurans*. Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005.
- IBFIM. *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2010.
- Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.
- Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM), *Buku Panduan Asas Takaful* (Kuala Lumpur: Islamic Banking Finance Institute Malaysia, 2007).
- Jamil Ramly et al. *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2010.
- Kamus Dewan*. Edisi ke- 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. "Maqasid al-Shari'ah: Satu Pengenalan." Dalam *Maqasid al-Shari'ah*, ed. Mek Wok mahmud dan Akhtarzaite Abdul Aziz. Edisi Pertama. Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012.
- Mohamad Akram Laldin, "Takaful dan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu Serta Fatwa Pilihan." Makalah, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam KLIFF 2007, Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 19 November 2007.
- Mohamad Akram Laldin. "Takaful dan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu Serta Fatwa Pilihan". Makalah, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam KLIFF 2007, Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 19 November 2007.

Mohd Azhar Abdul Hamid et al. *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. Johor: Univesiti Teknologi Malaysia, 2001.

Mohd Fadzli Yusuf. *Takaful: Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1996.

Mohd Hisyam. "Perbandingan Kontrak Takaful". Dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab Rahman et al. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2008.

Mohd Isa Mohd Deni dan Nurul Huda Abdullah @ Abdul Aziz. "Pengurusan Lebihan Dana Takaful: Satu Analisis." Makalah Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016). Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), 10-12 Mei 2016.

Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Mohd Sheffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Muhammad Hisyam Mohamad. "Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans." Dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Abd Rahman et al., 19-36. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Muhammad Syakir Sula. Asuransi Syariah (Life And General): Konsep Dan Sistem Operasional. Jakarta: Gema Insani Press, 2004.

Nurauliani Jamlus Rafdi et. al. "Penerimaan Masyarakat Terhadap Perlindungan Takaful". Makalah, Persidangan Antarabangsa Pengurusan dan Muamalah IV 2017 (4th ICoMM 2017), Peringkat Kebangsaan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Hotel Palm Garden Putrajaya, 7-8 November 2017.

Perlindungan". Dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab Rahman et al. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2008.

Roslinah, "Maqasid al-Shariah and Takaful Practices", Artikel ICMIF Takaful no. 25. November 2009.

Sabitha Merican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Sdn Bhd, 2005.

Sudin Haron. *Sistem Kewangan Islam Dan Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School, 2007.

Bahasa Inggeris

- AAOIFI, Shari‘ah Standards for Islamic Financial Institutions. Bahrain: AAOIFI, 2010.
- Ahcene Lahsasna. *Maqāṣid Al-Shari‘ah In Islamic Finance*. 1st ed. Kuala Lumpur: IBFIM, 2013.
- Ahmad Mazlan Zulkifli. *Basic Takaful Practice: Entry Level for Practitioners*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2012.
- Ahmad Mazlan Zulkifli et al. *Basic Takaful Practitioners: Medical& Health Takaful, General Takaful and Family & Investment Linked Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2012.
- Asmak Ab Rahman dan Shamsiah Mohamad. “Analysis of *Tabarru’* Principle in Takaful Contract: Malaysian Experience.” Makalah, Persidangan Kemanusian, Sejarah dan Sains Sosial, (CHHSS), Singapura, 26-28 Februari 2010
- Asmak Ab Rahman, Wan Marhaini Wan Ahmad, and Shamsiah Mohammad. *Islamic Economics, Banking and Finance: Concepts and Critical Issues*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2014.
- Asyraf Wajdi Dusuki Dan Said Bouheraoua. “The Framework of Maqasid Al-Shari‘ah (Objectives Of The Shari‘ah) And Its Implications For Islamic Finance” Research Paper ISRA, no 22 (2011).
- Azman Mohd Noor. “Shari‘ah Compliance Review On Investment Linked Takaful In Malaysia”, Islamic Economic Studies. Jilid 7, no.1, 4-5.
- Aznan Hassan. *Fundamentals of Shari‘ah in Islamic Finance*. 1st ed. Kuala Lumpur: IBFIM, 2011.
- Emmet J. Vaughan. *Fundamentals Of Risk and Insurance*. New York: John Wiley & Son, Inc., 1997.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali and Hassan Scoot P. Odierno. *Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance)*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd, 2008.
- Etti Baraboff. *Risk Management and Insurance*. New York: John Wiley & Son, Inc., 2004.
- Hamim Syahrum Ahmad Mokhtar, Izwayu Abdul Aziz dan Noraziyah Md. Hilal. “Surplus-Sharing Practices of Takaful Operators in Malaysia.” Dalam *Jurnal ISRA International Journal of Islamic Finance* Vol. 7 Issue 1 (2015).
- ISRA, International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance. *Islamic Finance System Principles & Operations*, ed. Asyraf Wajdi Dusuki Dusuki. Ed. Ke-5. Kuala Lumpur: International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2015.
- _____. *Islamic Finance System Principles & Operations*. Kuala Lumpur: International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance, 2012.

Kamaruzaman Noordin. "The Implementations Of Tabarru." Dalam *Islamic Economics, Banking and Finance: Concepts and Critical Issues*, ed. Asmak . Ab Rahman, Wan Marhaini Wan Ahmad, and Shamsiah Mohamad, 91–112. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd. 2014.

Kamus Oxford Advanced Learner's. Edisi ke-5. New York: Oxford University Press, 1998.

Klause Krippendorf. *Content Analysis An Introduction to Its Methodology*. Edisi 1. London: Sage Publication, 2004.

Mervyn K-Lewis. "Wealth Creation Through Takaful." Dalam *Islamic Perspectives on Wealth Creation*, ed. Munawar Iqbal and Rodney Wilson. Edinburgh: Edinburgh University Press, 2005.

Mohd Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail, dan Abdul Khudus Mohd Naaim. *Fundamentals of Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2011.

Roslinah Daud, "Maqasid al-Shariah and Takaful Practices," ICMF Takaful Articles, no. 25 (November 2012).

Shamsiah Mohamad, Asmak Ab Rahman, and Wan Marhaini Wan Ahmad. "The Concept Of Tabarru' In Takaful: A Proposition." Dalam *Islamic Economics, Banking and Finance: Concepts and Critical Issues*, ed. Asmak . Ab Rahman, Wan Marhaini Wan Ahmad, and Shamsiah Mohamad, 75-90. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd. 2014.

Syahida Abdullah. "Risk Management via Takaful from a Perspective of Maqasid of Shariah." *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 65, (2012).

_____. "The Objectives of Shariah (Maqasid Syariah) in Takaful Highlighting the Noble Practice Takaful." Makalah, International Conference on Management, Economics and Finance, Hilton Hotel, Kuching, Sarawak, 15-16 Oktober 2012.

Syed Salman, "The Relevance of Maqasid al-Shariah to Corporate Governance, Corporate Ethics and Responsibility." Module IE-2002 of part II of Chartered Islamic Finance Professional (CIFP) INCEIF- The Global University of Islamic Finance-January 2014.

Tobias Frenz dan Younes Soualhi. *Takaful and Retakaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2010.

Zainal Abidin Mohd Kasim. "Takaful: A Question of Surplus", dalam *Takaful Islamic Insurance: Trends, Oppornities and the Future of Takaful*, ed. Sohail Jaffer (London: Euromoney Institutional Investor Plc, 2007.

Zuriah Abdul Rahman dan Hendon Redzuan. *Takaful: The 21st Century Insurance Innovation* (Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2009.

Tesis dan Disertasi

- Aisyah Mustafa, “Pengunderitan Dalam *Produk* Takaful Keluarga Dari Perspektif Syariah.” Tesis sarjana, Universiti Malaya, 2015.
- Arif Fathillah Mohd Safar. “Analisis Terhadap Elemen Maqāṣid Al-Shari‘ah dalam Produk Takaful Ikhlas di Malaysia”. Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2011.
- Che Ismail Che Othaman. “Pemakaian Maqasid Al-Shari‘ah Dalam Produk Takaful Keluarga Di Etiqa Takaful Berhad.” Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Mohd Kamil Ahmad, “Hibah Bert’liq dan Potensi Penggunaannya Dalam Takaful: Kajian dari Perspektif Fiqh.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2017.
- Nuurshirathal Firdaws Abd Rani. “Produk-produk Takaful Wanita Di Syarikat Takaful Terpilih: Analisis Dari Perspektif Maqasid al-Shari‘ah.” Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016.
- Ridzwan Ahmad. “Standard Maslahah Dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.
- Rif’atul Muna. “Relevansi *Mashlahah* dengan Fatwa Dsn-Mui No. 21/Dsn-Mui/X/2001 Tentang Pedoman Umum Asuransi Syariah.” Tesis sarjana: Institut Agama Islam Negeri Walisongo Semarang, 2013.

Laman Sesawang

- “Haram Pilih Insurans Konvensional” Laman Sesawang Utusan Malaysia, dicapai pada 16 Ogos 2016,
http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140601/dn_30/Haram-pilih-insurans-konvensional.
- “Licensed Insurance Companies & Takaful Operators.” Laman Sesawang Bank Negara Malaysia (BNM), dicapai 2 Mac 2017
<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&lang=bm>
- “Operator Takaful bagi Takaful Keluarga dan Takaful Am”, laman sesawang Bank Negara Malaysia (BNM), dicapai 1 Jun 2016,
<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKFF&lang=en>
- “Pengeluaran Lesen Takaful Keluarga Baharu.” Laman Sesawang Bank Negara Malaysia, di capai pada 1 Mac 2017,
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press&ac=3200&lang=bn
- “Produk Kami”, laman sesawang Prudential BSN, dicapai pada 20 Jun 2016,
<https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/>
- Great Eastern Takaful Berhad, laman sesawang, dicapai pada 2 Jun 2017
<https://www.greateasterntakaful.com/content/dam/great-eastern/takaful/en/homepage/takaful-solutions/find-the-right-plan/protect-myself->

[and-my-family/life-protection/i-great-murni/i-great-murni-en.pdf](#)

HSBC Amanah Takaful, laman sesawang, dicapai pada 2 Jun 2017
http://www.takaful.hsbcamanah.com.my/1/PA_ES_Content_Mgmt/content/MYHT/pdf/hsbc_lifestyle_protector_plus.pdf

Ilah Hafiz Azizi, “RM60b harta umat Islam tidak dituntut”, Berita Harian Online, 29 Mac 2016, dicapai 10 September 2017, <https://www.bharian.com.my/node/138450>.

Menyertai Polisi Insurans Konvensional: Halal Atau Haram?” Laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai 3 Disember 2016, <http://e-muamalat.islam.gov.my/artikel/menyertai-polisi-insurans-konvensional-halal-atau-haram>

Norisah Ibrahim, “Harta pusaka orang Islam tidak dituntut RM60 bilion”, Utusan Online, 13 Oktober 2016, dicapai 10 September 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/harta-pusaka-tidak-dituntut-mencecah-angka-rm60-bilion-1.185501>.

Norshahzura Mat Zuki, “Urus harta pusaka, usah beban waris”, Sinar Harian Online, 15 Ogos 2016, dicapai 10 September 2017
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/bisnes/urus-harta-pusaka-usah-beban-waris-1.552337>

Sinar Harian. “PruBSN SmartLink, pelan takaful pertama untuk anak belum lahir.” Sinar Harian Online, laman sesawang, dicapai 13 Julai 2017
<http://www.sinarharian.com.my/bisnes/prubsn-smartlink-pelan-takaful-pertama-untuk-anak-belum-lahir-1.92015>

Sunlife Malaysia Takaful, laman sesawang, dicapai 2 Jun 2017,
<https://www.sunlifemalaysia.com/SunLife/media/SunLifeMedia/protectionNeeds/sinar-link-sakinah.pdf>

Teoh Pei Ying, “Perlu RM150,000 biaya kos hospital”, 14 Mac 2018, laman sesawang MyMetro, dicapai 14 Disember 2018,
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/03/321074/perlu-rm150000-biaya-kos-hospital>.

Utusan Online, “Premium Insurans, Takaful Mahal di Malaysia” laman sesawang, dicapai 18 Ogos 2016
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Korporat/20140702/ko_03/Premium-insuranstakaful-mahal-di-Malaysia

Wartawan Sinar Harian “Terkejut terima pampasan anak”, Sinar Harian Online, 17 Januari 2017 laman sesawang dicapai 30 November 2017,
<http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/terkejut-terima-pampasan-anak-1.613798>.

Temu Bual

Abdul Hakim Johari (Penolong Pengurus Kajian Shariah dan Penyelidikan Prudential BSN Takaful) dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2017.

Mohd Faiz Hafizi Manap (Pengurus Senior Produk, Bahagian Pemasaran) dalam temu bual dengan penulis pada 28 April 2017.

Mohd Fuad Md. Sawari (Dr., Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Prudential BSN Takaful Berhad) dalam temu bual dengan penulis pada 28 Februari dan 6 Mac 2017.

Mohd Nazri Othman (Ejen, Prudential BSN Takaful Berhad dalam temu bual dengan penulis pada 14 Mei 2017.

University Of Malaya